

Bab 2

Kehidupan Tidak Terjamin

Darurat yang diisytiharkan pada 16 Jun 1948 menyemarakkan lagi usaha komunis untuk menamatkan pentadbiran British di Tanah Melayu. Lanjutan dari itu, berbagai bentuk kejadian ganas dan ngeri dilakukan oleh pengganas komunis. Kegiatan komunis itu mengakibatkan penduduk hidup dalam keadaan yang tidak terjamin. Kempen serangan, kekejaman, keganasan, ugutan, sabotaj serta berbagai tindakan pengganas komunis menimbulkan kesusahan, kegusaran, ketakutan, penderitaan dan kesengsaraan penduduk Tanah Melayu. Pembunuhan dan penganiayaan berlaku secara meluas di sana sini di Tanah Melayu. Kemarahan penduduk semakin meningkat apabila tindakan komunis menyebabkan mereka kehilangan tempat berteduh. Ketakutan merebak kerana pertempuran, tembak-menembak bertambah hebat. Tiada sesiapa yang mengetahui bahawa kawasan mana akan terlibat seterusnya atau siapa yang akan menjadi mangsa. Pada umumnya, orang awam yang dibunuh oleh pengganas komunis adalah atas sebab sama ada tidak menyumbang wang atau makanan ataupun kerana disyaki memberi maklumat atau bekerjasama dengan kerajaan. Dalam hal ini, bukan sahaja orang perseorangan tetapi kadangkala seluruh keluarga turut dibunuh.¹ Ini menyebabkan sesetengah penduduk bertindak memberi bantuan dan membayar wang perlindungan kepada pengganas komunis demi keselamatan diri dan keluarga.² Kemarahan juga ditujukan kepada PKM yang melakukan serangan yang semakin ganas dan bertambah, dan kepada kerajaan kerana ketidakmampuan dalam mengawal keadaan di Tanah Melayu. Sekiranya penduduk menunjukkan sokongan kepada kempen kerajaan menentang komunis, pembalasan akan dilakukan oleh komunis ke atas mereka dan ahli

keluarga mereka. Ini mengakibatkan sesetengah penduduk meminta supaya kawasan mereka dipagari sebagaimana yang dilakukan di Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, atas cadangan penghulu dan penduduk kawasan berkenaan.³ Pada masa yang sama, terdapat segelintir penduduk berpendapat mereka lebih selamat sekiranya tidak memihak kepada sama ada kerajaan atau komunis. Dengan cara itu, mereka dapat melepaskan diri dari menjadi mangsa komunis. Seandainya mereka disyaki mempunyai hubungan dengan komunis, mereka mungkin ditahan dan dipenjarakan untuk beberapa tahun sahaja dan tidak akan kehilangan nyawa.⁴ Pendek kata, hampir semua aspek kehidupan penduduk di Tanah Melayu telah berubah akibat darurat yang hanya berakhir pada 31 Julai 1960 dengan ketewasan komunis. Kehidupan penduduk Tanah Melayu diselubungi dengan zaman kegelapan dan ketidaktentuan masa depan mereka di antara tahun 1948 hingga 1960. Mereka mempunyai pengalaman hidup yang pahit dalam zaman kesusahan ini dan sentiasa hidup dalam ketakutan. Perkara ini dinyatakan oleh Pesuruhjaya Tinggi British Gerald Templer seperti berikut:

Fear has played a big part—far too big a part—in the lives of Malaya. In Malaya there has been constant fear of murder and sudden death. There has been fear of torture and extortion, and of oppression and loss of liberty at the hands of terrorists who stick at nothing to gain their ends.⁵

Pada zaman darurat, ramai yang menjadi mangsa keganasan komunis, sama ada di kalangan tentera dan polis maupun orang awam. Sejak darurat diisytiharkan hingga Februari 1949, terdapat 346 orang awam yang terbunuh. Antaranya, 240 adalah orang Cina, 53 orang Melayu, 25 Eropah, 18 orang India, tujuh orang Indonesia, dua Orang Asli dan seorang lain-lain. Sementara itu, dalam tempoh masa itu seramai 173 orang awam yang mengalami kecederaan dan 98 orang yang hilang.⁶ Manakala angka kematian akibat keganasan pengganas meningkat kepada 655 pada 31 Disember 1949. Ini termasuklah 427 orang Cina, 100 orang Melayu, 43 Orang Asli, 40 orang India, 35 orang Eropah, tujuh orang Indonesia, seorang orang Thai dan dua mangsa bangsa lain.⁷ Pada bulan

November 1950 pula, terdapat 66 orang awam telah dibunuh oleh pengganas komunis menjadikan jumlah angka mangsa keganasan 1,246 orang. Antara 66 orang awam yang terbunuh, 48 adalah orang Cina berbanding dengan sembilan orang Meiayu, lima orang India, dua orang Eropah dan dua lain-lain.⁸ Sehingga penghujung Jun 1952, seramai 1,395 orang awam bangsa Cina telah dibunuh oleh pengganas komunis. Sementara itu, jumlah orang Melayu yang dibunuh ialah 297, orang India 188, 13 orang Indonesia, 95 orang Eropah, tiga orang Siam, 62 Orang Asli dan 17 yang lain.⁹ Sehingga akhir Disember 1955, 2,415 orang awam telah dibunuh. Antaranya, 1,665 orang Cina, 318 orang Melayu, 223 orang India, 104 orang Eropah, 68 Orang Asli, 16 orang Indonesia dan lain-lain. Sehingga 31 Disember 1956, jumlah orang awam yang dibunuh terdiri daripada 1,691 orang Cina, 318 orang Melayu, 224 orang India, 106 orang Eropah dan 106 lain-lain.¹⁰ Sejak darurat bermula sehingga 31 Disember 1956, di kalangan pasukan keselamatan, 502 polis biasa dan 809 polis khas, polis tambahan serta *Home Guard* terkorban.¹¹ Sepanjang zaman darurat, sejumlah 2,473 orang awam dibunuh oleh pengganas komunis dan 1,385 orang dicederakan. Di pihak pasukan keselamatan pula, sejumlah 1,865 nyawa terkorban dan 2,560 orang dicederakan.¹² Bilangan orang awam, lelaki, perempuan dan kanak-kanak yang dibunuh adalah jauh lebih ramai daripada bilangan pasukan keselamatan yang terbunuh. Ini adalah kerana lebih senang dan kurang risiko untuk menyerang orang awam yang tidak bersenjata.

Kekejaman Komunis Terhadap Penduduk Cina

Penduduk Cina sentiasa menjadi sasaran pengganas komunis. Ini kerana pengganas cuba menimbulkan keadaan huru-hara supaya timbul ketidakyakinan penduduk terhadap pentadbiran kerajaan. Salah satu kegiatan yang disukai oleh pengganas komunis ialah serangan bom tangan.¹³ Antara contoh kejadian tersebut ialah

seorang wartawan, Lam Yeah terkorban dan empat kerani cedera akibat letupan dua butir bom tangan pengganas komunis di pejabat akhbar *Kin Kwok*, Ipoh, Perak pada 1 Oktober 1948.¹⁴ Pada hari yang sama, pengganas komunis melemparkan sebutir bom tangan ke dalam *Pit Hwa Jit Pau Press* di No. 15, Jalan Brewster, Ipoh, Perak. Kejadian itu mengakibatkan seorang pemberita mati dan tiga yang lain cedera.¹⁵ Pada 14 Disember 1948, seorang pemuda melontar sebutir bom tangan ke dalam sebuah kedai Cina di pekan Bahau, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Letupan bom itu menyebabkan pemilik kedai dan pembantunya cedera.¹⁶ Pada 10 April 1949, pengganas komunis mencampak sebutir bom tangan dalam bangunan Dewan Perniagaan Cina di *Hale Street*, Ipoh, Perak, ketika mesyuarat MCA sedang berlangsung. Dalam kejadian itu, Tan Cheng Lock mengalami kecederaan parah. Selain itu, Cheong Chee, Foo Yin Fong, dua orang pemilik lombong bijih timah; Choo Cheng Hong dan Wong Kim Loh juga turut tercedera. Lau Pak Khuan,¹⁷ Presiden Dewan Perniagaan Cina Perak sempat mengelak dengan meniarap di atas lantai apabila melihat objek hitam muncul di meja mesyuarat.¹⁸ Kejadian ini berlaku kerana pengganas komunis membala dendam terhadap Tan Cheng Lock yang memimpin MCA dan orang Cina untuk menentang komunis.¹⁹ Perkara itu dapat dilihat melalui sepucuk surat yang diterima oleh Tan Cheng Lock daripada pengganas komunis selepas kejadian tersebut pada 18 Mei 1950. Antara lain, surat itu mencatatkan bahawa “The Malayan Communist lead an armed bloody struggle while you lead the *Malayan Chinese Association* to fight against the Malayan Communists.”²⁰ Namun demikian, kejadian itu tidak mengubah pendirian MCA terhadap kemampuan kerajaan dalam memberi perlindungan terhadap bahaya serangan komunis:

It is most fortunate there was no fatal casualties which might have had seriously deterrent effect on successful development of the Association. There are grounds for hoping that the incident may have beneficial results in bringing home to Chinese necessity for a still firmer stand in support of the Government.²¹

Sebaliknya, tindakan komunis itu menguatkan lagi penentangan orang Cina terhadap keganasan komunis.²²

Pada 17 April 1949 pula, Panggung Wayang Di Neo Jania, Kuantan, Pahang, diletupkan oleh pengganas komunis yang mengakibatkan tiga terbunu dan lebih 50 orang cedera. Kejadian itu berlaku kerana pihak pengurusan panggung enggan membayar wang perlindungan kepada pengganas.²³ Kejadian sabotaj bom yang paling ngeri berlaku di *Sheum Circus* di Kampar, Perak, pada malam 5 Julai 1949, mengakibatkan 46 orang cedera dan empat orang mati. Dalam kejadian tersebut, seorang wanita Cina yang mengandung dan anaknya berumur dua tahun serta dua lelaki mati di tempat kejadian.²⁴ Pada 8.00 malam, 17 Ogos 1949, sebutir bom tangan dicampak ke dalam rumah seorang doktor Cina di Kulim, Kedah dan menyebabkan seorang kanak-kanak cedera.²⁵ Dalam perkembangan lain, pada 3 September 1949, sebutir bom tangan dilemparkan ke dalam taman hiburan Coronation, Taiping, Perak, mengakibatkan seorang Cina terbunu dan tujuh cedera.²⁶ Sebuah persatuan kebajikan orang Cina di Batu 24, Tanjung Tualang, Batu Gajah, Perak, diletupkan oleh pengganas komunis pada 22 September 1949, menyebabkan seorang Cina mati dan enam orang cedera.²⁷ Dalam kejadian lain yang berlaku pada 26 Oktober 1949, dua pengganas komunis melemparkan bom tangan ke dalam sebuah kedai yang penuh dengan orang ramai di jalan utama, Karak, Pahang. Tiga wanita Cina terbunu; dua lelaki, seorang wanita dan empat kanak-kanak cedera dalam kejadian itu.²⁸ Di Nordin Street, kawasan Simpang Anam, Pulau Pinang, kejadian letupan bom tangan berlaku di kedai Cina dan mengakibatkan dua pekedai cedera pada 17 November 1949.²⁹ Pada 6 Disember 1949, sebutir bom tangan dilontarkan ke dalam sebuah kedai ubat Cina di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan mengakibatkan dua orang cedera.³⁰ Kejadian lain berlaku di Ipoh, Perak, pada 27 Disember 1949, di mana pengganas komunis memasang satu jerangkap samar semasa upacara pengebumian di

kawasan perkuburan Cina Batu 3½, Jalan Gopeng, Ipoh, Perak. Kejadian itu mengakibatkan 23 orang yang berkabung mengalami kecederaan dan antaranya tiga orang meninggal dunia.³¹ Kejadian itu menunjukkan pengganas komunis tidak menghormati nyawa orang ramai dan tidak menghiraukan keselamatan orang yang masih hidup (Rujuk Lampiran 8). Salah seorang yang tercedera dalam kejadian itu ialah Leong Yew Koh,³² Setiausaha MCA Perak dan seorang pemimpin yang aktif dalam melawan pengganas komunis. Yang lain termasuklah Lau Pak Khuan, Chan Wai Woh, Leong Kim Nyeen, Chew Sin Onn, Ho Kai Mee dan jurugambar akhbar, Leong Yin Wah. Pengebumian itu adalah untuk ibu tauke Cina bernama Cheong Chee.³³ Kejadian sabotaj bom tangan oleh komunis terus berlaku pada tahun 1950. Antaranya, pada 10 Januari 1950, enam orang Cina cedera apabila pengganas komunis melemparkan dua butir bom tangan ke dalam kedai Cina di Pusing, Ipoh, Perak.³⁴ Pada 1 Februari 1950, di Kangar, Perlis, sebutir bom tangan diletakkan dalam padang ketika tayangan wayang diadakan. Namun demikian, bom tangan berkenaan tidak meletup.³⁵ Manakala, pada 11 Mac 1950, sebutir bom tangan dilemparkan ke dalam sebuah tempat menghisap candu yang tersembunyi di Kampung Aston, Bukit Mertajam, Seberang Prai dan mencederakan tiga orang Cina.³⁶ Dalam kejadian lain, pada 26 April 1950, di Jalan Batu, Kuala Lumpur, dua orang pengganas komunis melemparkan sebutir bom tangan masing-masing ke dalam sebuah kedai kopi. Hanya sebutir bom tangan yang meletup, menyebabkan seorang kontraktor Cina mengalami kecederaan parah dan enam orang Cina cedera ringan.³⁷ Pada 8 Jun 1950, 23 orang cedera apabila pengganas komunis melemparkan bom tangan ke dalam sebuah kedai runcit Teochew di Nibong Tebal, Seberang Prai.³⁸ Kejadian lain berlaku di Perak pada 9 Julai 1950 di mana pengganas komunis melontarkan sebutir bom tangan ke dalam khemah penduduk setinggan. Seorang lelaki Cina mati dan empat cedera.³⁹ Pada malam 29 Ogos 1950, di Sungai Siput, Perak, sebutir bom tangan yang dilontar ke dalam

sebuah kedai makan menyebabkan seorang Cina mati dan sembilan orang Cina lain cedera.⁴⁰ Selain itu, serangan bom juga berlaku di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada petang 25 September 1950. Dalam kejadian itu, sebuah bom tangan dilemparkan ke dalam kedai milik Chan Chan Ying, seorang ahli Jawatankuasa Kerja MCA cawangan Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan juga Ketua Seksyen Polis Pembantu bagi pekan berkenaan. Serangan itu menyebabkan lima orang awam menjadi mangsa pengganasan komunis, termasuklah empat kanak-kanak yang terbunuh dan sembilan orang lagi cedera.⁴¹ Merujuk kepada kejadian itu, Yap Mow Tet, Setiausaha MCA cawangan Negeri Sembilan, menggambarkan penganas komunis Tanah Melayu sebagai “manusia yang paling kejam” dalam satu kenyataan pada 27 September 1950.⁴² Penganas komunis meneruskan kegiatan sabotaj bom tangan terhadap orang awam pada tahun 1951. Antaranya, di Chemor, Perak, seorang kanak-kanak mati dan 15 orang Cina cedera dalam kejadian letupan bom di sebuah kedai bijih timah pada 5 Februari 1951. Letupan itu berlaku kerana tuan punya kedai itu enggan menderma wang kepada PKM.⁴³ Di Sungai Siput, Perak, kejadian serangan bom tangan pada 27 Februari 1951 di Panggung Wayang Wah Lok, mengakibatkan tiga orang Cina mati dan 13 cedera.⁴⁴ Dalam perkembangan lain, pada 2 Mei 1951, penganas komunis melontar sebutir bom tangan ke dalam sebuah kedai di kawasan Cameron Highlands, Pahang dan mengakibatkan seorang awam mati.⁴⁵ Pada 10 Mei 1951, bom tangan yang dilempar ke dalam Panggung Wayang Chong San, Bentong, Pahang, mencederakan 29 penonton.⁴⁶ Sementara itu, pada 22 Jun 1951, penganas komunis melontar bom tangan dan melepaskan tembakan ke arah sebuah kedai Cina di daerah Kota Tinggi, Johor.⁴⁷ Pada 15 Julai 1951, sebutir bom tangan dilemparkan ke dalam sebuah kedai kopi di Tapah, Perak, menyebabkan seorang Cina terbunuh dan tujuh orang cedera.⁴⁸ Dalam kejadian lain, pada 2 November 1951, penganas komunis melemparkan sebutir bom tangan ke rumah seorang inspektor

polis berbangsa Cina di Bukit Mertajam, Seberang Prai dan mengakibatkan inspektor, isteri dan dua anaknya cedera.⁴⁹ Kejadian sabotaj bom tangan oleh pengganas komunis semakin berkurangan bermula pada tahun 1952. Ini adalah hasil daripada keberkesanan langkah kerajaan dalam menangani komunis. Pada 12 Ogos 1952, sebutir bom tangan dilemparkan ke dalam sebuah kedai Cina di Jalan Penang, Pulau Pinang dan mengakibatkan anak tuan kedai cedera.⁵⁰ Selain itu, lapan orang Cina cedera dalam letupan bom tangan di depan kedai kopi Sing Yong, Ipoh, Perak pada 28 Mei 1953.⁵¹ Pada 30 April 1956, satu kejadian letupan bom tangan berlaku di sebuah kedai minuman di Sungai Siput, Perak, mengakibatkan 11 orang cedera.⁵² Kejadian-kejadian tersebut menimbulkan keadaan huru-hara di seluruh Tanah Melayu dan kebimbangan menghantui orang Cina setiap masa.

Selain sabotaj bom tangan, pengganas komunis juga melakukan kegiatan pembunuhan, penculikan, perampasan dan pembakaran harta benda penduduk Cina. Antaranya, pada 25 Jun 1948, tiga pengganas komunis masuk ke sebuah rumah kediaman Cina di Johor selatan. Pengganas mengheret dua adik-beradik dari rumah lalu ditembak mati.⁵³ Pada 28 Jun 1948, mayat seorang tauke dan anaknya dijumpai berdekatan sebuah kem komunis, letaknya kira-kira 3.22 kilometer (dua batu) dari Jerantut, Pahang.⁵⁴ Di Kulai, Johor pula seorang pekedai Cina bersama dengan isteri dan anaknya yang berumur 14 tahun dibunuh oleh pengganas komunis apabila peluru dilepaskan bertubi-tubi ke dalam bilik tidur mereka di tingkat atas kedai.⁵⁵ Dalam perkembangan lain, pada awal Julai 1948, tiga orang Cina dijumpai mati dalam hutan simpanan Bota berhampiran Tronoh, Perak. Mereka ditetak mati dengan parang oleh pengganas komunis. Pada masa yang sama seorang penolong kedai runcit berbangsa Cina ditembak mati oleh dua pengganas bersenjata ketika mangsa sedang menunggang basikal di Selangor. Sementara itu, pengganas komunis juga menembak mati seorang pekedai Cina di sebuah kampung

yang letaknya lebih kurang 11.26 kilometer (tujuh batu), di utara Johor Bahru, Johor.⁵⁶

Pada 13 Julai 1948, penganas komunis menyerang kampung Hulu Yam, letaknya lebih kurang 64.37 kilometer (40 batu) di utara Kuala Lumpur. Penganas membunuh empat orang Cina dan mencederakan dua yang lain.⁵⁷ Pada 26 Julai 1948, anak lelaki tauke Ong Chin Seong diculik oleh penganas komunis di Chemor, Perak. Pada hari itu juga, seorang saudagar beras berbangsa Cina ditembak mati oleh penganas komunis di Rawang, Selangor.⁵⁸ Pada 10 Oktober 1948, kira-kira 8 malam, seorang pekedai Cina ditembak oleh penganas komunis di Kampung Lama, Gemencheh, Tampin, Negeri Sembilan dan dikerjakan ke hospital Seremban, Negeri Sembilan.⁵⁹ Pada 14 Oktober 1948, seorang pekedai buku, Heng Hock Kuan dan peniaga beras, Sam Yat dibunuh di Kampung Pagoh, Muar, Johor. Seorang penanam padi bernama Ting See Tiong ditembak di Simpang Tiga, daerah Sitiawan, Perak, pada 15 Oktober 1948.⁶⁰ Pada 18 Oktober 1948, di Kajang, Selangor, penganas komunis menyerang rumah tukang besi berbangsa Cina. Tukang besi dan penolongnya ditembak mati, manakala isterinya dicederakan.⁶¹ Dalam kejadian lain di Tampin, Negeri Sembilan, pada 23 Oktober 1948, kira-kira 7 petang, dua penganas komunis menyerbu sebuah kedai di pekan Tampin dan mencederakan pemilik kedai berkenaan.⁶² Pada 28 Oktober 1948, dua orang Cina dibunuh oleh penganas komunis berdekatan Kuala Pilah, Negeri Sembilan.⁶³ Dalam kejadian lain yang berlaku di Kulim, Kedah, dua orang Cina dibunuh oleh penganas komunis pada 31 Oktober 1948. Kad pengenalan mangsa turut dirampas oleh penganas.⁶⁴ Keganasan komunis terus berlaku pada tahun 1949. Pada Januari 1949, seorang pekedai Cina mati dibakar apabila penganas komunis membakar kedainya di kawasan Taiping, Perak.⁶⁵ Pada 12 Januari 1949, di kawasan Puchong, Kuala Lumpur, seorang Cina mati ditembak oleh penganas komunis dan seorang lagi mengalami cedera parah.⁶⁶ Selain itu, pada 22 Mac 1949, 20 penganas komunis menculik seorang peniaga

Cina dari pekan Papan, kawasan Batu Gajah, Perak.⁶⁷ Pada hari yang sama, seorang tukang masak berbangsa Cina ditembak mati di luar rumah kongsi di *Kim Chin Ho Saw Mill*, Klang, Selangor.⁶⁸ Pada 1 Jun 1949, seorang Cina berserta isterinya dan dua orang anaknya mati ditetak oleh pengganas komunis di Muar, Johor.⁶⁹ Manakala, pada 24 Ogos 1949, empat pengganas komunis menyerbu sebuah rumah di Jalan Labis-Yong Peng, kawasan Segamat, Johor dan menembak mati seorang Cina bernama Gan Choo See. Mangsa juga seorang ahli MCA.⁷⁰ Pada 30 Ogos 1949, segerombolan pengganas komunis menyerang dan membunuh seorang Cina di Kampung Gantok, Mentakab, Pahang.⁷¹ Dalam perkembangan lain, pengganas komunis di daerah Plentong, Johor Bahru, Johor, mencampak seorang kanak-kanak Cina berumur lapan tahun ke dalam api yang sedang membara, dan membunuh ibu bapanya pada 21 September 1949. Rumah mangsa turut dibakar oleh pengganas komunis.⁷² Pada 5 November 1949, seorang lelaki Cina diculik oleh pengganas komunis dari sebuah kedai di Kampung Seelong, berdekatan Senai, Johor Bahru, Johor.⁷³ Sementara itu, pada 28 November 1949, empat pengganas komunis menyerbu rumah seorang peniaga Cina di Pagar Teras di kawasan Bukit Mertajam, Seberang Prai. Mangsa diheret dari rumah dan ditembak mati.⁷⁴ Seorang Cina ditembak mati di rumahnya di Badak Mati berdekatan Sungai Bakap, Pulau Pinang, pada 10 Disember 1949.⁷⁵ Pada tahun 1950, pengganas komunis terus melakukan keganasan terhadap orang Cina. Antaranya, pada 29 Januari 1950, tiga pengganas komunis mengunjungi sebuah kedai Cina di Pulau Sebang, Tampin, Negeri Sembilan dan menembak mati tauke kedai berkenaan.⁷⁶ Pada 1 Februari 1950, pengganas komunis menyerbu kampung Tras di kawasan Raub, Pahang, membunuh dua lelaki Cina, seorang perempuan Cina dan bayinya.⁷⁷ Pada 22 Februari 1950, lima pengganas komunis menyerbu sebuah rumah Cina di Port Lamau di kawasan Parit Sulong, Batu Pahat, Johor. Mangsa diheret dari rumah dan dipukul dengan kayu hingga mati.⁷⁸ Dalam pada itu, pada

1 April 1950, kira-kira 10 penganas komunis masuk ke Kampung Damansara, Selangor dan menembak mati empat orang Cina dan mencederakan empat yang lain.⁷⁹ Kejadian lain berlaku di Georgetown, Pulau Pinang di mana pada 3 April 1950, penganas komunis melepaskan tembakan ke atas seorang pelanggan Cina di sebuah kedai kopi di Jalan Belutong.⁸⁰ Pada 15 April 1950, seorang pekedai Cina dan anaknya dibunuh oleh penganas komunis di kedai mereka di Sekinchan, Kuala Selangor, Selangor.⁸¹ Manakala, pada 5 Jun 1950, tiga orang Cina dilarikan oleh penganas komunis dari sebuah kedai di Pauh, Perlis. Salah seorang mangsa kemudian dijumpai diikat dan dicederakan oleh penganas.⁸² Pada 8 Jun 1950, seorang Cina yang sedang bermain badminton di sebuah sekolah Cina di kampung Bukit Koman, Raub, Pahang ditembak mati oleh penganas komunis.⁸³ Pada 25 Jun 1950, empat penganas komunis menculik seorang Cina dari sebuah kampung di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan kemudian dibunuh.⁸⁴ Pada Julai 1950, sekumpulan penganas komunis memasuki Kampung Baru Jalong di Sungai Siput, Perak. Mereka menyerang dan membunuh ketua kampung berbangsa Cina.⁸⁵ Dalam perkembangan lain, pada 13 Disember 1950, sekumpulan penganas komunis menyerbu sebuah rumah Cina di kawasan Kuala Selangor, Selangor. Penganas menembak salah seorang mangsa dan memukul kepala seorang lagi dengan penukul.⁸⁶ Begitu juga, seorang Cina tua yang tinggal dalam sebuah pondok di kawasan luar bandar Kuala Lumpur dibunuh oleh penganas komunis pada 29 Disember 1950.⁸⁷ Pada 31 Disember 1950, seorang doktor Cina ditembak mati oleh penganas komunis di rumah mangsa di Pulau Pinang.⁸⁸ Keganasan komunis terhadap orang Cina berterusan pada tahun 1951. Antaranya, pada 27 Januari 1951, kira-kira 2,000 penganas komunis berbangsa Melayu bersenjatakan parang dan senapang patah menyerang sebuah petempatan Cina di Pokok Stoi, Bukit Junong, utara Kedah. Dalam kejadian tersebut sembilan orang Cina dibunuh dan tiga lagi hilang.⁸⁹ Pada 6 Februari 1951, seorang budal

lelaki Cina berumur 14 tahun ditembak mati di Jalan Johor, Pahang.⁹⁰ Dalam kejadian lain, pada 26 Mac 1951, seorang Cina diheret dari rumahnya di Tapah, Perak dan kedua-dua belah tangan diikat lalu ditikam mati.⁹¹ Pada 26 Jun 1951, pengganas komunis melarikan seorang pekedai Cina dari rumah mangsa di daerah Sitiawan, Perak. Mangsa kemudian ditikam mati.⁹² Manakala anak pemilik Lombong Tan Li, letaknya lebih kurang 17.70 kilometer (11 batu) di utara Perak dibunuuh oleh pengganas komunis pada awal Julai 1951. Mangsa bernama Tajuddin Liew Wyne Tone.⁹³ Pada 9 Julai 1951, seorang pemuda Cina dilarikan oleh pengganas komunis di Berapit, daerah Bukit Mertajam, Seberang Prai dan mangsa kemudian dijumpai mati.⁹⁴ Bagaimanapun, keganasan komunis terhadap orang Cina semakin berkurangan mulai tahun 1952. Pada awal Januari 1952, 30 pengganas komunis menetak mati seorang wanita Cina bersama anak perempuan dan menantunya di kuari granit di jalan keretapi *Penang Hill*, lebih kurang 6.44 kilometer (empat batu) dari Georgetown, Pulau Pinang.⁹⁵ Pada awal April 1952, mayat seorang Cina yang dilaporkan hilang di kawasan Kemaman, Terengganu, sejak 27 Mac 1952 dijumpai.⁹⁶ Dalam perkembangan lain, pada 14 Jun 1952, Wong Onn, Ketua Kampung Baru Kuala Kuang, Ipoh, Perak, mati ditembak oleh pengganas komunis di sebuah kedai kopi.⁹⁷ Pada 18 Disember 1953, seorang penoreh getah berbangsa Cina ditembak mati oleh segerombolan pengganas komunis di kawasan Machap Bahru, Melaka.⁹⁸ Sementara itu, pada 7 Januari 1954, seorang pekerja Cina, Lee Hon, dibunuuh oleh empat pengganas komunis di Estet Kerling di kawasan Kuala Kubu, Selangor.⁹⁹ Pada 23 Julai 1954, seorang penoreh getah, Low Ken Len diculik dan kemudian dibunuuh oleh pengganas komunis di Bukit Saringgit, Kajang, Selangor.¹⁰⁰ Dalam kejadian lain yang berlaku pada 3 Jun 1955, enam pengganas komunis menyerbu sebuah kampung baru di Kluang, Johor, menculik seorang lelaki Cina dan anaknya. Kemudian, mayat lelaki itu dijumpai di kawasan sejauh 100 meter dari rumah mereka.¹⁰¹ Pada 2 Oktober 1955,

seorang penyelia estet berbangsa Cina di Estet S.M.P.G., Pontian, Johor, ditembak mati oleh pengganas komunis.¹⁰²

Begitu juga, orang Cina yang enggan bekerjasama dengan pengganas komunis mengalami nasib yang malang. Antaranya, pada 27 Jun 1948, seorang kepala (ketua) buruh berbangsa Cina di Estet Braemar, Kajang, Selangor, mati ditembak oleh pengganas komunis di luar sebuah kedai di Sungai Kantan, Selangor. Mayatnya diselitkan secebis nota dalam bahasa Cina yang berbunyi *to destroy labour thief*.¹⁰³ Pada 30 Jun 1948, seorang Cina ditembak oleh lima pengganas komunis kerana mangsa enggan memberi wang yang diminta oleh pengganas. Kejadian itu berlaku di kawasan Bekok-Labis, Johor.¹⁰⁴ Manakala, pada 1 Ogos 1948, enam hingga tujuh pengganas komunis menyerbu rumah ketua Fuji-Go yang berbangsa Cina di kawasan Bahau, Negeri Sembilan. Ketua itu kemudian ditembak mati oleh pengganas kerana enggan menyerahkan senjatanya.¹⁰⁵ Pada 14 Ogos 1948, seorang pekedai Cina diheret keluar dari kedainya dan diikat pada tiang oleh kira-kira 20 pengganas komunis yang menyerbu Kampung Selumpur, Segamat, Johor. Mangsa kemudian ditembak mati. Di sisi mayat dijumpai dokumen yang menyatakan mangsa adalah “pensubahat”.¹⁰⁶ Pada 17 Ogos 1948, kira-kira 9.25 malam, seorang penjual sayur berbangsa Cina Kantonis berusia 20 tahun, Chow Yat Wah di pasar Semenyih, Selangor, ditembak mati oleh pengganas komunis. Menurut laporan polis, kejadian itu berlaku kerana mangsa enggan bekerjasama dengan pengganas komunis.¹⁰⁷ Sementara itu, pada 7 Oktober 1948, seorang penjual daging ditembak mati oleh empat orang pengganas komunis di Kampung Titi, Batu Road, Tronoh, Perak. Mangsa adalah bekas ahli MPAJA dan tidak mengendahkan pujukan komrad untuk kembali ke dalam hutan.¹⁰⁸ Begitu juga, di Johor, pada 24 Oktober 1948, pengganas komunis menembak mati seorang Cina di luar rumahnya di Kampung Jeram Choh. Dikatakan bahawa mangsa adalah bekas ahli MPAJA dan menolak untuk menyertai aktiviti bawah tanah.¹⁰⁹ Pada

tahun 1949, keganasan komunis terhadap orang Cina yang enggan bekerjasama dengan mereka terus berlaku. Antaranya, pada 4 Februari 1949, seorang pekedai Cina dibunuh dan anaknya dicederakan oleh pengganas komunis yang menyerbu kedai mereka di Jalan Yap Paw Sah, Kluang, Johor. Kejadian itu berlaku kerana mangsa enggan membayar wang kepada pengganas.¹¹⁰ Dalam kejadian lain, seorang gadis Cina yang enggan menemani pengganas komunis masuk ke hutan, dibunuh di sebuah kampung di Temerloh, Pahang, pada 23 Februari 1949.¹¹¹ Pada 19 Mac 1949, seorang balu berbangsa Cina diheret keluar dari rumah oleh segerombolan pengganas komunis di Pusing, Batu Gajah, Perak. Pengganas memukul kepala mangsa dengan parang sehingga mati. Di sisi mayat dijumpai secebis nota menuduh mangsa adalah “pensubahat”.¹¹² Pada kira-kira 1.30 pagi, 22 Mac 1949, seorang tukang masak berbangsa Cina di *Kim Chin Hoe Saw Mill Kongsi* di Batu 22, Jalan Banting, Selangor, dipanggil keluar dari biliknya oleh empat pengganas komunis. Mangsa diikat kedua-dua belah tangannya pada beranda rumah kongsi dan ditembak mati. Berdasarkan poster komunis yang dilekatkan pada dinding rumah kongsi itu, didapati motif pembunuhan adalah kerana mangsa enggan bekerjasama dengan pengganas komunis.¹¹³ Dalam pada itu, pada Julai 1949, di Pahang, seorang penoreh getah bangsa Cina ditembak mati di Bentong kerana menolak jemputan untuk menyertai kumpulan pengganas komunis.¹¹⁴ Di Negeri Sembilan, kira-kira 7.30 petang, pada 6 Julai 1949, tujuh pengganas komunis mencerobohi rumah seorang wanita Hakka yang juga seorang penanam pisang, mengikat mangsa dan melarikannya. Adalah dipercayai bahawa mangsa gagal membayar wang perlindungan yang diminta oleh pengganas.¹¹⁵ Sementara itu, pada 11 Julai 1949, kira-kira 5 petang, enam pengganas bersenjatakan pistol mencerobohi rumah seorang penoreh getah di Lenguas, Perak. Selepas menuduhnya sebagai pengkhianat, mangsa ditembak mati.¹¹⁶ Selain itu, pada 3 Mac 1950, kira-kira 12.30 pagi, tiga orang pengganas komunis membunuh seorang wanita Cina di Gemas

Negeri Sembilan. Kerongkong mangsa dipotong dan di badannya terdapat 10 luka pisau. Tindakan ini dilakukan kerana mangsa tersebut gagal membayar wang perlindungan kepada pengganas.¹¹⁷ Dalam kejadian lain, dua penanam padi dibunuh oleh pengganas komunis di sawah padi Sekinchan, Kuala Selangor, Selangor pada Mac 1954. Mereka ialah Chan Siong (berumur 41 tahun) dan Lau Kong Yoke (20 tahun) yang dibunuh ketika sedang mengerjakan sawah padi pada musim menuai. Mangsa dibunuh kerana pengganas komunis ingin menunjukkan kekejaman mereka. Dengan itu, pengganas komunis dapat mengugut penduduk kawasan berkenaan memberi wang hasil titik peluh mereka bagi menyokong kejahatan pengganas komunis.¹¹⁸

Orang Cina yang mempunyai perkaitan dengan KMT turut menjadi sasaran pengganas komunis. Ini kerana pihak komunis menganggap orang Cina yang menjadi ahli KMT adalah penentang mereka dan penghalang dalam perjuangan mereka. Kumpulan ini tidak akan memberi kerjasama kepada pihak komunis. Dengan itu, ramai ahli KMT yang juga orang penting dalam masyarakat Cina menjadi sasaran serangan pengganas komunis. Di Tanah Melayu, sejak darurat sehingga Ogos 1948, lebih 40 ahli KMT dibunuh oleh pengganas komunis.¹¹⁹ Antaranya, di Rengam, Johor, tiga pemimpin KMT ditembak mati oleh pengganas komunis pada 12 Jun 1948.¹²⁰ Segerombolan pengganas komunis menembak seorang kontraktor Cina yang juga ahli KMT, di Estet Yong Teck Hin, Kesang, Melaka pada malam 13 Jun 1948. Mangsa ialah Leong Eu Shin.¹²¹ Seorang lagi anggota KMT dibunuh oleh 10 pengganas komunis bangsa Cina di sebuah estet Johor pada pagi 16 Jun 1948.¹²² Dalam perkembangan lain, seorang saudagar getah bernama Ooi Cheng Teh, ditembak mati di Estet Dublin, Kulim, Kedah, pada malam 17 Jun 1948. Saudagar yang berumur 37 tahun itu adalah Presiden KMT di kawasan berkenaan.¹²³ Pada 19 Jun 1948, pengurus Estet Chan Wing, Pagoh, Johor, bernama Chan Chor dibunuh oleh sekumpulan pengganas komunis di sebuah kedai kopi

di Pagoh, Johor. Beliau adalah ahli KMT.¹²⁴ Pada 21 Jun 1948, seorang tauke Cina yang juga ahli KMT dibunuh oleh pengganas komunis di Kampung Sungai Wangi Dalam, kawasan Sitiawan, Perak.¹²⁵ Pada kira-kira 8 petang, 26 Jun 1948, pengganas komunis menyerbu Estet Mary, Sungai Tinggi, Pahang dan menembak mati seorang kepala (ketua) buruh berbangsa Cina yang juga seorang persimpati KMT. Mangsa dilantik sebagai ketua dalam merayakan kejayaan Chiang Kai Shek¹²⁶ sebagai Presiden pertama Republik China.¹²⁷ Dalam kejadian yang berlaku pada 4 Julai 1948, Chong Pin Kheh, pemilik dan kepala buruh Estet Batak, letaknya antara Kulai dan Ayer Bemban, Johor, ditembak mati oleh pengganas komunis. Mangsa adalah seorang yang bersimpati dengan KMT.¹²⁸ Pada hari yang sama, Hoh Choon, seorang penyokong KMT, dan pemilik kedai basikal di Ayer Itam, kira-kira 9.65 kilometer (enam batu) dari Kajang, Selangor, ditembak mati di luar kedai. Pada 13 Julai 1948, pengganas komunis menembak mati seorang pekedai yang juga ahli KMT di kedai mangsa di Tanjung Tualang, berdekatan Ipoh, Perak.¹²⁹ Manakala, pada 22 Julai 1948, enam pengganas komunis menyerbu sebuah pondok berdekatan Ladang Bahales, Segamat, Johor. Pengganas menembak mati seorang penduduk yang juga ahli KMT.¹³⁰ Pada 24 Julai 1948, pengganas komunis menyerang Kampung Jelai, Taiping, Perak dan membunuh seorang tauke Cina yang juga ahli KMT.¹³¹ Dalam pada itu, pada petang 8 Oktober 1948, dua pengganas komunis menembak pengetua sebuah sekolah Cina di Kampung Sungai Murai, Bentong, Pahang. Mangsa ialah Yim Thee Fong yang bergerak aktif dalam KMT.¹³² Di Pahang, pada 13 Oktober 1948, enam pengganas komunis mengepung beberapa rumah di Bukit Kuin, Mentakab, Pahang. Mereka menembak mati seorang ahli KMT dan menculik seorang yang lain.¹³³ Pada 25 Oktober 1948, Yip Sek Yin, seorang peniaga beras dan Presiden KMT di Ayer Kuning, Perak, mati ditembak oleh pengganas komunis.¹³⁴ Seorang pekedai Cina yang juga ahli KMT diculik oleh enam hingga lapan orang pengganas

komunis di Sungai Rotan, Taiping, Perak, pada 18 Disember 1948.¹³⁵ Pada tahun 1949, kekejaman komunis terhadap orang Cina yang mempunyai hubungkait dengan KMT terus berlaku. Antaranya, pada 7 Mei 1949, empat pengganas komunis menyerbu rumah seorang peniaga getah berbangsa Cina di Batu 26, Jalan Jenderam, Selangor. Pengganas menembak mati bapa peniaga getah dan mencederakan peniaga getah. Kedua-dua mangsa itu adalah ahli KMT.¹³⁶ Pada 25 Mei 1949, dua ahli KMT Manchis, Pahang, mati dikerat oleh pengganas komunis di kawasan Manchis, Pahang.¹³⁷ Dalam kejadian lain, seorang ahli KMT Kajang, Selangor, ditembak mati oleh pengganas komunis ketika mangsa sedang bermain mahjong di sebuah kedai kopi di Jalan Sulaiman, Kajang, Selangor, pada 9 Ogos 1949.¹³⁸ Pada 19 September 1949, Boey Eng Long, Setiausaha MCA, Pulau Pinang dan Seberang Prai dibunuh oleh pengganas komunis di rumah mangsa di Jalan Kek Chuan, Pulau Pinang. Ini kerana mangsa adalah seorang yang bersimpati dengan KMT.¹³⁹ Dalam perkembangan lain, pada 5 April 1950, sebuah bas di Jalan Bentong-Manchis, Pahang, ditahan oleh pengganas komunis. Seorang penumpang Cina ditarik keluar dari bas lalu ditembak mati. Beliau adalah ahli KMT dan juga ahli *Chinese Citizens Committee*.¹⁴⁰ Pengetua Sekolah Tinggi Chung Ling, Pulau Pinang, David Chen ditembak mati semasa beliau dalam perjalanan untuk menghadiri mesyuarat di Persatuan Guru-Guru Cina Pulau Pinang pada 4 Februari 1952. Sehubungan itu, pihak polis menjumpai sejumlah surat sebaran komunis yang diedarkan di bilik darjah Sekolah Tinggi Chung Ling dan Sekolah Confucian Chung Hwa di Jalan Maxwell, Pulau Pinang. Surat sebaran komunis itu menuju David Chen sebagai ejen sulit KMT.¹⁴¹

Selain itu, orang Cina yang bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha membanteras kegiatan pengganas komunis juga tidak dapat lari dari serangan komunis. Contohnya, Chong Keat Ooi, berumur 35 tahun, seorang Pegawai Pertanian di Jabatan Pertanian, Perak, ditembak mati oleh pengganas komunis berdekatan Langkap, Teluk

Intan, Perak pada 30 Jun 1948. Beliau diserang kerana bekerjasama dengan pihak polis ketika mereka membuat siasatan di kawasan itu.¹⁴² Ng Soy Mok yang dianugerahkan pingat Empayar British kerana aktiviti anti-Jepunnya semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu ditembak mati oleh pengganas komunis pada 16 Julai 1948 di pinggiran Kampung Broga di daerah Mantin, Negeri Sembilan.¹⁴³ Pada 27 Oktober 1948, kira-kira 8 petang, di Perak, dua pengganas komunis melepaskan tembakan ke atas lima orang pelanggan di sebuah kedai kopi di Pengkalan Lahat, Perak. Dalam kejadian itu, dua orang mati dan seorang cedera. Salah seorang daripada mangsa itu pernah menjadi detektif pada zaman pendudukan Jepun.¹⁴⁴ Kejadian lain berlaku di Johor, pada 6 pagi, 12 Disember 1949, di mana seorang penoreh getah Cina dijumpai dibunuhi di kira-kira 182.88 meter (200 ela) dari rumahnya di Estet Koh Teng Poh. Dalam kejadian itu, pihak polis menjumpai satu dokumen komunis dalam bahasa Cina yang dilekatkan pada mayat. Dokumen itu mencatatkan pembunuhan itu dilakukan sebagai hukuman kerana membantu British.¹⁴⁵ Pada 31 Disember 1949, kira-kira 6 petang, 200 pengganas komunis masuk ke Estet Sungai Mas, Batu 5, Jalan Cheroh, Raub, Pahang. Pengurus estet diheret masuk ke dalam rumah asap dan dibakar. Mangsa dipercayai adalah seorang pemberi maklumat pihak polis.¹⁴⁶ Pada 15 Februari 1950, seorang detektif polis, Lee Ah Teik, ditembak mati ketika sedang memandu di Bukit Mertajam, Seberang Prai.¹⁴⁷ Kegiatan komunis berterusan pada tahun 1951. Antaranya, pada 13 Mac 1951, seorang pekerja Cina di Estet Ongenes, Kuantan, Pahang, dijumpai mati dibunuhi oleh pengganas komunis. Di sisi mayat dijumpai surat pengganas komunis yang menuduh mangsa menerima wang \$30 daripada kerajaan dan menjadi pemberi maklumat kepada polis.¹⁴⁸ Pada 13 April 1951, dua pengganas komunis mencerobohi rumah seorang ketua kampung Cina, Lo Man di daerah Grik, Perak. Ketua kampung itu ditembak mati.¹⁴⁹ Dalam perkembangan lain, seorang Penghulu Cina dibunuhi oleh pengganas komunis di daerah Pulai, Kelantan,

tatkala mangsa balik dari bendangnya pada 22 April 1951. Tujuh orang pengganas kemudian merampas padi seberat 362.87 kilogram (100 gantang) dari rumah mangsa.¹⁵⁰ Selain itu, pada petang 24 Julai 1951, Lim Gim Thiam, Pegawai Penempatan Semula yang berumur 20 tahun, mengalami kecederaan parah akibat serangan pengganas komunis. Kejadian itu berlaku ketika mangsa sedang menyelia sebuah kem penempatan semula di Padang Chemor, kira-kira 18.51 kilometer (11½ batu) dari Ipoh, Perak.¹⁵¹ Pada pagi 14 Oktober 1951, Ooi Eng Aun, seorang peniaga timah dan getah, dibunuuh oleh pengganas komunis dengan bersenjatakan kapak di Pusing, Perak. Beliau menjadi sasaran pengganas komunis kerana mengambil bahagian dalam memimpin penubuhan *Home Guard* di kawasan Pusing, Perak.¹⁵² Begitu juga, seorang Pegawai Penolong Penempatan Semula dibunuuh oleh pengganas komunis di kawasan Tapah, Perak, pada Disember 1951.¹⁵³ Pada tahun 1952, keganasan komunis terhadap orang Cina yang bekerjasama dengan kerajaan terus berlaku. Antaranya, pada Januari 1952, seorang *Home Guard* Cina dibunuuh di Batu 25, Jalan Johor Bahru-Pontian, di kawasan Batu Pahat, Johor. Sepucuk surat yang mendakwa mangsa adalah pemberi maklumat kepada polis dijumpai berdekatan mayat mangsa.¹⁵⁴ Pada Ogos 1952, seorang Pegawai Penolong Penempatan Semula berbangsa Cina dibunuuh di Bukit Mertajam, Seberang Prai.¹⁵⁵ Pada Ogos 1952, juga di Kampung Baru Tiang Dua, Melaka, lapan pengganas komunis menggunting pagar dan masuk ke kampung. Pengganas kemudian membunuuh Pengerusi Jawatankuasa Kampung berkenaan.¹⁵⁶ Pada 8 September 1952, ahli jawatankuasa Kampung Baru Kuang, Selangor, Lee Hon Choon ditembak mati oleh segerombolan pengganas komunis di kampung berkenaan.¹⁵⁷ Dalam pada itu, seorang *Home Guard*, Puah Chak dan isterinya, Lim Soo Hoon, menjadi mangsa pengganas komunis di Kampung Baru Kebun Bahru, utara Johor, pada 15 Mac 1953.¹⁵⁸ Pada 26 November 1954, seorang Komander *Home Guard*, Tio Ah Piow ditembak mati di sebuah kedai kopi

di Kampung Baru Sungai Karas, berdekatan Labis, Johor.¹⁵⁹ Dalam kejadian lain, seorang Komander *Home Guard* Kampung Baru Banir, Ipoh, Perak, bernama Kok Chong dan seorang anggota unitnya, Wong Kam, ditembak mati oleh penganas komunis pada 25 September 1955.¹⁶⁰ Sementara itu, pada 4 Januari 1957, Komander *Home Guard* Kampung Baru Gunung Rapat, Perak, Lee Teng Cheong dan abang iparnya, Teo Chia Kiah ditembak mati oleh penganas komunis ketika mereka sedang bekerja di ladang berdekatan kampung.¹⁶¹

Kontraktor dan kepala buruh, terutamanya mereka yang bekerja untuk estet dan firma Eropah turut menjadi sasaran serangan komunis.¹⁶² Pada 17 Jun 1948, Chang Fee Nam, seorang kontraktor Cina di Estet Dublin, kepunyaan *Malayan American Plantation* (MAP), letaknya kira-kira 25.75 kilometer (16 batu) dari Kulim, Kedah, ditembak mati oleh penganas komunis. Begitu juga, seorang kepala buruh ditembak mati oleh 25 penganas komunis yang menyerang sebuah estet di Senai, Johor pada 17 Jun 1948.¹⁶³ Di Kemayan, Pahang, pada 29 Jun 1948, empat penganas komunis memasuki rumah seorang kontraktor Cina. Mangsa dibawa keluar dari rumah dan diikat kedua-dua tangan di belakang, lalu ditembak mati di kawasan kira-kira 1.61 kilometer (sebatu) dari rumah mangsa.¹⁶⁴ Dalam perkembangan lain, pada 29 Julai 1948, kontraktor Cina di Estet Jalong Tinggi, Sungai Siput, Perak, ditembak mati oleh empat penganas komunis.¹⁶⁵ Di Ayer Kuning, Perak, seorang kontraktor Cina dan isterinya dibunuhi oleh tiga orang penganas komunis pada 8 Ogos 1948.¹⁶⁶ Pada 16 Ogos 1948, kepala buruh Estet Kelapa Bali, Bahau, Negeri Sembilan, diculik dan dibunuhi oleh penganas komunis di kawasan berhampiran rumah mangsa di Jalan Bahau-Tampin, Negeri Sembilan.¹⁶⁷ Sementara itu, pada 14 September 1948, seorang kepala buruh berbangsa Cina, Chong Chee Sang, dijumpai dibunuhi oleh penganas komunis berdekatan Lobong, Kota Tinggi, Johor.¹⁶⁸ Pada 16 September 1948, Lee Yang, kontraktor Estet Hulu Temiang dan Estet Hulu

Pedas, Negeri Sembilan, dibunuh oleh penganas komunis dengan kapak di rumah mangsa.¹⁶⁹ Manakala, pada 26 September 1948, tiga penganas komunis mengunjungi sebuah kongsi balak di Batu 43, Jalan Kuala Pilah-Pertang, Negeri Sembilan dan membunuh kontraktor bernama Lai Tiang.¹⁷⁰ Pada 27 September 1948, dua kontraktor kilang papan di Kota Tinggi, Johor, dibunuh oleh kira-kira 150 orang penganas komunis yang menyerbu kilang itu.¹⁷¹ Dalam pada itu, pada 2 Oktober 1948, di Estet Bukit Siput di kawasan Segamat, Johor, seorang kontraktor Cina dibunuh oleh penganas komunis di rumah mangsa di estet berkenaan.¹⁷² Seorang kepala buruh mati ditembak di Estet Seng Heng, Muar, Johor, pada 19 Oktober 1948.¹⁷³ Dalam kejadian lain yang berlaku di Negeri Sembilan, pada 29 Oktober 1948, seorang kepala buruh berbangsa Cina diculik oleh kira-kira 10 hingga 15 penganas komunis di Estet Chetty, letaknya di antara Ayer Puteh dan Estet Kuala Kapis. Dilaporkan bahawa tujuan penganas adalah bersifat politik.¹⁷⁴ Selain itu, seorang kontraktor Cina ditembak mati oleh penganas komunis pada 24 Disember 1948 di Batu Satu, Selayang atau lebih kurang 11.26 kilometer (tujuh batu) dari Kuala Lumpur dan motosikal mangsa hangus dibakar oleh penganas komunis.¹⁷⁵ Pada tahun 1949, kontraktor dan kepala buruh terus menjadi sasaran komunis. Antaranya, pada 13 Februari 1949, seorang kepala buruh berbangsa Cina di Estet Sungai Kawang, Mentakab, Pahang, dibunuh oleh penganas komunis.¹⁷⁶ Dua kepala buruh berbangsa Cina dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan dua kepala buruh berbangsa Cina dari estet di selatan Johor dipercaya diculik oleh penganas komunis pada 31 Mac 1949.¹⁷⁷ Dalam perkembangan lain, seorang kontraktor Cina estet ditembak mati oleh penganas komunis di luar rumah mangsa di Tangkak, Muar, Johor pada 15 Mei 1949.¹⁷⁸ Dalam kejadian lain yang berlaku pada pertengahan Jun 1949, Penghulu Cina Pulai, Kelantan, yang juga kontraktor dicederakan oleh tiga penganas komunis ketika beliau dalam perjalanan ke Gua Musang, Kelantan.¹⁷⁹ Di Kulai, Johor, seorang

kepala buruh berbangsa Cina mati ditembak oleh pengganas komunis di Estet Fraser pada awal Oktober 1949.¹⁸⁰ Dalam kejadian lain, di Pahang, pada tengah malam 10 Disember 1949, seorang kepala buruh berbangsa Cina yang tinggal di rumah tumpangan pekerja di Batu 4½ dari Mentakab disuruh keluar dari rumah dan dibunuh oleh pengganas komunis.¹⁸¹ Pada 30 Januari 1950, seorang kontraktor Cina ditembak mati di kawasan berdekatan Estet Kamuning, Sungai Siput, Perak.¹⁸² Pada malam 30 Jun 1950, kepala sebuah kebun Cina di Pahang ditembak mati oleh pengganas komunis.¹⁸³ Selain itu, pada 12 Januari 1951, di Johor, dua kepala estet yang diculik oleh pengganas komunis, dijumpai mati ditikam.¹⁸⁴ Pada 22 Februari 1951, mayat seorang kontraktor Cina yang dibunuh oleh pengganas komunis dijumpai di Kluang, Johor, bersama-sama dengan surat sebaran komunis.¹⁸⁵ Pada 27 April 1951, seorang mandur Cina ditembak mati oleh pengganas komunis di daerah Kota Tinggi, Johor. Seorang mandur lagi dibunuh oleh pengganas komunis di daerah Segamat, Johor dan jari mangsa dikerat untuk mengambil cincinnya.¹⁸⁶ Selain itu, pada 6 Jun 1951, seorang kepala estet berbangsa Cina, Liew Chin, dibunuh oleh tiga pengganas komunis di kawasan Segamat, Johor. Tangan mangsa diikat dan kerongkongnya dipotong.¹⁸⁷ Seorang lagi kepala buruh berbangsa Cina dan isterinya didapati mati ditikam oleh pengganas komunis di Kuala Krau, Pahang pada 14 Oktober 1951.¹⁸⁸ Dalam perkembangan lain, pada Disember 1951, seorang kepala buruh berbangsa Cina dibunuh oleh pengganas komunis berdekatan Tapah, Perak. Pada hujung Disember 1951, seorang kontraktor estet dibunuh oleh pengganas komunis berdekatan Segamat, Johor dan seorang kepala buruh ditembak mati berhampiran Kota Tinggi, Johor.¹⁸⁹ Berikutan keberkesanan langkah kerajaan dalam menangani komunis, kejadian keganasan komunis terhadap kontraktor dan kepala buruh telah berkurangan mulai tahun 1952. Antaranya, pada Mac 1952, mayat seorang kontraktor Cina dikerat kepada beberapa bahagian ditemui di sebuah perangkap babi di kawasan Tapah, Perak dan

dipercayai adalah perbuatan pengganas komunis.¹⁹⁰ Pada 23 November 1952, Leong Swee Cheong, seorang kontraktor diikat pada pokok dan ditetak mati oleh pengganas komunis di kawasan Jasin, Melaka.¹⁹¹ Dalam perkembangan lain, seorang kontraktor, Chong Ng Owi dibunuh oleh tiga pengganas komunis di kilang kayu Seng Chong Long, berdekatan Rengam, Johor pada April 1953.¹⁹² Pada Jun 1953, seorang kontraktor Cina dibunuh oleh pengganas komunis di daerah Labis, Johor.¹⁹³ Pada pertengahan Oktober 1953, seorang fomen Cina yang berumur 60 tahun dibunuh oleh 14 pengganas komunis di Estet Som Lee di Sepang, Selangor.¹⁹⁴ Pada Disember 1953, di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, seorang kepala buruh berbangsa Cina dibunuh oleh dua orang pengganas komunis.¹⁹⁵ Sementara itu, seorang kontraktor di Kampung Baru Hulu Choh, Johor Bahru, Johor, iaitu Chin Je dibunuh oleh pengganas komunis di Estet Tong Heng, kawasan Gelang Patah, Johor Bahru, Johor, pada 25 November 1954.¹⁹⁶ Pada 6 Jun 1955, seorang kepala buruh berbangsa Cina di Estet Kalan, Kulai, Johor, dibunuh oleh segrombolan pengganas komunis.¹⁹⁷ Pada 14 Oktober 1955, lapan pengganas komunis menyerbu Estet Tan Boon Chia di utara Selangor dan melepaskan tembakan ke atas kepala seorang kepala estet bernama Lim Sang.¹⁹⁸ Dalam kejadian lain, pada 24 Disember 1956, seorang kepala buruh berbangsa Cina di Estet New Labu, Seremban, Negeri Sembilan, bernama Siow Soon mati ditembak oleh pengganas komunis.¹⁹⁹

Selain itu, komunis juga melakukan kejahatan yang menimbulkan kemarahan penduduk Cina di Tanah Melayu. Antaranya, membakar rumah yang menyebabkan penduduk kehilangan tempat tinggal dan harta benda. Pada pagi 26 Julai 1948, setengah daripada Kampung Pantai Remis,²⁰⁰ daerah Sitiawan, Perak musnah dibakar oleh pengganas komunis dan menyebabkan lebih daripada 500 penghuni kehilangan tempat tinggal.²⁰¹ Pada 16 September 1948, enam pondok orang Cina di Estet Chan Kang Swee, Segamat, Johor, hangus dibakar oleh pengganas komunis.²⁰² Dalam kejadian lain, lebih

kurang 70 orang pengganas komunis membakar Kampung Simpang Tiga, Sitiawan, Perak, pada 4 Februari 1950 yang menyebabkan kira-kira 1,000 penduduk kehilangan tempat tinggal. Kerosakan dianggarkan lebih daripada ¼ juta ringgit dan mengorbankan dua nyawa penduduk.²⁰³ Henry Gurney yang melawat tempat kejadian telah berjanji membantu mangsa keganasan komunis untuk memulakan hidup baru. Beliau menyatakan:

The Government will help you to build a new and better village. You have tried to help yourselves and I am glad to see that your spirit has not been daunted by this wanton attack. We will feed all the homeless and restore, within certain limits, the stock-in-trade you have lost. This is a good example of Communist achievement, and it could have been prevented if one of the many people outside who knew of the gang's arrival had given warning. Anyone can burn down houses but we will build them and work with you to give you a better village than you had before.²⁰⁴

Bagaimanapun, Henry Gurney menganggap kejadian di Kampung Simpang Tiga itu boleh mendatangkan kebaikan kepada pihak berkuasa. Beliau memetik satu kenyataan akhbar yang dibuat oleh MCA pada 6 Februari 1950:

This latest outrage should bring home to those people who feel that safety lies in neutrality, if past events have not already done so, the futility of sitting on the fence. This incident should convince doubters of the fate awaiting them if ever the bandits got control of this country. Our worst enemies are the bandits, but those who through fear, selfishness or both want the emergency to end, and realize that that means work on their part but are determined they shall not include themselves, cause as much harm as the bandits.²⁰⁵

Dalam kejadian lain, pada 22 November 1950, seorang Cina terbunuh akibat tindakan pengganas komunis membakar 30 buah rumah setinggan berdekatan dengan Kampung Bukit Selambu, Sungai Patani, Kedah. Lebih kurang 200 penduduk kehilangan tempat tinggal.²⁰⁶ Sementara itu, pada 2 Mac 1951, pengganas komunis membakar sebuah kedai menjual getah di sebuah kampung di Kulim, Kedah. Api merebak dan memusnahkan setengah daripada kampung berkenaan termasuklah sebuah sekolah dan 31 buah rumah kedai.²⁰⁷

Peniaga Cina, pengusaha kebun atau ladang, pelombong dan pekedai pula mengalami keadaan serba salah. Mereka merupakan sasaran peras ugut²⁰⁸ komunis bagi mendapatkan wang perlindungan dan tuntutan lain. Antaranya, di Johor, kira-kira 5 petang, pada 12 Jun 1948, seorang peniaga Hakka ditembak mati oleh empat pengganas komunis ketika beliau sedang makan malam bersama keluarganya. Mangsa, Chia Tong San ditembak mati kerana tidak memenuhi tuntutan wang yang diminta oleh pengganas komunis.²⁰⁹ Pada Oktober 1948, dua pekedai Cina di Kampung Tawar, Kedah, masing-masing mendapat surat daripada pengganas komunis meminta wang \$1,000 setiap orang.²¹⁰ Dalam kejadian lain yang berlaku di Ipoh, Perak, seorang penduduk menerima sepucuk surat ugutan yang ditandatangani oleh *Black Blood Troop* pada tahun 1948. Bersama-sama surat itu, sebutir peluru disertakan dalam sampul surat berkenaan. Surat itu mengancam akan membunuh penerima surat itu dan memusnahkan kilangnya sekiranya beliau tidak memenuhi tuntutan mereka.²¹¹ Pada 3 Disember 1948, seorang penjaja wanita Kantonis di *Lucky World Amusement Park*, Kuala Lumpur diugut akan dibakar rumahnya sekiranya enggan menyerahkan \$15. Oleh kerana bimbang terhadap ancaman pengganas komunis, beliau membayar jumlah wang tersebut sebelum pengganas beredar dari situ.²¹² Kejadian peras ugut komunis terus berlaku pada tahun 1949. Pada Januari 1949, seorang kontraktor bijih timah berbangsa Cina bernama Chee Siew dari Rawang, Selangor, menerima sepucuk surat daripada komunis meminta wang sejumlah \$800.²¹³ Dalam kejadian lain, pada 25 Februari 1949, sebutir bom tangan dilemparkan ke dalam sebuah kilang sos kepunyaan seorang Cina di Bukit Mertajam, Seberang Prai tetapi tidak meletup. Kejadian itu berpunca dari tuan punya kilang itu tidak mengendahkan tuntutan \$2,000 yang diminta oleh pengganas komunis melalui surat yang diterimanya pada 20 Oktober 1948.²¹⁴ Pada 17 Jun 1949, kira-kira 11 pagi, Gan Geok Hor, seorang peniaga getah Hokkien di Setapak, Kuala Lumpur, menerima sepucuk surat ugutan

dari pada *The 5th Platon*, M.P.A.B.A., M.C.P. menuntut sejumlah wang \$7,500. Surat itu menyatakan ancaman pembunuhan dan pemusnahan harta benda sekiranya wang tidak dibayar.²¹⁵ Dalam perkembangan lain, pada 13 Mei 1950, Pengurus berbangsa Cina dari *Sang Cheong & Co. (Goldsmith) Ltd.*, Bentong, Pahang, menerima sepucuk surat daripada *Malay National Liberation Army*, pejabat Selatan Pahang, meminta derma khas \$2,000 dan bayaran keahlian bulanan \$1,000 dari firma itu. Pada awal pagi 18 Mei 1950, seorang peniaga Cina di Temerloh, Pahang, menjumpai sepucuk surat yang diselitkan masuk melalui pintu rumahnya pada waktu malam, meminta wang dengan ugutan mencederakan peniaga itu.²¹⁶ Selain itu, pada 7 Februari 1951, beberapa orang pengganas komunis menyerang sebuah kedai besi di kawasan Perak kerana pemiliknya enggan membayar wang perlindungan. Akibat serangan itu, seorang kanak-kanak terbunuh dan 13 orang awam berbangsa Cina termasuk tujuh orang anggota keluarga pekedai itu dicederakan. Pada 24 Mac 1951, 6.30 petang, seorang peniaga Cina yang tinggal di Kuala Krau, Pahang, dihampiri oleh tiga pengganas komunis dan mengarahkan beliau menyertai kumpulan mereka atau membayar \$100. Jika tidak, peniaga itu akan dibunuh.²¹⁷ Kegagalan memenuhi permintaan pengganas komunis bukan sahaja menyebabkan kedai, lombong, ladang dan tanaman mereka menanggung risiko, tetapi juga nyawa diri dan keluarga terancam. Pada umumnya, pekedai dan peniaga adalah cenderung ke arah KMT dan dengan jelas adalah anti-komunis. Namun begitu, dalam banyak keadaan mereka terpaksa membayar wang perlindungan kepada komunis.²¹⁸ Tindakan tersebut walaupun dapat menyelamatkan mereka daripada gangguan pengganas komunis tetapi pada masa yang sama turut membolehkan komunis meneruskan aktiviti kejahatan mereka. Di Perak, misalnya, sekumpulan pemilik lombong berbangsa Cina mengaku menyumbang sehingga \$10,000 setiap bulan kepada pengganas komunis bagi mengelakkan ancaman komunis terhadap mereka.²¹⁹

Di Kuala Lipis, Pahang, Tee Eng Wah membayar beberapa ribu wang kepada pengganas komunis pada tahun 1951 kerana nyawanya dan keluarganya diancam. Kemudiannya, beliau memberi maklumat kepada polis tentang kegiatan komunis dan menolak membayar yuran keahlian bulanan. Akibatnya, beberapa buah lori kepunyaannya telah dirosakkan dan rumah asap dengan sejumlah kuantiti getah dibakar oleh pengganas komunis. Kemudian beliau pula ditahan oleh pihak kerajaan di kem tahanan Ipoh, Perak, berdasarkan maklumat daripada seorang komunis yang menyerah diri mengenai pemberian wang perlindungan kepada pengganas. Dalam kes ini, jelas Tee Eng Wah berada dalam keadaan serba salah. Beliau terpaksa menyerahkan sejumlah wang kepada pengganas komunis demi keselamatan nyawa beliau serta keluarganya. Sebaliknya, pihak kerajaan pula menganggap beliau memberi sokongan kepada pengganas komunis.²²⁰ Pendek kata, penduduk Cina sering menghadapi peras ugut daripada pengganas komunis untuk memperolehi wang perlindungan yang mana kemudiannya digunakan untuk membeli bahan makanan dan keperluan lain. Untuk menghentikan tindakan ini, kerajaan memberitahu bahawa mereka yang didapati memberi wang perlindungan kepada pengganas merupakan kesalahan yang besar. Mereka akan ditahan dan disoal siasat oleh pihak kerajaan sekiranya didapati berbuat demikian.²²¹ Oleh itu, boleh dikatakan orang Cina hidup dalam keadaan serba salah.

Keganasan Komunis Terhadap Penduduk Melayu

Penduduk Melayu juga tidak dapat lari daripada ancaman pengganas komunis dalam tempoh 1948-1960.²²² Antaranya, pada 21 Jun 1948, seorang pengawal hutan berbangsa Melayu diikat oleh dua pengganas komunis dan kemudian ditembak mati di Bota berdekatan dengan Tronoh, Perak.²²³ Empat polis Melayu dari Negeri Sembilan dibunuh oleh kira-kira 20 hingga 30 pengganas komunis di Batu 30, tenggara Kuala

Lumpur pada Julai 1948.²²⁴ Dalam perkembangan lain, pada 28 Julai 1948, seorang Melayu berusia 60 tahun mati ditembak oleh kira-kira 20 pengganas komunis di Kampung Kerdau, kawasan Mentakab, Pahang.²²⁵ Pada 1 September 1948, beberapa kumpulan pengganas komunis bersenjatakan rifel mlarikan empat orang Melayu di Kampung Padang, Kuantan, Pahang.²²⁶ Pada 14 September 1948, 12 orang Melayu yang sedang membersihkan rumput di Estet Chan Kang Swee, Segamat, Johor, ditembak oleh empat pengganas bersenjata. Salah seorang daripadanya ditembak mati dan dua cedera.²²⁷ Pada 20 September 1948, dua askar Melayu mati dan tiga lagi cedera parah apabila mereka diserang oleh pengganas komunis di Batu 31, Jalan Kuala Lipis-Kuantan, Pahang.²²⁸ Dalam kejadian lain yang berlaku di Terengganu, empat orang Melayu dari Kampung Payoh, Kemasik, dibunuh oleh pengganas komunis pada 28 Oktober 1948. Pada hari yang sama, seorang lelaki Melayu diculik oleh pengganas komunis di Kampung Tampat, Terengganu.²²⁹ Pada 30 Oktober 1948, seramai 20 orang pengganas komunis menembak mati seorang Melayu di Sungai Tawar, Kedah.²³⁰ Selain itu, pada 17 November 1948, 20 hingga 30 pengganas komunis menyerang empat orang Melayu yang sedang menangkap ikan di Batu 10, utara Laut Danar di kawasan Sitiawan, Perak. Dua orang Melayu dibunuh dan dua lagi dicederakan.²³¹ Keselamatan ahli Majlis Negeri juga terancam akibat keganasan komunis. Seorang ahli Majlis Melayu di Terengganu diserang sehingga mati oleh pengganas komunis pada Disember 1948.²³² Sementara itu, seorang koperal polis khas berbangsa Melayu yang ditugaskan di Estet Broome, Kajang, Selangor, ditembak mati di Jenderam, Kajang, Selangor, ketika mangsa dalam perjalanan pulang ke rumah pada 13 Disember 1948.²³³ Manakala, mayat seorang pemuda Melayu yang dipercayai mati ditembak oleh pengganas komunis dijumpai di sawah padi berhampiran Mentakab, Pahang, pada pagi 15 Disember 1948.²³⁴ Pada 28 Disember 1948, dua

penoreh getah berbangsa Melayu dari Kampung Dendang, Segamat, Johor, diculik oleh pengganas komunis.²³⁵

Dalam perkembangan lain, pada pagi 10 Januari 1949, di kawasan Tampin, Negeri Sembilan, seorang Melayu dengan isteri dan adik iparnya ditemani oleh seorang Cina Islam masuk ke hutan untuk mencari rotan. Apabila mereka tidak pulang pada waktu malam, penduduk kampung memaklumkan kejadian itu. Pada keesokan harinya, kumpulan pencari yang terdiri daripada 80 orang Melayu tempatan diatur di bawah pimpinan Dato' Gemencheh. Pada lewat petang hari tersebut, mereka menjumpai mayat tiga orang Melayu dalam hutan. Mayat orang Cina itu tidak dijumpai. Berhampiran dengan tempat itu, kumpulan pencari menjumpai sebuah kem komunis yang dapat menampung kira-kira 10 orang pengganas. Walaupun pada masa itu, kem berkenaan sudah dikosongkan tetapi terdapat tanda-tanda yang ia baru ditinggalkan. Akibat daripada pembunuhan kejam ke atas tiga orang Melayu yang tidak berdosa, perasaan marah semakin meningkat di kalangan orang Melayu terhadap orang Cina.²³⁶ Dalam kejadian lain, Abdullah, Pegawai Haiwan Temerloh, Pahang, ditembak dan dibakar oleh komunis pada 19 Januari 1949 di Batu 7, Bentong, Pahang, bersama-sama dengan 11 kakitangan lain.²³⁷ Seorang lagi mangsa pengganas komunis berbangsa Melayu di kawasan Temerloh, Pahang yang dibunuh pada Februari 1949 kerana beliau enggan menyertai komunis.²³⁸ Dalam pada itu, pada 2 Mac 1949, 10 orang pengganas komunis menembak mati ketua Kampung Gintong dan Skoti, Jerantut, Pahang dan seorang pengetua sekolah Melayu turut diculik.²³⁹ Pada 2 April 1949, dua orang Melayu dari kawasan Batu Sawah, Kuantan, Pahang, diculik oleh pengganas komunis.²⁴⁰ Sementara itu, pada malam 27 April 1949, segerombolan pengganas komunis di Belengu, kawasan Temerloh, Pahang, menembak mati seorang Melayu. Pengganas kemudian membakar mayatnya dengan diperhatikan oleh isteri dan anak-anaknya.²⁴¹ Dalam kejadian lain yang

berlaku pada 2 Mei 1949, seorang Melayu, Abdul Hamid Rantau, Setiausaha Agung Kesatuan Pegawai Hutan Malaya, mati ditembak dalam satu serangan pengganas komunis di Batu 12½, Jalan Kuala Lumpur-Rawang.²⁴² Seorang Melayu ditembak mati oleh pengganas komunis di Kampung Paya Pasir, Mentakab, Pahang pada 4 Mei 1949.²⁴³ Pada 14 Mei 1949, Penghulu Padang Pulut di Dungun, Terengganu, dibunuh oleh pengganas komunis setelah rumahnya digeledah dan senapang dirampas.²⁴⁴ Penghulu Kampung Bentong, mukim Bangau, Mentakab, Pahang, dilarikan oleh pengganas komunis pada 9 Jun 1949. Di samping itu, pengganas juga mengambil 12 pucuk senapang dari rumah penghulu berkenaan.²⁴⁵ Pada 22 Julai 1949, dua orang Melayu diculik oleh pengganas komunis di Kampung Pesagi, Mentakab, Pahang. Pada hari yang sama, seorang lelaki Melayu diculik dari Kampung Benang berdekatan dengan Kampung Pesagi, Mentakab, Pahang.²⁴⁶ Selain itu, pada 15 September 1949, 30 pengganas komunis membunuh seorang lelaki Melayu di Kampung Kempas, Temerloh, Pahang. Selepas itu, pengganas merompak wang dan barang-barang berharga dari rumah mangsa sebelum membakar mayat mangsa dan rumah.²⁴⁷

Keganasan komunis terhadap penduduk Melayu terus berlaku pada tahun 1950. Pada 5 Januari 1950, penghulu Kampung Kongkoi, kawasan Jelebu, Negeri Sembilan, bersama dengan keraninya dan bapa kerani ditembak mati oleh pengganas komunis yang menyerbu kampung itu. Pengganas turut membakar rumah penghulu dan merampas enam senapang patah serta sepucuk pistol.²⁴⁸ Pada pagi 5 Mac 1950, kira-kira 70-80 orang pengganas komunis menyerang Kampung Paya Hulu, Muar, Johor. Dalam serangan itu, seorang sarjan mata-mata khas dan seorang wanita Melayu dibunuh. Pengganas komunis turut mencederakan seorang Iman dan seorang wanita Melayu serta merompak barang makanan.²⁴⁹ Pada 12 Mac 1950, kira-kira 11 pagi, tiga pengganas komunis menembak mati dua orang Melayu di Lalang, Kachau, Selangor, ketika mangsa

sedang memetik buah kelapa.²⁵⁰ Dalam perkembangan lain, pada 22 Mei 1950, tiga orang Melayu diserang oleh pengganas komunis di daerah Grik, Perak dan salah seorangnya mati ditembak.²⁵¹ Pada 30 Mei 1950, seorang wanita Melayu mati ditembak oleh pengganas komunis di Kampung Dulang, Raub, Pahang.²⁵² Dalam kejadian lain yang berlaku pada 27 Jun 1950, pengganas komunis menembak mati seorang penduduk Melayu di kawasan Kulim, Kedah.²⁵³ Pada 23 Julai 1950, seorang mata-mata khas berbangsa Melayu mati ditembak di kawasan Chemor, Perak. Beliau adalah seorang saksi dalam satu kes berkaitan dengan seorang wanita yang membantu pengganas komunis.²⁵⁴ Dalam pada itu, seorang guru Melayu dan tiga orang Melayu lain di mukim Lokyat, Kuantan, Pahang, mati ditembak oleh pengganas komunis pada 5 Ogos 1950.²⁵⁵ Pada 18 Ogos 1950, seorang Melayu dibunuh dan ayah si mangsa pula dicederakan oleh pengganas komunis di Pahang.²⁵⁶ Pada 6 Disember 1950, penghulu Bukit Tambun, Bukit Mertajam, Seberang Prai, bernama Ismail b. Mat Hashim ditembak mati oleh pengganas komunis di Bukit Mertajam.²⁵⁷

Pada tahun 1951, keganasan komunis terhadap orang Melayu masih terus berlaku. Antaranya, enam pemotong kayu berbangsa Melayu diculik oleh pengganas komunis pada 31 Januari 1951 di daerah Kuala Krai, Kelantan, setelah makanan dan barang-barang mereka dirompak.²⁵⁸ Seorang Melayu, Harun bin Mohd., ditembak mati oleh pengganas komunis yang menyerbu rumahnya di daerah Temerloh, Pahang, pada 6 Februari 1951.²⁵⁹ Pada 27 Februari 1951, lima askar Melayu cedera apabila konvoi tentera diserang oleh pengganas komunis di Gua Musang, Kelantan.²⁶⁰ Dalam kejadian lain, pada 17 April 1951, 40 pengganas komunis menyerbu sebuah masjid di daerah Raub, Pahang. Penjaga masjid itu kemudian diserang dan ditembak mati. Pengganas merampas peralatan masjid sebelum mengundurkan diri.²⁶¹ Pada 18 April 1951, 12 pengganas komunis melarikan seorang Melayu, Salid bin Belah, di daerah Batu Gajah, Perak dan isteri mangsa

ditembak.²⁶² Dalam perkembangan lain, dua orang Melayu dibunuh di daerah Grik, Perak dan senapang mereka dirampas oleh pengganas komunis pada 27 Jun 1951.²⁶³ Pada malam 30 Ogos 1951, seorang wanita Melayu yang sedang mendukung anaknya telah mati terkena tembakan pengganas komunis tatkala pengganas menyerang Kampung Merah di daerah Baling, Kedah.²⁶⁴

Pada tahun 1952, penduduk Melayu masih menghadapi ancaman komunis. Seorang Melayu mati ditembak oleh empat pengganas komunis di daerah Pendang, Kedah, pada 25 Januari 1952.²⁶⁵ Begitu juga, Penghulu Kampung Hulu Langat, Selangor, dicederakan oleh pengganas komunis yang menembak ke arah keretanya ketika beliau dalam perjalanan pulang ke kampung pada 25 Januari 1952.²⁶⁶ Sementara itu, seorang penduduk Melayu dibunuh berdekatan Klang, Selangor, pada Januari 1952.²⁶⁷ Di kawasan Kuala Lipis, Pahang, lima orang Melayu dicederakan oleh pengganas komunis pada Januari 1952.²⁶⁸ Pada 19 Februari 1952, pengganas komunis membunuh seorang lelaki Melayu di Estet Aik Bee, Selarong Panjang, Kulim, Kedah.²⁶⁹ Manakala, pada 21 Februari 1952, mayat dua penoreh getah berbangsa Melayu yang dibunuh oleh pengganas komunis dijumpai di sebuah estet getah di kawasan Kuala Kubu, Selangor.²⁷⁰ Pada 23 Februari 1952, kira-kira 20 orang pengganas komunis membunuh seorang Melayu di kawasan Kluang, Johor.²⁷¹ Dalam kejadian lain, pada April 1952, tiga pengganas komunis mengunjungi sebuah kampung di kawasan Tapah, Perak dan menembak mati seorang penduduk Melayu. Kad pengenalan mangsa diambil.²⁷² Pada 13 Mei 1952, dua orang Melayu mati dan enam orang diculik oleh pengganas komunis yang menyerang Kampung Bukit Sati, kira-kira 48.28 kilometer (30 batu) di utara Kuala Kangsar, Perak pada pukul 8 pagi.²⁷³ Dalam perkembangan lain, pada 3 Jun 1952, seorang mata-mata khas, Azri bin Baki, mati ditembak oleh pengganas komunis ketika sedang membuat rondaan di Kampung Gunung Rapat, Ipoh, Perak.²⁷⁴ Pada November 1952, enam

pengganas komunis menyerbu sebuah kampung Melayu di Negeri Sembilan. Mereka merompak sepucuk senapang patah dari seorang pekedai Melayu dan membunuh seorang ketua *Home Guard* Melayu.²⁷⁵

Keganasan komunis terhadap penduduk Melayu berterusan pada tahun 1953. Pada pagi 1 Mac 1953, segerombolan pengganas komunis menangkap penghulu dan tiga orang *Home Guard* di Kampung Bukit Bachang, daerah Kuala Krai, Kelantan. Mereka mengikat penghulu dan menggunakan tiga *Home Guard* sebagai pemandu jalan untuk masuk ke kampung. Pengganas merompak senjata, beras, wang dan rokok dari kampung itu. Selepas itu, enam pengganas komunis menghentikan seorang wanita Melayu di Kampung Manjor, juga kawasan Kuala Krai, Kelantan dan merompak anting-anting wanita itu.²⁷⁶ Dalam kejadian lain yang berlaku pada 7 Mac 1953, segerombolan pengganas komunis menyerang sebuah kampung Melayu terpencil iaitu Kampung Bukit Kachang, di Hulu Kelantan, Kelantan. Pengganas menculik ketua kampung dan kemudian membunuhnya setelah merompak 24 senapang patah dan makanan.²⁷⁷ Pada April 1953, segerombolan 20 pengganas komunis menyerbu Kampung Bukit Puah, Kelantan, bertempur dengan *Home Guard* dan melarikan diri dengan menculik seorang budak Melayu. Dalam kejadian itu, seorang penduduk kampung terbunuh.²⁷⁸ Sementara itu, pada Mei 1953, di daerah Pasir Mas, Kelantan, lebih kurang 20 orang pengganas komunis menyerang sebuah kampung Melayu. Serangan pengganas itu dibalas oleh *Home Guard* yang mengakibatkan seorang *Home Guard* meninggal dunia.²⁷⁹

Kegiatan Jahat Komunis Terhadap Penduduk India, Orang Asli dan Kaum Lain

Orang India juga tidak terlepas daripada kekejaman dan penyeksaan komunis. Antaranya, pada 10 Julai 1948, seorang kontraktor India dibunuh oleh pengganas komunis di Estet Siliau, Rantau, Negeri Sembilan.²⁸⁰ Pada 11 Julai 1948, seorang

mandur India dibunuh oleh pengganas di sebuah estet di Port Dickson, Negeri Sembilan.²⁸¹ Dalam kejadian lain, pada 14 September 1948, seorang pengawal India di sebuah kebun teh di Cameron Highlands, Pahang, diculik oleh pengganas komunis. Mangsa kemudian dijumpai dibunuh dengan dikerat leher.²⁸² Pada 29 September 1948, seorang gembala lembu berbangsa India diculik dan kemudian dijumpai mati ditembak oleh pengganas komunis di kawasan Tapah, Perak.²⁸³ Dalam perkembangan lain, seorang pembantu doktor berbangsa India bersama isteri dan anaknya cedera apabila keretanya diserang oleh pengganas komunis di Estet Hamiltonia, Teluk Intan, Perak, pada 3 Oktober 1948.²⁸⁴ Pada 22 Oktober 1948, seorang pekedai berbangsa India, A. Kalcarnay, yang juga bekas Presiden Kesatuan Buruh di Labis, Johor, dibunuh oleh pengganas komunis berdekatan Estet Toules, Labis, Johor.²⁸⁵ Sementara itu, pada 9 November 1948, seorang sarjan polis berbangsa India ditembak mati oleh empat orang pengganas komunis di sebuah kedai gunting rambut di Siputeh, Tronoh, Perak.²⁸⁶ Pada 16 Disember 1948, seorang buruh Tamil dipukul oleh pengganas komunis di Estet Kampung Kuantan, Klang, Selangor.²⁸⁷ Begitu juga, seorang pengumpul kayu api, Harnam Singh mati ditembak oleh pengganas komunis di Jalan Rawang-Batu Arang, Selangor pada kira-kira 10 pagi, 18 Disember 1948. Kejadian itu berlaku ketika mangsa dalam perjalanan balik ke rumah setelah mengumpulkan kayu api dari hutan berdekatan Batu Arang. Polis percaya bahawa motif pembunuhan itu ialah mangsa enggan membayar yuran keahlian kepada pengganas komunis.²⁸⁸ Manakala, pada 29 Disember 1948, kontraktor Estet Vaithilingam berbangsa India di kawasan Segamat, Johor, ditembak mati di Batu 10, Jalan Segamat-Labis.²⁸⁹

Keganasan komunis terhadap penduduk India berterusan pada tahun 1949. Antaranya, pada 23 Januari 1949, di Estet Boh, Cameron Highlands, Pahang, seorang kangani India diculik dan dicederakan oleh pengganas komunis.²⁹⁰ Pada Mac 1949,

seorang mandur, Rengasamy dibunuhi di Estet Penarth, Sungai Siput, Perak. Mandur itu dibunuhi oleh pengganas komunis kerana tidak bekerjasama dengan mereka.²⁹¹ Pada 9 Mac 1949, sembilan pengganas komunis menyerbu banglo kontraktor India di Estet Jeransang, Jerantut, Pahang dan kontraktor itu mati ditetak.²⁹² Selain itu, pada 19 Mac 1949, seorang penoreh getah berbangsa India di Estet Klang, berdekatan Morib, Kuala Langat, Selangor, ditetak mati oleh tiga pengganas komunis. Daripada poster komunis yang ditinggalkan, didapati motif pembunuhan adalah tidak bekerjasama dengan pengganas komunis.²⁹³ Begitu juga, tiga orang India dibunuhi oleh pengganas komunis di Estet Chu Leong, Morib, Kuala Langat, Selangor pada 19 Mac 1949.²⁹⁴ Pada 31 Mac 1949, seorang penjaga berbangsa India dibunuhi oleh pengganas komunis yang menyerbu Estet Union di Batu Pahat, Johor.²⁹⁵ Dalam kejadian lain, seorang pekerja India diikat dan ditikam mati oleh pengganas komunis di Estet Sanmugam Nyalas, Melaka pada 18 April 1949.²⁹⁶ Pada 11 Mei 1949, 15 pengganas komunis menikam mati seorang pemilik kedai barang makanan berbangsa India di Batu 6, Jalan Yong Peng-Paloh, Johor.²⁹⁷ Pada 20 Mei 1949, seorang perempuan India diculik oleh pengganas komunis dan kemudian dijumpai mati dibunuhi di sebuah estet di kawasan Jeransong, Pahang. Begitu juga, seorang mandur India bersama isterinya di sebuah estet di Jeransong, Pahang ditembak mati oleh pengganas komunis.²⁹⁸ Dalam perkembangan lain, pada 22 Julai 1949, seorang mandur India dari Estet Leong Bee, Johor, ditahan oleh dua orang pengganas komunis di Jalan Kebai-Gelang Patah, Johor. Pengganas merompak wang tunai \$96 dan kemudian mengikat mandur itu pada sebatang pokok.²⁹⁹ Pada 29 Julai 1949, pengganas komunis menikam seorang pekerja India dan menculik dua pekerja lain dari sebuah estet berdekatan Kuala Lumpur.³⁰⁰

Pada 23 Februari 1950, seorang kerani India di Estet Kingsmead, Pahang, dibunuhi oleh 50 pengganas komunis. Bangunan dalam estet turut dibakar oleh pengganas.³⁰¹

Pada 7 Mac 1950, seorang penoreh getah berbangsa Tamil mati ditetak oleh pengganas komunis di Estet Sungai Kelama, Gemas, Negeri Sembilan. Dokumen komunis dalam bahasa Tamil dan Cina dijumpai di sisi mayat.³⁰² Dalam pada itu, pada 23 Mei 1950, bom tangan dicampak ke bahagian percetakan akhbar *The China Press*, Kuala Lumpur dan mengakibatkan seorang pekerja bangsa Sikh, Mongal Singh terkorban.³⁰³ Pada 19 Jun 1950, dua orang India, S. Vijayandran, Pemangku Pendaftar, Mahkamah Tinggi Ipoh dan V. Thambiah, Pembantu Kewangan Pejabat Kejuruteraan Negeri Perak, terbunuhan dalam letupan bom tangan pengganas komunis di rumah V. Thambiah di *Birch Garden*, Perak.³⁰⁴ Pada 2 Disember 1950, seorang India cedera dalam kejadian letupan bom tangan yang dipasang oleh pengganas komunis di Teluk Intan, Perak.³⁰⁵ Pada 13 Disember 1950, konvoi makanan diserang oleh pengganas komunis di kawasan Kota Tinggi, Johor. Dalam kejadian itu, seorang wanita India mengalami kecederaan di samping seorang Cina.³⁰⁶ Dalam perkembangan lain, dua orang India diculik dari sebuah estet di Sungai Siput, Perak, pada 10 April 1951 oleh sekumpulan pengganas komunis dengan maksud memaksa mereka menyertai kumpulan pengganas itu.³⁰⁷ Pada 21 April 1951, seorang kontraktor India diculik dari rumah mangsa di Sungai Siput, Perak. Mangsa kemudian dijumpai mati ditembak oleh pengganas komunis.³⁰⁸ Pada 10 Mei 1951, tiga pengganas komunis mencerobohi sebuah rumah di kawasan Kampar, Perak. Mereka menculik seorang wanita Tamil yang kemudiannya dijumpai mati dibunuh oleh pengganas.³⁰⁹ Selain itu, pada 9 Mei 1952, di Taiping, Perak, 20 pengganas komunis mengunjungi sebuah estet getah dan menembak mati seorang India Muslim. Pengganas meninggalkan surat sebaran di tepi mayat.³¹⁰ Pada 25 Ogos 1952, pengganas komunis membunuh Nelson, kontraktor India di Estet Sungai Tua, lebih kurang 14.48 kilometer (sembilan batu) dari Kuala Lumpur.³¹¹ Pada awal September 1952, seorang penoreh India, V. Sathurukan dilarikan oleh pengganas komunis dari Estet Semenyih, Kajang,

Selangor. Mangsa kemudian dijumpai mati ditetak dengan parang.³¹² Sementara itu, pada 13 Jun 1953, 10 pengganas komunis membunuh seorang pekerja Tamil di Estet Aik Lee San di Gelang Patah, Johor. Risalah komunis dijumpai di tempat kejadian dan kad pengenalan mangsa dirampas.³¹³ Pada 9 Jun 1954, kira-kira 20 pengganas komunis menyerbu Kampung Baru Kwong Choo Loo di kawasan Gelang Patah, Johor dan melarikan tiga orang India. Mayat ketiga-tiga mangsa itu kemudian dijumpai mati dipukul dengan batang besi.³¹⁴ Manakala, pada 10 Jun 1954, lima pengganas komunis menembak mati seorang penoreh getah berbangsa Tamil, Kanniah alias Kanna, di Estet Kati, Kuala Kangsar, Perak.³¹⁵ Pada 22 Jun 1954, seorang penoreh getah berbangsa India di Estet Tai Seng, Tapah, Perak, diserang oleh dua pengganas komunis. Penoreh itu mengalami kecederaan teruk.³¹⁶ Dalam kejadian lain, pada 25 Ogos 1954, dua kepala estet berbangsa India diikat pada pokok dan perut dibelah oleh pengganas komunis di Estet Dovenby, Sungai Siput, Perak.³¹⁷ Pada 26 Ogos 1954, Perumal, kontraktor India di Estet Kamuning, Sungai Siput, Perak, dilarikan oleh lapan orang pengganas komunis.³¹⁸ Pada 8 September 1954, seorang India, Ramasamy ditembak di kepala dan perut oleh pengganas komunis di Estet Kelapa Sawit Kulai, Kulai, Johor.³¹⁹

Orang Asli juga menderita akibat kegiatan komunis. Mereka sering diugut bekerjasama dengan komunis sebagai pembekal makanan, pemandu jalan dan pengumpul maklumat.³²⁰ Orang Asli menjadi mangsa keganasan komunis kerana mereka tinggal dalam hutan yang merupakan pusat kegiatan pengganas komunis. Antaranya, pada 10 Oktober 1948, kampung Orang Asli di mukim Sungai Segamat, Segamat, Johor, yang diduduki oleh seramai 97 Orang Asli diserbu oleh pengganas komunis. Kejadian itu mengakibatkan kesemua Orang Asli berpindah dari kampung pada malam kejadian itu.³²¹ Begitu juga, akibat ancaman pengganas komunis, sejumlah sembilan Orang Jakun keluar dari hutan Pagoh, Muar, Johor dan menjalankan kerja-kerja menanam di bawah kelolaan

orang Melayu di Bukit Senjata, Parit Sulong, Batu Pahat, Johor.³²² Dalam perkembangan lain, pada 7 Februari 1949, seorang ketua Orang Asli dan menantunya diculik oleh pengganas komunis ketika bekerja di sebuah ladang di Lembah Bertam, Pahang.³²³ Batin Kuning, ketua Jah Hut di Bukit Quin, mukim Kerdau, daerah Temerloh, Pahang, diculik oleh pengganas komunis pada 11 Mei 1949. Pada hari berikutnya, semua Orang Asli berpindah dari tempat itu ke Kampung Kerdau, Pahang.³²⁴ Pada Julai 1949, di Cameron Highlands, Pahang, kira-kira 20 pengganas komunis menyerang Orang Asli yang sedang bekerja di kebun getah dan mengakibatkan 11 Orang Asli terbunu.³²⁵ Pada 13 Julai 1949, pengganas komunis menyerang ladang Orang Asli di kawasan Tapah, Perak dan menculik lima Orang Asli.³²⁶ Pada 27 Julai 1949, segerombolan pengganas komunis menyerbu ladang Orang Asli di Kuala Tesong, Sungkai, Perak dan menggeledah semua rumah Orang Asli di kawasan itu.³²⁷ Dalam pada itu, pada Ogos 1949, 34 Orang Asli yang bekerja di Ladang Boh Teh, Cameron Highlands, Pahang, menjadi mangsa keganasan 40 orang pengganas komunis.³²⁸ Pada 14 Mac 1950, di selatan Estet Lanchang, kawasan Mentakab, Pahang, lima pengganas komunis mengunjungi rumah kongsi estet dan mengheret keluar seorang Orang Asli, mengikatnya dengan rotan dan ditembak mati.³²⁹ Dalam kejadian lain, pada malam 16 Mei 1950, empat pengganas komunis menyerbu sebuah pondok yang didiami oleh sekeluarga Orang Asli di Batu 76, Jalan Bentong-Karak, Pahang. Mereka merampas sebatang sumpitan dan dua bilah parang. Berikutnya, mereka menetak mati anak sulung Orang Asli. Ibu mangsa cuba melarikan diri dengan anak bongsunya tetapi ditembak mati, di samping seorang lagi anaknya. Tiga Orang Asli lain turut dicederakan.³³⁰ Pada 17 Mei 1950, mayat sepasang suami isteri Orang Asli dan anaknya dijumpai oleh polis di daerah Bentong, Pahang. Mereka mati ditembak dan ditetak dengan parang oleh pengganas komunis.³³¹ Selain itu, pada 1 Julai 1950, dua Orang Asli yang bekerja sebagai penoreh getah diserang oleh

penganas komunis di Perak. Salah seorang daripadanya mati ditembak dan seorang lagi dicederakan.³³² Pada 6 Oktober 1950, di Perak, 13 Orang Asli terserempak dengan segerombolan penganas komunis. Antaranya, sembilan lelaki dewasa diikat dan ditetak mati, manakala dua wanita dan dua kanak-kanak dibebaskan tanpa cedera.³³³ Pada 29 Disember 1950, dua Orang Asli telah diserang oleh penganas komunis di Bentong, Pahang. Kejadian itu mengakibatkan seorang Orang Asli mati dan seorang lagi sempat melepaskan diri. Sebanyak 56 biji durian dan duit sejumlah \$5.20 diambil oleh penganas.³³⁴ Dalam perkembangan lain, pada Julai 1951, sekumpulan Orang Asli berpindah dari Sungai Mentiga ke Sungai Pahang kerana bimbang terhadap serangan penganas komunis di Sungai Mentiga, Pekan, Pahang.³³⁵ Seorang ketua Orang Asli dicekik dan ditikam oleh penganas komunis di kawasan Ipoh, Perak pada Januari 1952.³³⁶ Pada pertengahan Januari 1953, di daerah Kuala Kangsar, Perak, dua Orang Asli yang sedang membersihkan semak di celah-celah pokok getah diculik oleh penganas komunis.³³⁷ Dalam kejadian lain yang berlaku pada 9 Mac 1955, 12 penganas komunis melarikan tujuh Orang Asli dan kemudian empat daripadanya dibunuhi. Kejadian itu berlaku ketika Orang Asli berkenaan sedang menangkap ikan di Sungai Landor di kawasan Chenderiang, Ipoh, Perak.³³⁸

Selain penduduk Cina, Melayu, India dan Orang Asli yang mengalami penderitaan pada zaman darurat akibat kekejaman komunis, isteri pegawai dan anggota pasukan keselamatan British dan Asia juga hidup dalam keadaan yang menderita. Ini kerana mereka sentiasa diselubungi dengan kebimbangan terhadap keselamatan suami mereka. Pihak polis kehilangan ramai pegawai dan anggotanya pada zaman darurat. Pada akhir tahun 1950, 222 orang telah dibunuhi, iaitu 64 orang lebih daripada 18 bulan sebelumnya. Terdapat seramai 321 orang yang mengalami kecederaan pada tahun 1950. Pegawai polis British dan Asia mula menganggap mereka sebagai pengorbanan kepada perang anti-

komunis. Isteri mereka hidup dalam penderitaan dan di bawah ketegangan mental. Mereka berasa bimbang apabila melihat suami mereka tergesa-gesa masuk dalam kenderaan untuk memulakan tugas. Mereka berasa bersyukur apabila melihat suami mereka pulang dengan selamat, tetapi penderitaan ini berterusan setiap hari. Antara contoh orang Eropah dan anggota pasukan keselamatan yang menjadi mangsa komunis ialah Bee F.S. Congar, O.C.P.D. Tampin. Beliau ditembak mati ketika mengetuai pasukan polis bertempur dengan pengganas komunis di jalan antara Tampin dengan Gemas, Negeri Sembilan pada 15 Disember 1948.³³⁹ Manakala pada 8 Mac 1949, 10 pengganas komunis menyerang sebuah jip tentera di selatan Kajang, Selangor dan melukakan seorang tentera British.³⁴⁰

Begitu juga, nyawa peladang dan pelombong Eropah sentiasa dalam bahaya baik siang atau malam hari. Terdapat kira-kira 2,000 peladang Eropah dan pelombong di negara ini.³⁴¹ Pada tahun 1948 sahaja, terdapat 15 peladang Eropah menjadi mangsa pembunuhan pengganas komunis. Seramai 33 peladang getah Eropah dibunuh di antara 16 Jun 1948 hingga 22 November 1950. Antara Julai hingga November 1951, 49 orang peladang Eropah menjadi mangsa keganasan komunis. Sepanjang zaman darurat, didapati sejumlah 99 orang peladang Eropah dan kakitangannya terbunuh di Tanah Melayu.³⁴² Sehingga bulan Julai 1954, UPAM menganggarkan terdapat 7% peladang Eropah yang dibunuh di Tanah Melayu pada zaman darurat. Ini membawa kepada permintaan bersara sebelum tamat tempoh perkhidmatan dan pemuda Eropah lain pula enggan melibatkan diri dalam bidang perladangan. Keadaan ini menyebabkan pihak pengurusan ladang Eropah sukar untuk mendapatkan kakitangan berbangsa Eropah dan mengekalkan mereka dalam sektor perladangan. Para peladang Eropah juga terpaksa membawa senjata setiap masa. Contohnya, Weber dan keluarganya yang tinggal di sebuah estet getah di Layang-Layang, Johor, berdepan dengan bahaya ancaman komunis

dan tidak pernah meninggalkan senjata walaupun pada waktu tidur.³⁴³ Dengan itu, jelas bahawa mereka terpaksa hidup dalam keadaan yang berjaga-jaga sepanjang masa dan mengalami hidup yang tegang. Mereka juga tidak dapat melepaskan diri daripada ancaman pengganas komunis. Antaranya, pada 4 Ogos 1948, pengurus Estet Bukit Sidim di Kulim, Kedah, bernama K.W. Burnham dibunuh oleh seorang pengganas komunis.³⁴⁴ Pada 7 Ogos 1948, pengurus Estet Teluk Sengat, Kota Tinggi, Johor, H.M. Rice dibunuh oleh pengganas komunis yang menyerbu estet berkenaan.³⁴⁵ Pada 20 Ogos 1948, seorang penolong pengurus estet getah, J.L. Boden bersama dengan dua kanak-kanak Melayu dan dua mata-mata khas mati ditembak oleh pengganas komunis ketika pengganas menyerang Estet Sembarong, Layang-Layang, Johor.³⁴⁶ Dalam kejadian lain yang berlaku di Rawang, Selangor, seorang penolong pengurus estet getah ditembak mati oleh pengganas yang menyerang estet berkenaan pada 11 September 1948.³⁴⁷ Sementara itu, pada 15 Oktober 1948, Jack Moss, penolong pengurus Estet Jerantut, Kuala Lipis, Pahang, mati ditembak oleh pengganas komunis ketika mangsa sedang menjalankan penyeliaan di estet.³⁴⁸ Pada 20 Oktober 1948, S. Harper Ball, pengurus Estet Craigielea, Muar, Johor dan pembantunya, J.Y. Simpson, mati ditembak oleh pengganas komunis dalam kereta ketika kembali dari kerja penyeliaan di sebuah estet Cina di Muar, Johor.³⁴⁹ Dalam perkembangan lain, pada 8 November 1948, pengganas komunis menyerang Estet Sungai Tekal di kawasan Mentakab, Pahang dan membunuh seorang pengurus berbangsa Eropah, J.B. Middleton.³⁵⁰ Pada hari yang sama, seorang penolong pengurus Estet Rasa di Kuala Kubu, Selangor bernama Norman Pearson, ditembak mati oleh pengganas komunis ketika mangsa sedang membuat rondaan di estet dengan motosikal.³⁵¹ George Alexander Swanson, 36 tahun, Penolong Pengurus Estet Johor Labis, Johor, ditembak mati pada 10 pagi, 26 November 1948 oleh sekurang-kurangnya 10 orang pengganas komunis.³⁵²

Dalam kejadian lain, pengurus berbangsa Eropah dari Estet Kulai Young, Kulai, Johor, diserang oleh pengganas komunis ketika mangsa dalam perjalanan ke pekan Kulai, Johor, pada 13 Januari 1949. Tiada kecelakaan yang dilaporkan.³⁵³ Pada 22 Januari 1949, pengurus berbangsa Eropah dari Estet Lothian, Nilai, Negeri Sembilan, diserang semasa beliau memandu kereta dari kilang estet ke banglonya. Beliau cedera dan keretanya terkena 19 peluru pengganas komunis.³⁵⁴ Pada 14 Februari 1949, F.P.W. Harrison, dari Estet Somme, Terap, Kulim, Kedah, diserang hendap oleh segerombolan pengganas komunis antara Terap dan Serdang, Kedah. Mangsa mati kerana ditembak.³⁵⁵

Keganasan komunis terhadap orang Eropah berterusan pada tahun 1950. Pada 11 April 1950, penolong pengurus Ladang Kamuning, Sungai Siput, Perak, John Ward dibunuh semasa beliau membuat rondaan di ladang bersama tiga orang polis khas. Mereka bertempur dengan enam komunis berpakaian seragam. Sebelum mlarikan diri pengganas komunis melepaskan sebutir bom tangan menyebabkan John Ward terbunuh.³⁵⁶ Pada 8 Mei 1950, penolong pengurus Estet Telemong, Raub, Pahang, dibunuh oleh tujuh pengganas komunis ketika mangsa sedang bertugas di estet.³⁵⁷ Seterusnya, pada 30 Mei 1950, seorang peladang, A.T. Jones dan pengawalnya telah diserang di Ladang Kamuning, Sungai Siput, Perak. A.T. Jones cedera, manakala pengawalnya terbunuh dalam serangan itu.³⁵⁸ Dalam perkembangan lain, pada pagi 19 Jun 1950, pengganas komunis menyerang dan membunuh Ross Wallace, pengurus Estet Sungai Kabut, Sungkai, Perak. Manakala anak pengurus itu mengalami kecederaan dalam serangan tersebut.³⁵⁹ Pada 31 Ogos 1950, G.A. Denne, seorang pengurus estet di Pahang, mati ditembak oleh pengganas komunis ketika mangsa sedang menyelia estet.³⁶⁰ Manakala, pada 3 Oktober 1950, James Chalmers, pengurus Estet Kim Sang berdekatan Sungai Besi, Selangor, diserang hendap dan dibunuh oleh pengganas komunis ketika mangsa sedang membuat rondaan pagi di estet.³⁶¹ Pada pagi 22 November 1950,

pengurus Estet Coronation, Johor berbangsa Eropah, Edward Leggatt, diserang oleh pengganas komunis ketika beliau sedang menjalankan tugas dengan diiringi seorang mata-mata khas dan seorang kerani. Dalam kejadian itu, pengurus estet dan mata-mata khas terbunuh.³⁶² Selain itu, pada 5 Disember 1950, Noel Frank Modder, penolong pengurus sebuah estet di Kajang, Selangor diserang hendap oleh 20 pengganas komunis berdekatan dengan kilang estet dan mangsa kemudian mati terkena tembakan pengganas.³⁶³ Pada 19 Disember 1950, dua peladang Eropah, Edward Alcock dan David Adamson dibunuh oleh pengganas komunis di Estet Jong Landor, Ipoh, Perak.³⁶⁴

Pada tahun 1951, peladang Eropah terus terdedah kepada ancaman komunis. Antaranya, pada 10 Januari 1951, penolong pengurus Estet Brooklands, Banting, Kuala Langat, Selangor, W.J. Shaw, ditembak mati oleh pengganas komunis ketika mangsa sedang menunggang basikal di kawasan estet bersama pembantunya, A.N. Symons yang mengalami kecederaan.³⁶⁵ Pada 5 Mac 1951, penolong pengurus Estet Getah Senai, Johor, David Duclos dibunuh dalam serang hendap pengganas komunis terhadap sebuah lori estet yang ditumpangi mangsa.³⁶⁶ Dalam perkembangan lain, seorang peladang Eropah yang dalam perjalanan ke estet di Kulim, Kedah, diserang hendap oleh kira-kira 30 pengganas komunis pada 7 Mac 1951. Dalam kejadian itu, peladang berkenaan mengalami kecederaan.³⁶⁷ Pada 1 April 1951, seorang penolong pengurus estet berbangsa Inggeris telah diserang oleh pengganas komunis ketika mangsa berada dalam pejabat estet di Kluang, Johor.³⁶⁸ Dalam kejadian lain yang berlaku pada 17 Jun 1951, seorang pengurus estet berbangsa Eropah di Alor Gajah, Melaka, diserang dan dibunuh oleh 15 orang pengganas komunis.³⁶⁹ Pada 19 Julai 1951, A.D. Paterson, penolong pengurus estet terbunuh dalam serang hendap pengganas komunis di kawasan Segamat, Johor.³⁷⁰ Selain itu, pada 26 September 1951, penolong pengurus Estet Hulu Paloh, Kluang, Johor, H.C. Travers Drapes, dibunuh oleh pengganas komunis ketika mangsa

sedang menjalankan rondaan di estet.³⁷¹ Pada 12 November 1951, G. Pilley, pengurus Perladangan Layang di kawasan Kluang, Johor, dibunuh oleh pengganas komunis setelah kembali dari kerja dengan dua orang mata-mata khas.³⁷² Pada 14 November 1951, pengurus Estet Bidor, Tapah, Perak, C.W. Dicks dan seorang pelawat dari Syarikat Lembaga Pengarah, E.R. Corbett mati ditembak oleh pengganas komunis ketika mereka melawat estet.³⁷³

Bahaya ancaman komunis terhadap peladang Eropah telah berkurangan mulai tahun 1952. Pada 25 Januari 1952, E.D. Harding, pengurus Estet Lothian, Sepang, Selangor, ditembak mati oleh pengganas komunis di kawasan estet.³⁷⁴ R.E. Bogle, penolong pengurus Estet Frazer di Kulai, Johor, ditembak mati oleh pengganas komunis di depan isteri dan anaknya pada 29 September 1952.³⁷⁵ Dalam pada itu, pada 13 Jun 1953, pengganas komunis menyerbu Estet Jempol, Bahau, Negeri Sembilan dan menembak pengurus berbangsa Eropah, Walsh.³⁷⁶ Pada 26 Jun 1953, Cryd Alexander Gray, pengurus Estet Mentakab, Pahang, dibunuh semasa beliau berada dalam kereta dengan diiringi dua mata-mata khas Melayu dalam perjalanan beliau ke estet.³⁷⁷ Pada Julai 1953, seorang pengurus estet Eropah diserang dan dibunuh oleh 10 pengganas komunis di kawasan Mentakab, Pahang.³⁷⁸ Sementara itu, pada 12 Januari 1954, John Basil Ritson, pengurus Estet New Rompin ditembak mati oleh pengganas komunis di kawasan Bahau, Negeri Sembilan.³⁷⁹ Pada 2 Jun 1954, pengganas komunis menembak mati dua peladang Eropah di Estet Heewood, Sungai Siput, Perak. Mangsa ialah Robert Chestnut, pengurus Estet Heewood dan penolongnya, W.R. MacConachie.³⁸⁰ Dalam kejadian lain, seorang pengurus Estet Pengerang, K.D. Paul ditembak mati ketika beliau melawat Estet Santi, Kota Tinggi, Johor, pada 13 Mac 1955.³⁸¹ Pada 16 November 1955, dua peladang Eropah cedera parah setelah diserang hendap oleh pengganas komunis di kawasan Lenga, Johor, ketika mereka sedang memeriksa estet getah baru.³⁸² Begitu juga,

seorang pengurus estet dan penolongnya ditembak oleh pengganas komunis di Estet Craigielea, Muar, Johor pada 22 Mei 1957.³⁸³

Sementara itu, pada 4 Jun 1948, ketika E.V. Dabb MC dari *Idris Hydraulic Mines*, Kampar, Perak, sedang membayar gaji kepada pekerja-pekerja, lebih kurang enam orang komunis memasuki pejabat dan mengugutnya untuk menyerahkan wang tersebut. Dabb yang tertembak di kakinya cuba melepaskan diri melalui pintu belakang pejabat. Seorang komunis yang mengekori beliau telah menembaknya beberapa kali dengan senapang. Mereka mengambil \$2,000 sebelum meninggalkan pejabat Dabb. Dabb meninggal dunia di hospital beberapa jam kemudian.³⁸⁴ Pada 4 Ogos 1948, pengurus Lombong Timah Meru, Jelapang, Ian Ogilvie ditembak mati oleh pengganas komunis ketika mangsa dalam perjalanan ke pejabat di Batu 5½, Jalan Chemor-Jelapang, Ipoh, Perak.³⁸⁵ Pada 29 Ogos 1948, Hunter, pengurus Lombong Timah Tambah, Negeri Sembilan mati ditembak oleh pengganas komunis.³⁸⁶ Manakala pada 15 September 1948, seorang kakitangan Rawang *Tin Fields Limited*, William Walter Archer, mati ditembak oleh pengganas komunis berdekatan Rawang, Selangor.³⁸⁷ Dalam perkembangan lain, pada 14 Oktober 1948, seorang Eropah bernama K.G. Jenkins diupah bekerja di Lombong Timah Renong, Gombak, Selangor, ditembak mati oleh pengganas komunis di atas katilnya di rumah kongsi lombong berkenaan.³⁸⁸ Pada 30 Oktober 1948, di Kuala Lumpur, seorang pelombong Eropah mati ditembak oleh pengganas komunis setelah lombong itu diserbu secara mengejut.³⁸⁹ Dalam kejadian lain, pada 25 Januari 1949, dua kakitangan Eropah, George Henry Bernard Green dan Matthew Barbour mati ditembak oleh pengganas komunis di lombong timah Serendah, Kuala Lumpur.³⁹⁰

Dalam pada itu, seorang paderi Kristian berbangsa Perancis cedera ditembak oleh pengganas komunis ketika sedang memimpin perjumpaan di gereja, di Lembah Bertam, Cameron Highlands, Pahang, pada pagi 20 November 1948. Paderi itu sempat mlarikan

diri melalui tingkap gereja dan melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis. Manakala 12 orang yang berada dalam gereja itu ditahan oleh pengganas komunis.³⁹¹ Pada 25 Januari 1949, seorang mekanik berbangsa Eropah ditembak mati oleh pengganas berhampiran kawasan Arang Batu, Selangor.³⁹² Dalam kejadian yang berlaku pada 10 Februari 1949, W.A. Guttsell, ahli Majlis Negeri Sembilan dan Lembaga Bandaran Seremban, Negeri Sembilan, mati ditembak dalam serang hendap pengganas komunis di Jalan Seremban-Kuala Pilah, Negeri Sembilan.³⁹³ Pada 10 April 1950 pula, seorang joki berbangsa Eropah, E.H. Dawson mati dan seorang Cina cedera akibat letupan bom tangan pengganas komunis di Hotel Metropole di Jalan Brewster, Ipoh, Perak.³⁹⁴ Pada 17 April 1954, Rev. Brother Symphorian ditembak mati oleh 10 pengganas komunis yang menyerbu banglo St. Xavier, Penang Hill, Pulau Pinang.³⁹⁵

Komuniti di Estet dan Lombong

Sejak darurat diisyiharkan di Tanah Melayu, estet dan lombong timah sering menjadi sasaran serangan pengganas komunis. Ini kerana komunis ingin memusnahkan lombong timah dan estet getah yang merupakan asas ekonomi Tanah Melayu. Komunis berharap dengan taktik keganasan; menyerang estet getah dan lombong dapat menimbulkan ketakutan kepada pekerja serta melemahkan ekonomi negara. Hal ini akan mendatangkan tekanan kepada British untuk mentadbir Tanah Melayu dan dalam masa yang sama memberi ruang kepada pihak komunis bertindak. Kebanyakan estet dimiliki oleh orang Cina dan Eropah, manakala orang Melayu pula adalah pemilik kebun getah. Dalam industri timah, hanya 50% pengeluaran datang dari lombong milik Eropah. Lombong lain adalah di bawah kawalan orang Cina. Kedua-dua industri timah dan getah menyumbang kepada hasil kerajaan dalam bentuk royalti, cukai eksport dan pendapatan.³⁹⁶ Dalam perjumpaan antara perwakilan dari *F.M.S. Chamber of Mines* dan

UPAM dengan Jawatankuasa Kewangan Persekutuan pada 15 Disember 1948, perhatian ditumpukan kepada kerugian besar yang dihadapi oleh kompeni getah akibat darurat. Berdasarkan perangkaan dari London, kompeni tertentu mengalami kerugian sebanyak \$750,000 pada tahun 1948 dan sumber lain memaparkan sebuah estet getah mengalami kerugian sejumlah \$300,000 pada tahun 1948, disebabkan aktiviti pengganas komunis yang membantutkan pengeluaran berterusan.³⁹⁷ Antara Julai hingga Disember 1951, kerosakan di estet akibat kegiatan komunis meningkat kepada \$8,100,000 berbanding dengan \$6,300,000 dalam tempoh enam bulan tahun 1950.³⁹⁸ Angka ini menunjukkan pengganas komunis memberi tumpuan kepada kegiatan merosakkan ekonomi negara. Sehingga pada suatu ketika, berlaku 400 kejadian estet getah diserang oleh pengganas komunis dalam tempoh sebulan.³⁹⁹ Pada November 1950 sahaja, bangunan yang dimusnahkan oleh pengganas di estet di Tanah Melayu termasuk rumah asap, kilang getah, pejabat, tempat tinggal pekerja berjumlah 186 buah dan bernilai lebih kurang dua juta ringgit.⁴⁰⁰ Di Johor, misalnya, pihak estet terpaksa menanggung kerugian besar pada tahun 1951 akibat serangan dan kekacauan pengganas komunis. Persatuan Peladang Getah Johor dalam mesyuarat tahunan pada 20 Mac 1952, menyalahkan kelemahan kerajaan dalam menyediakan pasukan polis khas mengawal estet yang menyebabkan peladang Eropah berdepan dengan bahaya keganasan komunis. Menurut tinjauan Persatuan itu, terdapat 15 estet mempunyai kawalan keselamatan yang amat lemah di Johor.⁴⁰¹ Selain itu, pada tahun 1952, sebanyak 26,500 pokok getah dirosakkan oleh pengganas komunis di Johor.⁴⁰² Sementara itu, dalam tempoh sembilan tahun darurat dikuatkuasakan, dari tahun 1948-1956, pengganas komunis menyerang lombong di enam negeri termasuklah Perak, Johor, Selangor, Pahang, Terengganu dan Negeri Sembilan. Antara 80 lombong yang diserang oleh pengganas komunis, 62 adalah dimiliki oleh orang Cina dan 18 pemiliknya adalah orang Eropah. Dalam tempoh sembilan tahun tersebut, 97

kali lombong diserang oleh penganas komunis dan 53 orang menjadi mangsa pembunuhan komunis dengan 56 orang dicederakan. Walaupun adanya serangan penganas komunis, lombong timah masih dapat mengekalkan pengeluaran dan terdapat peningkatan pengeluaran tahunan pada tahun 1954, 1955 dan 1956. Dalam masa 12 tahun (1948-1960) darurat berlangsung, purata pengeluaran lombong timah dapat dikekalkan pada paras lebih kurang 56,085,794.4 kilogram (55,200 tan) setahun.⁴⁰³

Dalam pada itu, komuniti di estet dan lombong juga sentiasa menderita akibat keganasan komunis. Selain kerja harian di estet dan lombong terganggu, nyawa mereka turut terancam. Selain daripada tujuan melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu, gerombolan penganas komunis yang beroperasi di sekitar estet juga bertujuan untuk mendapatkan makanan dan bantuan lain dengan cara ugutan dan keganasan.⁴⁰⁴ Bangunan, hasil getah dan pokok getah dirosakkan untuk mengganggu perjalanan ekonomi British di Tanah Melayu. Kekacauan ini diharapkan dapat membawa pengangguran dan buruh yang meninggalkan estet dikumpulkan untuk menanam makanan bagi pihak komunis.⁴⁰⁵ Daripada sebuah dokumen komunis yang dirampas oleh pihak kerajaan, jelas menunjukkan tafsiran baru polisi PKM untuk mensabotaj estet getah. Dokumen itu menyarankan bahawa sekiranya pusat pengeluaran dimusnahkan, maka sekelompok besar pekerja akan berpindah ke kawasan setinggan. Dengan demikian, dapat meningkatkan pengeluaran makanan kepada penganas komunis.⁴⁰⁶ Oleh itu, kegiatan merosakkan pokok getah, rumah asap, rumah kongsi, kelengkapan dan menakut-nakutkan pekerja estet sering berlaku. Pekerja, kepala buruh dan kontraktor dibunuh supaya mereka tidak hadir bekerja. Mereka juga dibunuh kerana tidak bekerjasama dengan penganas komunis. Keadaan tersebut dinyatakan dalam *Natural Rubber News*, Vol. 1, No. 3, December 1951:

The Number 1 Communist target has been the natural rubber industry, on which the livelihood of more half the people of Malaya depends. Operating in small groups, the bandits burn plantations buildings, destroy rubber trees, murder rubber workers and estate personnel and do their best to disrupt the transportation of rubber along Malaya's roads and rail lines.⁴⁰⁷

Pendek kata, layanan pembunuhan oleh pengganas komunis terpaksa ditanggung oleh setiap orang yang bekerja atau tinggal di estet getah sekiranya mereka tidak dapat memenuhi kehendak pengganas komunis. Bukan sahaja nyawa pekerja terancam tetapi juga keselamatan anak dan isteri mereka.

Pegawai Penerangan Negeri Johor, A.G. Pawan,⁴⁰⁸ melaporkan bahawa pengganas komunis biasa muncul di estet pada awal pagi, menghimpunkan semua pekerja dan memberi indoktrinasi serta mengumpulkan wang daripada mereka. Komunis juga cuba mengambil hati para pekerja dengan membunuh kontraktor, kepala buruh, pembantu pengurus dan kakitangan lain yang didapati tidak disukai oleh pekerja.⁴⁰⁹ Namun demikian, tindakan ini bukan sahaja tidak berjaya memenangi hati para pekerja, sebaliknya mendatangkan keadaan huru-hara dan kebimbangan di kalangan komuniti di estet.

Dalam tempoh 12 bulan, iaitu antara Jun 1948 hingga Jun 1949, terdapat 18 serangan komunis ke atas estet yang menyebabkan 25 pekerja dan kontraktor dibunuh serta enam penoreh diculik.⁴¹⁰ Kekacauan yang ditimbulkan oleh pengganas komunis itu turut menjelaskan hasil pengeluaran getah di Tanah Melayu. Pada tahun 1948, hasil pengeluaran getah di estet berjumlah 409,372,448.6 kilogram (402,907 tan) dan pekebun kecil menghasilkan 298,789,957.3 kilogram (294,071 tan) berbanding 406,427,944.4 kilogram (400,009 tan) bagi estet dan 274,584,669.7 kilogram (270,248 tan) dari kebun kecil pada tahun 1949.⁴¹¹ Di Slim River, Perak, sebuah rumah kongsi di Estet Lima Blas, Kelapa Bali, musnah dibakar oleh pengganas komunis pada 17 Jun 1948, kira-kira 8.45 malam. Kejadian itu bukan sahaja menyebabkan kerugian sebanyak \$5,000 tetapi

menyebabkan pekerja kehilangan tempat tinggal.⁴¹² Pada 28 Jun 1948, ketua kerani di Estet Prai, Seberang Prai, menerima satu panggilan telefon meminta wang \$5,000. Beliau diberi amaran bahawa “kegagalan membayar bermakna mati”.⁴¹³ Dalam perkembangan lain, pada 3 Julai 1948, segerombolan pengganas komunis menyerbu rumah kongsi di Estet Nylor, Kluang, Johor, mengheret dua orang Cina dan menetak mereka sampai mati.⁴¹⁴ Pada 20 Julai 1948, 50 pengganas komunis menyerang dan membakar kilang getah dan sejumlah kuantiti getah bernilai \$100,000 di Estet Elphil, Sungai Siput, Perak. Pengganas kemudian juga menyerang dua estet di kawasan itu, iaitu Estet Cheal dan Estet Sungai Kruda, di mana kilang getah estet berkenaan dibakar.⁴¹⁵ Sementara itu, dua serangan pengganas komunis ke atas ladang getah di Johor berlaku pada 10 Ogos 1948. Antaranya, pada malam 10 Ogos 1948, enam pengganas komunis bersenjatakan senapang, pistol dan parang mengunjungi Ladang Sanda, Johor dan membunuh seorang penoreh getah. Kira-kira sejam kemudian, seramai 20 pengganas komunis mengunjungi sebuah rumah kongsi di Estet Gan Peng Siu, Johor, lalu mengheret keluar dua penoreh Cina dan kemudian mangsa ditembak mati.⁴¹⁶ Manakala pada 12 Ogos 1948, 30 orang pengganas komunis menyerbu Estet Coronation, Kluang, Johor. Pengetua sekolah, pembantu perubatan dan seorang mata-mata khas terkorban. Mereka juga membakar rumah stor, merosakkan jentera dan kilang getah serta pejabat estet.⁴¹⁷ Pada 25 Ogos 1948, kira-kira 50 pengganas komunis menyerbu Estet Amber di Batu 13, Senai, Johor. Dalam kejadian itu, seorang pembantu perubatan estet terkorban, tiga jambatan dan 5,000 pokok getah dibakar; dua pucuk senapang serta 100 butir peluru dirampas.⁴¹⁸ Pada 26 Ogos 1948, di antara 20 hingga 30 orang pengganas komunis menyerang rumah pengurus Estet Hamilin, Nilai, Negeri Sembilan dan membakar sebuah rumah asap.⁴¹⁹ Dalam kejadian lain yang berlaku pada 6 September 1948, Estet Temiang Ranchung, Johor, diserang oleh 20 orang pengganas komunis. Pengganas kemudian membakar kilang dan

tempat tinggal pekerja.⁴²⁰ Pada 8 September 1948, penganas komunis menyerang Estet Lintang di Perak dan Estet Bekok di Johor. Dalam kejadian itu, penganas komunis membakar rumah asap, stor, banglo dan tempat membungkus getah di dua estet berkenaan.⁴²¹ Keadaan ini telah mendatangkan kesulitan dari segi kerja dan hidup para pekerja. Pada 14 September 1948, sebuah estet getah di Jalan Cameron Highlands, Pahang, diserang oleh 10 penganas komunis. Sebuah rumah asap dan rumah kongsi dibakar.⁴²² Selain itu, pada 18 September 1948, di Segamat, Johor, 30 orang penganas komunis menembak mati kepala buruh Estet Tan Siew Hong dan membakar sebuah bangsal kilang serta sebuah rumah asap.⁴²³ Pada 25 September 1948, lapan penganas komunis menyerang Estet Sungai Berahang, Tanjung Malim, Perak. Mereka membunuh seorang kontraktor dan membakar rumah kongsi.⁴²⁴ Dalam kejadian lain, pada 9 Oktober 1948, empat penganas komunis membakar rumah kongsi dan rumah asap di Estet Khean Yeah You Kee di kawasan Kuala Kangsar, Perak.⁴²⁵ Pada 19 Oktober 1948, tiga penganas komunis mencerobohi rumah seorang kepala buruh Estet Seng Heng, Sagil, Johor. Penganas mengheret mangsa keluar dari rumah, mengikatnya pada sebatang pokok dan mangsa ditembak mati. Risalah komunis yang dijumpai di tempat kejadian menuduh mangsa adalah anti-komunis.⁴²⁶ Dalam pada itu, pada 2 November 1948, semua bangunan kecuali tempat tinggal pekerja di sebuah estet getah di Cheras, Kuala Lumpur, hangus dibakar oleh penganas komunis.⁴²⁷ Dua pekerja bangsa Jawa di Estet Mung Heng Teng, Macap, Melaka, ditembak mati oleh penganas komunis pada 3 November 1948. Penganas turut membakar tiga buah bangunan di estet berkenaan.⁴²⁸ Pada malam 18/19 November 1948, di kawasan Tapah, Perak, kira-kira 30,000 pokok getah di tujuh estet ditakik oleh penganas komunis. 5,000 pokok di sebuah estet turut dirosakkan oleh penganas komunis pada 21 November 1948.⁴²⁹ Dalam perkembangan lain, di Perak, pada 10 Disember 1948, sejumlah lebih 15,000 pokok getah dimusnahkan

oleh penganas komunis dalam masa sehari.⁴³⁰ Pada hari itu juga, tiga pekerja Cina di sebuah estet getah di Muar, Johor, dibunuh dan dua dicederakan apabila penganas komunis mengepung estet berkenaan.⁴³¹ Pada 11 Disember 1948, 30 penganas komunis menyerbu Estet Middleton, Seremban, Negeri Sembilan. Mereka menikam mati seorang wanita dan seorang lelaki serta membakar 12 rumah kongsi, sebuah kedai estet dan sekolah.⁴³² Pada pagi 15 Disember 1948, penganas komunis menyerang Estet Sungai Selangor di Kuala Selangor, Selangor dan menembak mati empat orang polis khas.⁴³³

Pada tahun 1949, serangan komunis ke atas komuniti di estet terus berlaku. Antaranya, pada 14 Januari 1949, 40 penganas komunis melakukan serangan ke atas pengurus Estet Kulai Bong, di selatan Johor.⁴³⁴ Pada 22 Januari 1949, Estet Ban Lee di kawasan Johor Bahru, Johor, diserang oleh 20 hingga 30 penganas komunis. Mereka membakar sebuah rumah asap, stor dan rumah tumpangan pekerja.⁴³⁵ Pada 26 Januari 1949, 10 hingga 15 penganas komunis menyerbu Estet Moynalpy, Gopeng, Kampar, Perak. Kontraktor diikat dan rumah asap dibakar kerana kontraktor enggan menyerahkan kunci stor dan rumah asap yang diminta oleh penganas.⁴³⁶ Dalam perkembangan lain, pada 20 Februari 1949, 15 orang penganas komunis menyerang Estet Alburion, berdekatan Rawang, Selangor. Mereka membakar dua rumah asap, sebuah stor dan lima buah rumah kongsi pekerja. Dianggarkan kerugian sebanyak £5,000.⁴³⁷ Antara 25 Februari 1949 hingga 3 Mac 1949, lebih kurang 50.58 hektar (125 ekar) pokok getah di tiga estet di kawasan Chemor, Perak, dibakar oleh penganas komunis.⁴³⁸ Dalam kejadian lain yang berlaku di Pahang pada malam 9 Mac 1949, kira-kira 60 komunis menyerang Estet Jeransong, beberapa batu di selatan Jerantut. Mereka membunuh kontraktor dan membakar rumah asap, kilang dan stesen keretapi.⁴³⁹ Pada 9 April 1949, di Estet Sydney, Kajang, Selangor, sebuah lori yang membawa susu getah ditahan dan kemudian dibakar oleh 10 penganas komunis.⁴⁴⁰ Dalam kejadian lain, kilang dan banglo

di sebuah estet di Muar, Johor, diserang oleh pengganas komunis pada 17 April 1949.⁴⁴¹ Pada 4 Mei 1949, pengganas komunis membakar rumah kongsi dan rumah asap di Estet Wan Seng, Ayer Kuning, Kampar, Perak. Kerosakan dianggarkan berjumlah \$12,000.⁴⁴² Pada 8 Mei 1949, 15 orang pengganas komunis menyerbu *United Malacca Rubber Estate* di kawasan Jasin, Melaka dan dua mata-mata khas dibunuh.⁴⁴³ Pada 11 Mei 1949, pengurus estet dan pembantu doktor dicederakan oleh pengganas komunis di Estet Nagagppa, Segamat, Johor.⁴⁴⁴ Pada 17 Mei 1949, di Estet Rim, Melaka, seorang kontraktor ditembak mati dalam rumahnya di kawasan belakang estet itu.⁴⁴⁵ Pada 22 Mei 1949, seorang kepala buruh di Estet Yap Hoe Bee, Alor Gajah, Melaka, ditetak mati oleh pengganas komunis yang menyerbu estet berkenaan. Pengganas turut membakar dua rumah kongsi, sebuah stor dan sebuah kilang.⁴⁴⁶ Sementara itu, pada 5 Jun 1949, pengganas komunis menyerang Estet Bukit Bruang, Melaka dan membakar sebuah stor, pejabat, rumah asap serta tiga tempat tinggal pekerja.⁴⁴⁷ Pada 11 Jun 1949, 30 pengganas komunis menyerang Estet Melville, di kawasan Labis, Johor dan membakar dua buah lori estet.⁴⁴⁸ Pada malam 13 Jun 1949, seramai 60 pengganas komunis menyerang sebuah estet kepunyaan Baba Bong Sck Lin, ahli Majlis Perundungan Persekutuan, iaitu Estet Sungai Lalang yang letaknya lebih kurang 2.41 kilometer (satu setengah batu) dari Tapah, Perak. Pengganas membakar kilang getah, rumah asap dan dua buah tempat tinggal pekerja. Lebih kurang 2,032.09 kilogram (dua tan) getah juga dimusnahkan.⁴⁴⁹ Pada hari yang sama, pengganas komunis membakar sebuah rumah asap getah di kawasan Kemasik, Terengganu dan mengakibatkan kerugian \$1,500.⁴⁵⁰ Dalam pada itu, pada kira-kira 9.30 petang, 4 Julai 1949, empat pengganas komunis mencerobohi sebuah rumah kongsi di Estet Hup Huan, Batu 3, Jalan Labis-Segamat, Johor dan menculik seorang penoreh getah berumur 23 tahun.⁴⁵¹ Pada 7 Julai 1949, pengganas komunis menyerbu Estet Wooi Bok Weng, Kedah, dua pekerja Cina dibunuh dan wang tunai dirompak.⁴⁵²

Dalam perkembangan lain, di Pahang, 1,000 pokok getah ditakik dan kira-kira 40 pokok ditumbangkan di Estet Nigel Gardner di Kuala Lao pada pertengahan Julai 1949. Begitu juga, Estet Sungai Tua, Pahang, dilaporkan mengalami kerugian 4,000 pokok getah yang dirosakkan oleh pengganas komunis pada 14 Julai 1949.⁴⁵³ Pada 12 Ogos 1949, dua pengganas komunis mencerobohi rumah tumpangan pekerja di Estet Jany, Selangor dan merampas wang tunai serta barang kemas bernilai \$1,000. Begitu juga, 20 pengganas komunis mencerobohi sebuah kongsi estet di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan merompak gaji yang baru mereka terima pada awal pagi berkenaan.⁴⁵⁴ Pada 30 Ogos 1949, kira-kira 30 orang pengganas komunis menyerang sebuah estet di Ayer Molek, Segamat, Johor. Pengganas mengikat kontraktor pada pokok dan membakar tempat tinggal pekerja, rumah asap dan banglo estet.⁴⁵⁵ Dalam kejadian lain, di Perak, 0.40 hektar (seekar) keluasan pokok getah di Sungai Siput dan kira-kira 21.45 hektar (53 ekar) berdekatan Batu Gajah serta lebih kurang 4.05 hektar (10 ekar) berhampiran Tapah ditakik oleh pengganas komunis di antara 30 September hingga 6 Oktober 1949.⁴⁵⁶ Pada 4 Oktober 1949, Estet Kemayan di Mentakab, Pahang, diserbu oleh pengganas komunis. Kejadian itu mengakibatkan kerugian kira-kira \$200,000 kerana pengganas membakar banglo pengurus estet, tempat tinggal pekerja dan rumah asap.⁴⁵⁷ Begitu juga, di kawasan Kajang, Selangor, kira-kira 10.12 hektar (25 ekar) pokok getah ditakik oleh pengganas komunis di antara 7 hingga 13 Oktober 1949.⁴⁵⁸ Pada 10 Oktober 1949, di Estet Liew Weng Chee, Batu 19½, Jalan Manchis, Bentong, Pahang, pengganas komunis membakar rumah asap dan stor getah. Pada hari yang sama, segerombolan pengganas komunis membakar sebuah rumah asap dan sebuah rumah kediaman di Batu 105, Jalan Mentakab-Karak, Pahang dan mengakibatkan kerugian sebanyak \$300.⁴⁵⁹ Pada 20 Oktober 1949, di kawasan Bentong, Pahang, 30 hingga 40 pengganas komunis menyerang Estet Wong Huen. Mereka membakar rumah kongsi, sebuah rumah asap dan sebuah stor.⁴⁶⁰ Pada 28

Oktober 1949, segerombolan pengganas komunis menyerang Estet Wellesley, berdekatan Sungai Bakap di kawasan Nibong Tebal, Seberang Prai dan membakar pejabat estet dengan bangsal memungkus getah.⁴⁶¹ Selain itu, pada 3 Disember 1949, pengganas komunis menyerang Estet Sungai Kawang, Mentakab, Pahang. Setelah mengarahkan 60 keluarga meninggalkan rumah kongsi, pengganas komunis membakar rumah kongsi dan mengakibatkan kerosakan bernilai \$15,000.⁴⁶² Pada 18 Disember 1949, sekumpulan pengganas komunis menyerang Estet Gunung Inas, di kawasan Taiping, Perak. Dalam serangan itu, seorang mata-mata khas Melayu dan seorang wanita Melayu terbunu. Rumah asap, tempat melipat getah dan kilang estet dibakar oleh pengganas sebelum mereka berundur.⁴⁶³ Pada 20 Disember 1949, sekumpulan pengganas komunis menyerang Estet Kemayan di Mentakab, Pahang. Mereka membakar bangunan estet, bernilai kira-kira \$35,000 dan menculik empat orang pekerja.⁴⁶⁴ Pada malam 24 Disember 1949, tujuh pengganas komunis mengunjungi Estet Nam Sin di Johor Bahru, Johor. Mereka meminta kunci rumah asap dari kepala buruh estet. Tetapi kepala itu enggan menyerahkan kunci, pengganas bertindak membakar rumah asap dan rumah pekerja.⁴⁶⁵

Serangan komunis ke atas komuniti di estet berterusan pada tahun 1950. Antaranya, pada 2 Januari 1950, sekumpulan pengganas komunis masuk ke Estet Sungai Mas, Raub, Pahang. Pengganas mengikat kepala buruh estet dan menikamnya sebelum membakar rumah kepala serta rumah asap.⁴⁶⁶ Di Segamat, Johor, pada 9 Januari 1950, 10 orang pengganas komunis memusnahkan rumah kongsi dan rumah asap serta merosakkan jentera estet di Estet Seng, kawasan Buluh Kasap. Dianggarkan kerugian sebanyak \$2,580.⁴⁶⁷ Pada 29 Januari 1950, kira-kira 50 pengganas komunis membakar semua bangunan di Estet Sikamat, Negeri Sembilan.⁴⁶⁸ Pada 30 Januari 1950, pengganas komunis masuk ke Estet Kamuning di kawasan Sungai Siput, Perak dan membunuh

kontraktor estet.⁴⁶⁹ Dalam perkembangan lain, pada 12 Februari 1950, dua rumah asap dan lebih kurang 16,329.19 kilogram (270 pikul) getah kepunyaan Estet Huat Seng Heng, Johor, dimusnahkan oleh pengganas komunis.⁴⁷⁰ Pada 15 Februari 1950, 25 pengganas komunis menyerang Estet Asiahi di Kota Tinggi, Johor dan membakar hangus rumah asap, dua bangsal buruh, rumah penjaga estet serta sebuah kedai.⁴⁷¹ Pada 17 Februari 1950, rumah kongsi 45 bilik di Estet Tebong, Sungai Tua, Jasin, Melaka, hangus dibakar oleh pengganas komunis.⁴⁷² Di kawasan Jerantut, Pahang pula, 100 pengganas komunis menyerang Estet Kingsmead. Mereka membunuh seorang kerani; membakar banglo, rumah asap dan stor pada 23 Februari 1950. Kad pengenalan pekerja juga dirompak.⁴⁷³ Dalam kejadian lain, pada 2 Mac 1950, sekumpulan kira-kira 30 pengganas komunis menyerang Estet Kebalang, Bukit Hitam, di kawasan Sungai Besi, Selangor dan merampas senjata api dari bilik pengawal estet.⁴⁷⁴ Pada 9 Mac 1950, kira-kira 200 pengganas komunis menyerang Estet Hong Huat Sam di Triang, Pahang dan membakar dua buah kilang, tiga rumah asap, tiga tempat simpanan barang, dua buah lori, dua buah jip serta 725.74 kilogram (12 pikul) getah musnah dijilat api. Mereka juga membunuh pengurus estet, seorang pemborong Cina dan kontraktor.⁴⁷⁵ Pada 13 Mac 1950, di Estet Chan Hock, Johor Bahru, Johor, tujuh hingga lapan pengganas komunis membakar rumah asap dan rumah kongsi. Pada 15 Mac 1950, di Estet Tong Chuan, Johor, kira-kira 50 pengganas komunis membakar rumah asap dan sebuah kongsi. Mereka juga membunuh dua pekerja.⁴⁷⁶ Di Estet Rajah, Kulim, Kedah, 15 pengganas komunis membakar rumah asap, sebuah rumah kongsi dan rumah kepala buruh estet pada 15 Mac 1950. Mereka juga membunuh seorang kepala buruh estet.⁴⁷⁷ Selain itu, pada 15 Mac 1950, kira-kira 9 petang, sekumpulan pengganas komunis menyerang Estet Kebon Raja di Merbok, Selarong Panjang, Karangan, Kedah. Mereka menikam mati seorang kepala buruh berbangsa Cina dan mengarahkan semua penghuni kongsi memindahkan barang-barang

kepunyaan mereka sebelum membakar rumah kongsi dan rumah asap. Kerugian dianggarkan kira-kira \$12,000.⁴⁷⁸ Pada 24 Mac 1950, 25 pengganas komunis membakar sebuah rumah kongsi dan merompak 22 kad pengenalan pekerja di Estet Nenyi, Kota Tinggi, Johor.⁴⁷⁹ Sementara itu, pada 2 April 1950, empat pengganas komunis merompak penduduk Cina di Estet Ong Heng Lam di kawasan Johor Bahru, Johor dan mengambil kad pengenalan mereka.⁴⁸⁰ Pada 14 April 1950, kira-kira 9 pagi, seorang kontraktor Cina dan seorang kepala buruh mati ditembak oleh pengganas komunis di Estet Taiton, letaknya di Batu 6, Jalan Cheras, Selangor. Revolver dan kad pengenalan mangsa dirampas oleh pengganas komunis.⁴⁸¹ Pada 15 April 1950, pengganas komunis menyerang Estet Taho, Tapah, Perak. Pengganas membunuh seorang pekerja dan membakar sebuah bangunan estet.⁴⁸² Lebih kurang 1,814.35 kilogram (30 pikul) getah dan jentera kilang getah dimusnahkan apabila empat pengganas komunis membakar rumah asap di Estet Honjing Balsam, Johor pada 28 April 1950.⁴⁸³ Dalam kejadian lain, pada 7 Mei 1950, pengganas komunis menyerbu Estet Batu Talam, di Batu 11, Jalan Cheroh, Raub, Pahang. Pengganas membakar semua bangunan estet dan membunuh seorang lelaki Cina.⁴⁸⁴ Pada lewat Mei 1950, lebih 200 pokok getah di Estet Valdor, Seberang Prai dirosakkan oleh pengganas komunis.⁴⁸⁵ Pada petang 24 Mei 1950, seorang penoreh getah diculik oleh pengganas komunis dari Estet Sungai Pertang, Bentong, Pahang.⁴⁸⁶ Selain itu, pada awal Julai 1950, di kawasan Gua Musang, Kelantan, pengganas komunis menakik sejumlah pokok getah dan memusnahkan kelengkapan di sebuah estet Cina.⁴⁸⁷ Pada 22 Julai 1950, di Kampung Karangan, Kulim, Kedah, sepasang suami isteri yang bekerja sebagai penoreh getah dibunuhi oleh pengganas komunis di sebuah estet.⁴⁸⁸ Di Pulau Pinang, pada 23 Julai 1950, dua pengganas komunis menembak dan mencederakan seorang Cina di rumahnya di Estet Thean Tek.⁴⁸⁹ Dalam perkembangan lain, pada awal Oktober 1950, sekumpulan pengganas komunis

mengunjungi sebuah rumah kongsi Cina di estet getah di Kedah Tengah, kira-kira 16.09 kilometer (10 batu) ke arah timur laut Sungai Patani, Kedah. Kad pengenalan dirampas dan seorang lelaki Cina dilarikan dan kemudian ditembak.⁴⁹⁰ Pada 26 November 1950, pengganas komunis menyerang sebuah estet di Rawang, Selangor. Mereka membakar pejabat estet, tempat menyimpan barang, rumah asap, tempat pengawal, sebuah lori dan kilang getah.⁴⁹¹ Pada 18 Disember 1950, sebuah rumah kongsi estet di Kluang, Johor, dibakar oleh pengganas komunis dan mengakibatkan kerugian kira-kira \$700.⁴⁹² Pada 27 Disember 1950, seorang kerani estet terbunuh dan penolong pengurus cedera dalam serangan pengganas komunis ke atas sebuah estet di Kajang, Selangor.⁴⁹³

Pada tahun 1955, serangan komunis ke atas komuniti di estet masih berlaku. Pada 1 Januari 1951, akibat tembakan pengganas ke atas estet di Kuala Krau, Temerloh, Pahang, sebuah tempat menyimpan barang dan dua buah rumah kongsi terbakar. Kerugian dianggarkan sebanyak \$10,000.⁴⁹⁴ Pada 4 Februari 1951, kira-kira 2,500 pokok getah ditakik oleh pengganas komunis di Kampung Pondok Limau di Hulu Chukai, Kemaman, Terengganu.⁴⁹⁵ Dalam perkembangan lain, pada 1 Mac 1951, pengganas komunis membakar sebuah rumah kongsi dan sebuah rumah jentera di Kuantan, Pahang. Pokok getah juga ditakik oleh pengganas komunis di daerah Temerloh, Pahang. Begitu juga, sebuah rumah asap dibakar oleh pengganas komunis di daerah Triang, Pahang.⁴⁹⁶ Pada 27 Mac 1951, pengganas komunis melontar bom tangan ke dalam Estet Wok Loi, Sungai Siput, Perak. Kejadian itu mengakibatkan seorang Melayu terbunuh dan lapan cedera.⁴⁹⁷ Estet Galloway, Klang, Selangor, diserang oleh pengganas komunis pada 8 April 1951 dan menyebabkan kerosakan kilang dan rumah asap. Ini merupakan kali keempat Estet Galloway diserang oleh komunis. Dianggarkan kira-kira £20,000 kerugian akibat daripada perbuatan pengganas itu. Kejadian berkenaan turut menyebabkan ramai pekerja kehilangan kerja.⁴⁹⁸ Pada 8 April 1951, pengganas komunis membakar rumah

mandur di Estet Kretah, letaknya kira-kira 45.06 kilometer (28 batu) utara Kemaman, Terengganu dan kira-kira 106.22 kilometer (66 batu) dari Kuantan, Pahang. Selepas itu, pengganas turut membakar empat bangunan lain, sebuah rumah kongsi 16 bilik, sebuah kongsi enam bilik dan dua rumah kongsi empat bilik. Pekerja estet pula dipaksa membakar bangunan lain di estet itu dan sekiranya mereka enggan berbuat demikian, pekerja akan ditembak.⁴⁹⁹ Dalam kejadian lain, pada 7 Mei 1951, di kawasan Rawang, Selangor, pengganas komunis merompak harta pekerja estet dan kemudian membakar dua rumah asap dan sebuah tempat menyimpan getah.⁵⁰⁰ Pada 21 Mei 1951, sebuah kilang dan jambatan hangus terbakar di sebuah estet di daerah Kota Tinggi, Johor, akibat perbuatan pengganas komunis.⁵⁰¹ Sejumlah 2,000 pokok getah ditakik oleh pengganas komunis di Seremban, Negeri Sembilan pada 24 Mei 1951. Pada masa yang sama sebuah lori estet dibakar di daerah Johor Bahru, Johor.⁵⁰² Dalam pada itu, di Sungai Siput, Perak, pengganas komunis membakar sebuah tempat kediaman buruh, sebuah rumah kontraktor estet dan sebuah tempat menyimpan barang-barang pada 19 Jun 1951.⁵⁰³ Pada malam 23 Jun 1951, pokok getah ditakik oleh pengganas komunis di Kota Tinggi, Muar dan Segamat, Johor.⁵⁰⁴ Pada 25 Jun 1951, seorang penoreh getah di Sungai Besi, Selangor, diculik oleh pengganas komunis dan kemudian dijumpai mati oleh pasukan keselamatan dengan lehernya dikerat.⁵⁰⁵ Begitu juga, pada 29 Jun 1951, seorang penoreh getah dibunuhi oleh pengganas komunis di daerah Kota Tinggi, Johor.⁵⁰⁶ Pada 30 Julai 1951, pengganas komunis merompak buruh di sebuah estet dan membakar rumah kongsi estet di kawasan Seremban, Negeri Sembilan.⁵⁰⁷ Sementara itu, pada 2 Ogos 1951, 80 pengganas komunis menyerbu Estet R.M.P.A. Alagappa Chettiar Gapan di Jasin, Melaka. Pengganas membakar dua rumah asap, sebuah kilang dan sebuah banglo pengurus. Kerugian dianggarkan kira-kira \$150,000 dan 300 pekerja kehilangan tempat tinggal.⁵⁰⁸ Pada 18 Oktober 1951, kira-kira 40 pengganas komunis menyerang Estet Sungai Sidu,

Banting, Selangor. Mereka membunuh seorang mata-mata khas, mencederakan tiga yang lain, membakar kilang dan pejabat estet.⁵⁰⁹ Pada Disember 1951, 400 pokok getah dirosakkan oleh pengganas komunis di Estet Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.⁵¹⁰

Dalam kejadian lain yang berlaku pada Januari 1952, di kawasan Kampar, Perak, dua penoreh getah dibunuh oleh lapan pengganas bersenjata dan begitu juga, nasib seorang penoreh wanita di Mentakab, Pahang.⁵¹¹ Manakala di kawasan Rawang, Selangor, kira-kira 2,000 pokok getah ditakik dan risalah komunis disebarluaskan di kawasan itu. Di kawasan Kuala Pilah, Negeri Sembilan, sebuah rumah asap dibakar oleh tujuh pengganas komunis.⁵¹² Di Kuala Selangor, 1,923 pokok ditakik dan 4.05 hektar (10 ekar) estet getah dirosakkan oleh pengganas komunis di Klang, Selangor. Di Kajang, Selangor, 100 pokok getah ditakik dan risalah propaganda komunis dipaku pada pokok getah.⁵¹³ Di Johor pula, terdapat lima kejadian merosakkan pokok getah dan cawan susu getah pada Januari 1952.⁵¹⁴ Sementara itu, di kawasan Jelebu, Negeri Sembilan, seorang penoreh Cina dibunuh oleh pengganas komunis pada awal Januari 1952.⁵¹⁵ Pada bulan Januari 1952, 1,000 pokok getah ditakik oleh pengganas komunis di kawasan Seremban, Negeri Sembilan. Begitu juga, di kawasan Kluang, Johor, pokok getah ditakik dalam dua kejadian yang meliputi 2,600 dan 4,500 pokok masing-masing.⁵¹⁶ Dalam kejadian lain yang berlaku pada Februari 1952, pengganas komunis merosakkan 1,600 pokok getah di mukim Tebak, Kemaman, Terengganu.⁵¹⁷ Pada Februari 1952 juga, mayat seorang penoreh Kantonis ditemui di kawasan Kulim, Kedah, dengan cedera teruk di belakang mayat akibat tembakan.⁵¹⁸ Di Estet Bukit Nanas, Negeri Sembilan, 1,000 pokok getah ditakik oleh pengganas komunis. Begitu juga, 1,000 pokok getah dirosakkan oleh pengganas komunis di kawasan Lendu, Melaka. Manakala di kawasan Kluang, Segamat, Muar dan Johor Bahru, Johor, lebih 7,000 pokok getah ditakik dan lebih kurang 7,655.62 liter (1,684 gelen) susu getah dimusnahkan.⁵¹⁹ Pada Mac 1952, tiga kes pokok getah

ditakik berlaku di kawasan Batu Gajah, Perak yang melibatkan sejumlah 950 pokok getah di sebuah estet.⁵²⁰ Pada April 1952, penganas komunis menakik sejumlah 682 pokok getah di sebuah estet di kawasan Batu Gajah, Sitiawan, Ipoh, Perak.⁵²¹ Manakala di kawasan Triang, Pahang, penganas komunis membakar sebuah rumah kongsi di sebuah estet dan meninggalkan dokumen propaganda, dan di kawasan Kuantan, Pahang pula, mereka menakik 30 pokok getah di sebuah estet. Di kawasan Alor Gajah, Melaka, penganas komunis menakik 1,000 pokok getah di sebuah estet. Pada masa yang sama, sejumlah 5,266 pokok getah ditakik oleh penganas komunis di estet-estet di kawasan Johor Bahru, Muar, Kluang dan Segamat, Johor.⁵²² Pada Mei 1952 di kawasan Teluk Intan, Perak, penganas komunis menakik 190 pokok getah di sebuah estet kepunyaan India yang tidak dikawal dengan rapi. Dalam kejadian lain, di kawasan Taiping, Perak, sejumlah penganas komunis menyerbu sebuah estet dan merampas 100 keping kad pengenalan, gula, beras dan kopi daripada pekerja. Mereka juga cuba membakar kilang dan rumah asap estet tetapi tidak berjaya.⁵²³ Selain itu, pada Jun 1952, sejumlah 9,700 pokok getah ditakik oleh penganas komunis di Gelang Patah, Yong Peng, Kluang dan Kulai, Johor. Pada Jun 1952 juga, penganas komunis membunuh seorang kontraktor Cina di sebuah estet di Jasin, Melaka dan 200 pokok getah ditakik di sebuah estet lain di Melaka.⁵²⁴ Pada 7 Jun 1952, di Segamat, Johor, penganas komunis mengunjungi sebuah estet, mengikat dan menikam mati seorang lelaki Cina serta milarikan dua wanita dan dua lelaki Cina. Mayat dua wanita dan seorang lelaki dijumpai kemudian oleh pasukan polis.⁵²⁵ Sementara itu, di kawasan Johor Bahru, Johor, sebanyak 20,000 pokok getah ditakik dan 3,000 mangkuk getah dibinasakan oleh penganas komunis pada 14 Julai 1952. Manakala di kawasan Kuantan, Pahang, pokok getah di sebuah kebun seluas lebih kurang 12.14 hektar (30 ekar) ditakik dan di kawasan Slim River, Perak, 120 batang pokok getah ditebang oleh penganas komunis.⁵²⁶ Pada Ogos 1952, di Estet Kuala Bidor,

Teluk Intan, Perak, pengganas komunis menakik 3,500 pokok getah dan 1,200 pokok lain turut ditakik di estet lain di daerah itu. Pengganas komunis menakik 400 pokok getah di sebuah estet Eropah di daerah Kota Tinggi, Johor, pada Ogos 1952. 1,500 pokok lain turut ditakik di daerah Johor Bahru, Johor.⁵²⁷ Pada November 1952, pengganas komunis menakik 900 pokok getah di Estet Sembrong, Layang-Layang, Johor.⁵²⁸ Pada 31 November 1952, pengganas komunis menakik 6,000 pokok getah di Estet Tan Chee Pang di kawasan Plentong, Johor.⁵²⁹

Dalam perkembangan lain, pada 17 Februari 1953, pengganas komunis memusnahkan kilang di Estet Neeld di kawasan Tangkak, Johor.⁵³⁰ Pada 27 Jun 1953, di Kulai, Johor, dua pengganas komunis menghentikan sebuah lori di Estet Ban Lee dan membakarnya.⁵³¹ Pada awal Ogos 1953, di daerah Labis, Johor, seorang penoreh getah Cina dibunuuh oleh pengganas komunis. Mangsa juga adalah *Home Guard* di Kampung Baru Bekok, Labis, Johor.⁵³² Pada lewat Disember 1953, di daerah Plentong, Johor, segerombolan pengganas komunis menahan dan membakar sebuah lori estet.⁵³³ Dalam pada itu, pada 7 Januari 1954, enam pengganas komunis membakar dua lori kepunyaan Estet Karinagar, Gelang Patah, Johor.⁵³⁴ Pada 11 Jun 1954, pengganas komunis membakar lebih kurang 18.21 hektar (45 ekar) pokok getah di Estet Craigielea, Muar, Johor.⁵³⁵ Di Estet Jong Landor, Perak, dua penoreh getah wanita dibunuuh pada 3 Ogos 1954.⁵³⁶ Manakala pada 10 Januari 1955, lima pengganas komunis membakar 250 pokok getah di Estet Craigielea, Muar, Johor.⁵³⁷ Pada 29 Januari 1955, pengganas komunis menakik pokok getah dan merosakkan cawan susu getah di kebun-kebun di kawasan Selumpur, Segamat, Johor.⁵³⁸ Sementara itu, di Estet Talisman, Kluang, Johor, 30 pengganas komunis menyerang rumah tumpangan pekerja dan merampas makanan serta ubat pada malam 22 Mei 1955. Mereka juga merosakkan enjin janakuasa dan membakar lori estet.⁵³⁹ Pada pagi 31 Jun 1955, di sebuah kebun getah di Kajang, Selangor, dijumpai

mayat seorang penoreh getah yang ditembak mati oleh pengganas komunis. Leher mangsa dikerat dan kedua-dua tangan diikat.⁵⁴⁰ Pada 18 Oktober 1955, sepasang suami isteri yang sedang menoreh getah di kawasan Mengkuang, Temerloh, Pahang, dikunjungi oleh 10 orang pengganas komunis. Isterinya ditarik ke tepi dan suaminya dipukul dengan senapang lalu dipotong lehernya.⁵⁴¹ Pada 23 Disember 1955, segerombolan pengganas komunis menyerbu tempat tumpangan pekerja di Estet Sagil, Tangkak, Johor dan merampas lebih kurang 181.44 kilogram (300 kati) beras, susu dalam tin dan tembakau.⁵⁴² Dalam kejadian lain, pada 30 Mac 1956, pengganas komunis menetak mati dua penoreh getah Cina di Kluang, Johor.⁵⁴³ Seorang penoreh getah dibunuh oleh pengganas komunis pada subuh 12 Oktober 1956 di Segamat, Johor, ketika mangsa dalam perjalanan ke ladang getah.⁵⁴⁴ 700 pokok getah di sebuah estet kepunyaan ahli Majlis Perundungan di Kajang, Selangor, ditakik oleh pengganas komunis pada 8 Disember 1959.⁵⁴⁵ Daripada kejahanatan dan keganasan yang dilakukan oleh pengganas komunis di atas, jelas bahawa pengganas yang mendakwa akan membantu golongan miskin tetapi apa yang mereka lakukan itu adalah amat bertentangan. Tindakan mereka itu telah mendatangkan banyak kesulitan dan penderitaan kepada komuniti di estet. Antaranya, timbul masalah pengangguran, tidak adanya rasa keselamatan di kalangan pekerja dan mengurangkan tingkat pengeluaran pekerja.

Aktiviti pengganas komunis menjelaskan pengeluaran hasil pekebun kecil. Laporan yang diterima oleh Pengarah Institut Penyelidikan Getah di Selangor dan Johor menunjukkan bahawa terdapat pengurangan dalam hasil pengeluaran pekebun getah. Keadaan ini berlaku kerana pekerja, pemilik dan mandur meninggalkan kebun akibat ancaman atau kegiatan komunis.⁵⁴⁶ Begitu juga, keadaan di Kemaman, Terengganu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Jadual 2 menunjukkan di mukim Banggol, Kemaman, Terengganu, misalnya, kawasan yang ditanam getah adalah seluas

49.92 hektar (123.36 ekar) daripada jumlah kawasan penanaman yang ada, iaitu 83.12 hektar (205.40 ekar) tetapi hanya kira-kira 12.55 hektar (31.00 ekar) yang ditoreh. Ini kerana dalam keadaan darurat, kebanyakan kebun telah diabaikan. Begitu juga, keadaan darurat menyebabkan hanya kira-kira 40.47 hektar (100.00 ekar) yang ditanam dengan getah daripada lebih kurang 71.33 hektar (176.25 ekar) getah di mukim Tebak, Kemaman, Terengganu ditoreh. Di Hulu Jabor, Kemaman, Terengganu, kira-kira 283.28 hektar (700.00 ekar) daripada lebih kurang 404.69 hektar (1,000.00 ekar) ditoreh akibat ramai pekerja mengabaikan kerja menoreh dalam zaman darurat. Begitu juga, keadaan di Kemasik, Kerteh dan Chukai, Terengganu yang turut dipengaruhi oleh keadaan darurat. Di Chukai, kira-kira 10.12 hektar (25.00 ekar) daripada 14.16 hektar (35.00 ekar) getah ditoreh, di Kemasik kira-kira 263.05 hektar (650.00 ekar) daripada lebih kurang 368.53 hektar (910.65 ekar) ditoreh dan di Kerteh pula lebih kurang 93.08 hektar (230.00 ekar) daripada kira-kira 121.41 hektar (300.00 ekar) kawasan getah ditoreh.

Komunis memaksa dan mengugut kaum peladang dan pekerja. Mereka menyamun wang titik peluh pekerja dan cuba merosakkan perusahaan yang memberi pekerjaan dan mata pencarian kepada para pekerja. Pengganas komunis berjanji akan melindungi kehidupan dan meningkatkan taraf hidup golongan pekerja. Sebenarnya, mereka mencuba untuk memusnahkan industri yang menyediakan pekerjaan dan kehidupan para pekerja. Penakikan pokok getah berlaku dengan meluas sehingga ia mendapat publisiti daripada pihak kerajaan melalui Jabatan Perhubungan Raya dengan mengedarkan risalah dengan cogan kata seperti “Menakik Pokok Getah Bermakna Memusnahkan Mangkuk Nasi Pekerja” (Rujuk Lampiran 9). Risalah berkaitan dicetak dan diedarkan kepada penduduk Tanah Melayu bagi memberitahu mereka tentang kejahatan pengganas komunis.

Jadual 2
Kawasan Pengeluaran Kebun Getah (25-100 ekar) di Daerah Kemaman,**
Terengganu Pada Tahun 1949

Mukim	Bilangan Kebun	Keluasan Kawasan Getah	Keluasan Kawasan Yang Ditanam Getah	Keluasan Kawasan Getah yang Ditoreh	Sebab-Sebab Pokok Getah Tidak Ditoreh
Chukai	1	44.28	35.00	25.00	Kekurangan modal untuk membersihkan tumbuhan sekitar.
Binjai Banggol	4 6	174.93 205.40	32.32 123.36	Semua Ditoreh 31.00	- Disebabkan darurat dan kebanyakan kebun diabaikan.
Pasir Semut Bandi Tebak	1 - 5	88.06 - 195.41	63.18 - 176.25	Semua Ditoreh - 100.00	- -
Hulu Jabor	22	1,126.53	1,000.00	700.00	Kecuali Estet Kinta Jabor. Kekurangan pekerja kerana sebahagian daripada mereka enggan bekerja disebabkan darurat.
Kijai Kemasik	- 35	- 1,431.11	- 910.65	- 650.00	Disebabkan darurat. 98% daripada tanah ini dippunyai orang Cina dan dahulunya menggunakan pekerja Cina.
Kerteh	7	309.70	300.00	230.00	Kekurangan pekerja pada zaman darurat.
Teluk Kalong	-	-	-	-	-
	89	3,575.42*	2,640.76*	1,831.50*	

**Satu ekar bersamaan dengan 0.40469 hektar.

*Dalam sumber asal, angka itu dicatatkan sebagai 4,782.779 (Keluasan Kawasan Getah); 2,869 815 (Keluasan Kawasan Yang Ditanam Getah) dan 1,856.000 (Keluasan Ekar Kawasan Getah Yang Ditoreh).

Sumber: District of Kemaman, List of Medium Rubber Estate (25-Less Than 100 Acres), dalam Fail Pejabat Daerah Kemaman A.O.E., Terengganu, A.O.E. 22/48, Miscellaneous (Emergency).

Sebagaimana estet getah, pemilik lombong timah dan pekerja sering mendapat ugutan daripada pengganas komunis untuk mendapatkan wang perlindungan, bahan makanan dan keperluan hidup yang lain agar membolehkan komunis melanjutkan kejahatan mereka. Keadaan ini menyebabkan pekerja sentiasa berada dalam keadaan kebimbangan dan ketakutan kerana nyawa diri mereka serta keluarga terancam sekiranya mereka enggan menuruti kehendak pengganas komunis. Ini turut menjelaskan semangat mereka untuk bekerja di lombong timah. Ancaman komunis, contohnya, membawa kepada penubuhan *Home Guard Kinta Valley* di Kinta, Perak, pada Jun 1952 yang mendapat sokongan kuat dari *Perak Chinese Mining Association* dan MCA cawangan Perak.⁵⁴⁷

Serangan pertama pengganas komunis ke atas lombong timah selepas darurat diisytiharkan berlaku pada 1 Julai 1948, apabila Lombong Phin Soon di Batu Gajah, Perak, diserbu.⁵⁴⁸ Pada 26 Julai 1948, sekumpulan pengganas komunis menyerbu Lombong Thye Hong di Dipang, Sungai Siput, Perak dan melarikan pengurus serta anak lelaki tauke lombong berkenaan.⁵⁴⁹ Pada 4 Ogos 1948, lapan pengganas komunis menyerang Lombong Timah Cina Bandi, di Kemaman, Terengganu. Mereka membunuh dua orang pekerja dan mencederakan seorang kepala buruh, membakar sebuah stor dan sebuah pejabat.⁵⁵⁰ Pada 21 September 1948, Lombong Kong Man Fook di Siputeh, Perak, diserang oleh 23 pengganas komunis. Mereka membakar rumah enjin dan sebuah tangki minyak.⁵⁵¹ Begitu juga, tiga orang pengganas komunis menyerang lombong timah, letaknya kira-kira 8.05 kilometer (lima batu) di selatan Ipoh, Perak, pada 23 September 1948. Mereka memusnahkan enjin dan membakar sebuah rumah enjin.⁵⁵² Dalam kejadian lain, pada 26 hingga 27 Oktober 1948, iaitu dalam masa 48 jam, empat letupan dilakukan oleh pengganas komunis ke atas dua buah lombong di Perak. Kejadian itu membinaaskan sebuah rumah kongsi dan satu palung bijih. Dua letupan tersebut berlaku

di Lombong Tai Lee, Sungai Siput, Perak dan yang lain di Lombong Kinta, selatan Ipoh, Perak.⁵⁵³ Pada 30 Oktober 1948, kira-kira 50 pengganas komunis menyerang Lombong Timah Puteh, empat batu ke arah selatan Semenyih, Selangor. Sembilan pekerja dibenarkan memindahkan barang-barang kepunyaan mereka sebelum pengganas membakar tempat tinggal pekerja. Bangunan lain yang dimusnahkan termasuk sebuah bilik enjin dan bengkel.⁵⁵⁴ Dalam perkembangan lain, pada 7 November 1948, di Lombong Fook Hup Nam, Batu Gajah, Perak, tembakan dilepaskan oleh pengganas komunis ke atas rumah kongsi tetapi tiada kemalangan dilaporkan.⁵⁵⁵ Pada 22 November 1948, pengganas komunis menyerang Lombong Kong Yik di Batu Gajah, Perak. Dalam kejadian tembak-menembak itu, dua mata-mata khas dan seorang buruh Cina cedera.⁵⁵⁶ Pada 25 November 1948, lima orang pengganas komunis memusnahkan bangsal enjin dan loji di empat buah lombong, letaknya kira-kira 6.44 kilometer (empat batu) ke arah utara Kampar, Perak. Pada 26 November 1948, dua penjana kuasa elektrik dirosakkan berdekatan Tapah, Perak. Ini mengakibatkan semua pengorek timah di kawasan Bidor, Perak, tidak dapat beroperasi buat sementara waktu.⁵⁵⁷

Pada tahun 1949, serangan komunis ke atas komuniti di lombong timah terus berlaku. Antaranya, pada 25 Januari 1949, pengganas komunis membunuh dua pelombong Eropah dan seorang mata-mata khas serta memusnahkan pengorek di lombong timah di Serendah, Selangor.⁵⁵⁸ Pada 3 Februari 1949, pengurus Lombong Timah Tong Hin di kawasan Karangan, Kedah, dibunuh oleh empat pengganas komunis. Pengganas turut membakar sebuah rumah kongsi lombong.⁵⁵⁹ Sementara itu, pada 10 April 1949, Lombong Pak Kion No. 1, berhampiran Kelab Golf Kuala Lumpur di Jalan Ampang, diserang oleh pengganas komunis dan menyebabkan kerugian kira-kira \$70,000.⁵⁶⁰ Pada 11 Mei 1949, pengganas komunis menyerang lombong timah di Kota Tinggi, Johor dan menembak mati seorang Cina, Choy Hong, rakan kongsi lombong

berkenaan yang sedang membuat rondaan di lombong.⁵⁶¹ Pada 30 Mei 1949, pengganas komunis melepaskan tembakan dari tiga arah ke atas Lombong Bijih Keramat Pulai di kawasan Ipoh, Perak.⁵⁶² Dalam perkembangan lain, pada awal Jun 1949, rumah dan jentera kepunyaan sebuah lombong Cina di Perak, dimusnahkan oleh sekumpulan pengganas bersenjata.⁵⁶³ Di Perak, pada pertengahan Jun 1949, tiga pelombong Cina diculik oleh segerombolan pengganas komunis yang menyerbu lombong itu.⁵⁶⁴ Antara 17 hingga 23 Jun 1949, di Perak, serbuan dilakukan oleh pengganas komunis di Lembah Kinta. Begitu juga, bangsal jentera di sebuah lombong berhampiran Kampar turut dimusnahkan oleh pengganas.⁵⁶⁵ Pada 30 September 1949, Lombong Kwong Teh Lee dan Kwong Hong Lee, Sungai Siput, Perak, diserbu oleh sepasukan pengganas komunis. Rumah tumpangan pekerja dan bilik enjin dimusnahkan oleh pengganas.⁵⁶⁶ Pada November 1949, 80 hingga 90 pengganas komunis mengunjungi sebuah lombong timah di kawasan Titi, Negeri Sembilan. Mereka meminta makanan, wang dan sumbangan bulanan daripada pekerja.⁵⁶⁷

Serangan komunis ke atas komuniti di lombong berterusan pada tahun 1950. Di Kajang, Selangor, pada 28 Januari 1950, kira-kira 9 petang, lebih kurang 10 orang pengganas komunis mencerobohi kongsi Lombong Timah Pak Long. Pengganas menculik tiga orang Cina, mengikat kedua-dua belah tangan mereka di belakang dan ditembak mati. Kad pengenalan mangsa dirampas.⁵⁶⁸ Pada 20 Februari 1950, seorang kepala kongsi lombong Pangkalan Lahad, lebih kurang 8.05 kilometer (lima batu) di selatan Ipoh, Perak, ditembak mati oleh pengganas komunis.⁵⁶⁹ Dalam kejadian lain, pada 28 April 1950, kira-kira 11 malam, 10 pengganas komunis menyerbu rumah kongsi Lombong Timah Fong Chee, Tanjung Rambutan, Perak dan merampas 21 kad pengenalan pekerja. Mereka kemudian mengarahkan semua pekerja meninggalkan kawasan itu, lalu membakar empat jentera dan pondok. Kerugian dianggarkan sebanyak

\$35,000.⁵⁷⁰ Sementara itu, pada 20 Mei 1950, pengganas komunis membakar enjin di *Tong Seng Hydraulic Mine*, Perak. Kerugian dianggarkan \$30,000.⁵⁷¹ Pada 22 Mei 1950, sebuah lombong Cina di Bentong, Pahang, diserang oleh pengganas komunis dan seorang tauke kedai ditikam mati.⁵⁷² Dianggarkan kerosakan \$100,000 akibat kebakaran yang memusnahkan lima jentera dan sebuah bangsal jentera di sebuah lombong di Kampar, Perak, oleh pengganas komunis pada 21 Jun 1950.⁵⁷³ Pada 28 Jun 1950, tiga orang pekerja Lombong Timah Pak Ling, Kajang, Selangor, dibunuuh oleh pengganas komunis.⁵⁷⁴

Dalam perkembangan lain, pada 1 Januari 1951, pengganas menyerang sebuah lombong di daerah Kemaman, Terengganu dan melakukan rampasan ke atas barang-barang makanan.⁵⁷⁵ Dalam kejadian lain, seorang kepala pekerja lombong ditembak mati oleh pengganas komunis di kawasan Ampang, Selangor, pada 26 April 1951.⁵⁷⁶ Pada 30 Julai 1951, di daerah Chemor, Perak, 30 pengganas komunis menyerbu sebuah lombong bijih timah, memusnahkan jentera dan bangsal enjin. Kerugian dianggarkan \$10,000.⁵⁷⁷ Dalam pada itu, pada Januari 1952, di kawasan Kampar, Perak, pengganas komunis membakar tiga rumah kongsi lombong. Seorang kepala dan seorang pembantu dibunuuh serta empat senapang dirampas. Penghuni rumah kongsi pula dirompak kad pengenalan.⁵⁷⁸ Pada 9 Februari 1952, pengganas komunis membakar sebuah bangsal enjin di sebuah lombong di kawasan Kampar, Perak.⁵⁷⁹ Begitu juga, pada Februari 1952, pengganas komunis membakar kongsi Lombong Bong Fatt di Perak dan bengkel enjin yang mengakibatkan kerugian sebanyak \$30,000.⁵⁸⁰ Manakala, pada 1 Mac 1952, 10 pengganas komunis membakar sebuah rumah kongsi dan bangsal enjin selepas merompak pekerja lombong di kawasan Kampar, Perak.⁵⁸¹ Pada Jun 1952, pengganas komunis membakar dan memusnahkan sebuah bengkel enjin di lombong timah di Tapah, Perak. Pengganas juga menyerang lombong timah di Kampar, Perak dan memusnahkan sebuah

enjin.⁵⁸² Pada April 1953, di Ipoh, Perak, lima pekerja Cina yang balik dari Ipoh dengan jip dari sebuah kongsi lombong diserang hendap oleh pengganas komunis dan kelima-lima orang terbunu.⁵⁸³ Pada 17 September 1956, 15 pengganas komunis membakar tiga enjin lombong dan sebuah bangsal di kawasan Tronoh, Perak.⁵⁸⁴ Kegiatan komunis itu mendatangkan kerugian dari segi harta dan nyawa manusia serta mengganggu sumber pendapatan penduduk.

Pengganas komunis melakukan serangan ke atas estet dan lombong dengan tujuan untuk mengganggu pembangunan ekonomi negara dan menjahanamkan kehidupan penduduk. Mereka sedar bahawa pengaruh komunis hanya dapat ditegakkan sekiranya negara berada dalam keadaan kucar-kacir dan penduduk sengsara kerana pengangguran.⁵⁸⁵ Berdasarkan kekejaman komunis terhadap penduduk berbilang bangsa di Tanah Melayu, tidak dapat dinafikan bahawa penduduk menderita akibat kegiatan komunis seperti merompak, membunuh, memeras ugut, memusnahkan tempat tinggal dan menjelaskan pencarian rezeki. Pendek kata, kegiatan komunis itu adalah untuk mengganggu perjalanan hidup penduduk; sebaliknya di pihak komunis pula mereka dapat hidup dalam keadaan yang lebih baik dan selamat. Ini dapat dilihat sebagaimana yang tercatat dalam *Emergency Leaflet No. 345*:

Communism seeks to destroy society. Communism in Malaya is a new name for old crimes. Murder, arson, robbery, extortion, all these are carried on disguised under the name of Communism. A few evil men by telling attractive lies, by deceit, by terrorism have persuaded other simple ignorant men to do their evil work for them, so that they themselves may live in safety on the proceeds.⁵⁸⁶

¹ SP. 13/A/6, The Malayan Constitutional Proposals, hlm. 1; *Malayan Monitor*, Vol. 5, No. 8, August 1952, hlm. 2, dalam C.O. 1022/119/SEA57/4/02, *Malayan Monitor; Nanyang Siang Pau*, 13 September 1948, hlm. 1. Hal ini dapat dilihat contohnya, Leong Sang yang menyertai pengganas komunis dalam hutan sejak tahun 1951 kerana bimbang keselamatan keluarganya. Beliau berasal dari Kampung Rambai Tujah, berdekatan Kuala Kangsar, Perak dan didakwa di mahkamah pada 14 Mei 1958. Beliau mula berhubung dengan pengganas komunis apabila empat orang pengganas mengugut akan membunuh keluarganya sekiranya tidak membelikan rokok dan gula. Beliau dipaksa menyertai kumpulan pengganas itu selepas salah seorang pengganas dalam kumpulan itu menyerah diri. *The Straits Times*, 12 November 1958, hlm. 4.

² *British Malaya*, Vol. 24, No. 1, May 1949, hlm. 217. Wang perlindungan penting bagi meneruskan kegiatan pengganas komunis di Tanah Melayu. Antara bulan Oktober dan November 1948, kira-kira \$250,000 sebulan dibayar oleh penduduk Tanah Melayu sebagai wang perlindungan kepada pengganas komunis. Ucapan yang dilafazkan di Majlis Mesyuarat Undangan pada 17 Februari 1949, dalam MISC. 16, Keganasan Komunis di Tanah Melayu, Cabutan Daripada Ucapan-Ucapan Pesuruhjaya Gurney, Pesuruhjaya Tinggi, Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu (tulisan Jawi); Emergency Leaflet No. 180, dalam Fail Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Putih, D.O.P.P. 2/1949, Emergency Leaflets; Emergency Leaflet No. 180, dalam Fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, K. 761/1948, Emergency Leaflets; Emergency Leaflet No. 176, dalam Fail Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Putih, D.O.P.P. 2/1949, Emergency Leaflets.

³ Pengawas Penempatan Sernaula, Kuala Pilah, kepada SWEC, bertarikh 16 Januari 1953, dalam Fail Pejabat Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, D.O.K.P. 22/53, Fencing of Tanjong Ipoh

⁴ *Kin Kwok Daily News*, 11 June 1957, hlm. 3. Keadaan serba salah mereka itu turut dinyatakan dalam *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 5 October 1948, hlm. 4.

⁵ *The Straits Times*, 27 January 1953, hlm. 1. "Fear has been the Communists most powerful weapon. The inability to secure public co-operation has been the Government's gravest weakness." *The Straits Times*, 28 January 1953, hlm. 6.

⁶ Dalam tempoh yang sama, negara kehilangan 67 orang polis tetap (53 Melayu, lima orang India, lima orang Eropah, tiga orang Cina dan seorang Indonesia) dan 91 polis tetap mengalami kecederaan. Begitu juga, seramai 60 mata-mata khas dan lapan polis tambahan terbunuh. Pada masa yang sama, di pihak pengganas pula sejumlah 436 orang dibunuh. *The Straits Times*, 24 February 1949, hlm. 1. Lihat juga *Indian Daily Mail*, 26 March 1949, hlm. 6; 28 March 1949, hlm. 4.

⁷ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period July To December 1949, hlm. 19, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period July To December 1949, hlm. 19, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency.

⁸ *The Straits Times*, 21 December 1950, hlm. 7. Lihat juga SP. 13/A/6, The Malayan Constitutional Proposals, hlm. 1.

⁹ *The Straits Times*, 24 July 1952, hlm. 7. Menurut *Facts About Malaya*, sejak pengisytiharan darurat sehingga tahun 1952, pengganas komunis telah membunuh 1,862 orang awam. Antaranya, sejumlah 1,264 adalah orang Cina. *Facts About Malaya*, Jabatan Penerangan Kuala Lumpur, 1952, dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 273/52, Pamflet: Facts About Malaya.

¹⁰ M 168/79, Miscellaneous Papers on Broadcasting In Malaya and Singapore, Adult Education Association, European Civil Servants Association, Arts Council of Malaya, Emergency Leaflets, Malayan Historical Association, etc. 1950-1959, hlm. 6.

¹¹ *Handbook To Malaya (Federation of Malaya and The Colony of Singapore) and The Emergency*, hlm. 19-20.

¹² *The China Press*, 30 July 1960, hlm. 3. Lihat juga Edgar O'Balance, *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-60*, hlm. 177-178; Nicholas Tarling, *Southeast Asia: A Modern History*, hlm. 131.

¹³ Penggunaan bahan peletup adalah salah satu taktik yang digunakan dalam aktiviti komunis. Antara tempoh 1 Januari 1952 hingga 31 Januari 1954, berlaku 18 kejadian pengganas komunis yang melibatkan bahan peletup. Antaranya, lapan kejadian berlaku di Johor dan tiga di Negeri Sembilan. Daripada 18 kejadian yang melibatkan penggunaan bahan peletup itu, sembilan berlaku pada tahun 1952, tujuh pada tahun 1953 dan satu pada Januari 1954. Paper By The Combined Intelligence Staff (Prepared on The Instructions of The Director of Intelligence) M.C.P. Use of Explosives, 19th June 1954, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kelantan Sect. Conf. No. 3/54, M.C.P. Use of Explosives.

¹⁴ *The China Press*, 1 January 1950, hlm. 29, *Kim Kwok Daily News*, 2 October 1948, hlm. 4, *Sing Pin Jih Pao*, 2 October 1948, hlm. 3, *Indian Daily Mail*, 12 April 1949, hlm. 4, *The Malay Mail*, 2 October 1948, hlm. 5; 11 April 1949, hlm. 2, *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 2 October 1948, hlm. 1.

¹⁵ Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For October 1948, dalam C.O. 717/175/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime, hlm. 16.

¹⁶ *Indian Daily Mail*, 15 December 1948, hlm. 4.

¹⁷ Lau Pak Khuan dilahirkan pada September 1895 di Kampung Yang Mei Du Long Wan, daerah Tseng Cheng, wilayah Guangdong, China. Lau Pak Khuan mendapat pendidikan di China. Beliau tiba di Tanah Melayu ketika berusia 12 tahun dan bekerja dengan bapa saudaranya, Lau Kee Ban @ Liew Kee Ban, seorang tuan tanah dan penanam di Tanjung Malim, Perak. Sembilan tahun kemudian, beliau berpindah ke Ipoh untuk mengusahakan lombong timah dan seterusnya mendirikan Kongsi Toong Foh Loong di Menglembu, Perak. Lombong lain yang dibuka oleh beliau di sekitar Perak termasuklah Lombong Toong Yat di Lahat, Lombong Toong Hin Loong di Chemor, Syarikat Perlombongan Si Ming dan Lombong Ting Yue di Papan. Selain itu, beliau juga terlibat dalam pengurusan perniagaan dan bank. Beliau dilantik oleh British sebagai anggota Lembaga Penasihat Orang Cina Perak pada tahun 1940. Apabila Jepun menakluki Tanah Melayu, beliau pergi ke Burma dan kemudian ke India dan seterusnya China. Semasa zaman darurat di Tanah Melayu, beliau mengambil bahagian dalam membantu kerajaan mengatur pasukan *Home Guard* Lembah Kinta bagi melindungi pelombong Cina daripada ancaman dan serangan komunis. Beliau juga adalah pengasas MCA dan mengambil bahagian dalam menujuhan MCA cawangan Perak. Beliau meninggal dunia pada April 1971 ketika berusia 76 tahun. Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical Dictionary of The Chinese In Malaysia*, hlm. 82. Lihat juga Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 220.

¹⁸ Extract From *Straits Budget*, 10 April 1949, dalam C.O. 717/205/52934, Mr. Tan Cheng Lock, hlm. 27. Lihat juga Colonial Office Malaya, 29th April-5th May 1949, dalam C.O. 717/178/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared In Eastern Department (Colonial Office), hlm. 257; Colonial Office Malaya, 8th-14th April 1949, dalam C.O. 717/178/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared In Eastern Department (Colonial Office), hlm. 276. Kejadian tersebut ada juga dinyatakan dalam H. Morris kepada Mr. Paskin, bertarikh 30.4.49, dalam C.O. 717/205/52934, Mr. Tan Cheng Lock, hlm. 3. Lihat juga J.J. Paskin kepada H. Gurney bertarikh 17 Mei 1949, dalam C.O. 717/205/52934, Mr. Tan Cheng Lock, hlm. 28-29; *Times*, 11.4.49, dalam C.O. 717/205/52934, Mr. Tan Cheng Lock, hlm. 82; Inward Telegram, 17 April 1949, dalam C.O. 717/173/52849/11/1, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation, hlm. 186-187. Rujuk juga Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30th, 1949, hlm. 12, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30th, 1949, hlm. 12, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30th, 1949, hlm. 12, dalam Fail Pejabat Daerah Segamat, A.O.S. 99/1949, Chronology of Important Events During The Emergency During The Period June 1948 To June 1949; Emergency Leaflets No. 183, dalam Fail Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Putih, D.O.P.P. 2/1949, Emergency Leaflets; *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 1, 14 June 1953, hlm. 3; *Modern Daily News*, 31 October 1949, hlm. 4; *Nanyang Siang Pau*, 12 April 1949, hlm. 7; 13 April 1949, hlm. 7, 31 July 1960, hlm. 11; *The Chinese Press*, 11 April 1949, hlm. 5; 12 April 1949, hlm. 6; *Indian Daily Mail*, 23 April 1949, hlm. 6; *The Straits Times*, 11 April 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 11 April 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 11 April 1949, hlm. 1; 12 April 1949, hlm. 1, *The Malaya Tribune (Singapore)*, 11 April 1949, hlm. 1; 12 April 1949, hlm. 1; *Kim Kwok Daily News*, 11 April 1949, hlm. 4; 12 April 1949, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 11 April 1949, hlm. 4; 12 April 1949, hlm. 4; 13 April 1949, hlm. 1; 12 July 1950, hlm. 1; *The Malay Mail*, 11 April 1949, hlm. 1 dan 2, 30 July 1960, hlm. 3; *Majlis*, 12 April 1949, hlm. 7; Federation of Malaya Political Report No. 6 For April, 1949, hlm. 3, dalam C.O. 825/74/3/55404/3, Monthly Political Reports From Federation of Malaya; Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Penjahat-Penjahat Hapus Semuanya, Kehidupan Kita Tidak Terganggu: Kempen Membanteras Komunis Di Kalangan Orang Melayu", hlm. 5; Leonard Rayner, *Emergency Years (Malaya 1951-1954)*, hlm. 92-93; Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 11; Dato' J.J. Raj, Jr, *The War Years & After*, hlm. 96; J. Kennedy, *A History of Malaya*, hlm. 288; Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia*, hlm. 129; T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, hlm. 171; Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 121; Tan Liok Ee, "Descent and Identity: The Different Paths of Tan Cheng Lock, Tan Kah Kee and Lim Lian Geok"; hlm. 17; Alice Scott-Ross, *Tun Dato Sir Cheng Lock Tan*,

hlm. 108; J. Victor Morais (ed.), *Blueprint For Unity: Selected Speeches of Tun Tan Siew Sin*, hlm. 227 dan 325; S.H. Alattas, *Bahera Lama Nakhoda Baru*, hlm. 148.

¹⁹ Dalam kejadian itu, Tan Cheng Lock mengalami kecederaan di bahu kanannya. Inventori Surat Persendirian Tan Cheng Lock (SP 13), hlm. viii. Selain itu, pemimpin MCA yang lain turut diancam oleh pihak komunis. Pada Disember 1949, di kawasan Kota Tinggi, Johor, lima pengganas komunis menghentikan kereta yang dimiliki oleh Presiden MCA cawangan Johor tetapi kebetulan pada masa itu beliau tiada dalam kereta. Akibatnya, seorang penumpang dibunuh dan dua lagi dicederakan oleh pengganas. Inward Telegram, 17 December 1949, dalam C.O. 717/173/52849/11/1, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation, hlm. 35. Lihat juga Colonial Office Malaya, 9th-15th December, dalam C.O. 717/178/52849/62, Law and order, Weekly Situation Reports Prepared In Eastern Department (Colonial Office), hlm. 20.

²⁰ Letter To Dato Sir Cheng-lock Tan From An Anonymous Malayan Communist (Translation made on 23rd May, 1950), dalam SP. 13/H/63, A Collection of Speeches and Writings By Dato Sir Cheng-lock Tan, hlm. 6. Lihat juga Letter To Dato Sir Cheng-lock Tan From An Anonymous Malayan Communist (Translation made on 23rd May, 1950), dalam Dato Sir Cheng-lock Tan, *A Collection of Correspondence*, Singapore: The Singapore Tiger Standard Press, 1950, hlm. 6.

²¹ Inward Telegram, 17 April 1949, dalam C.O. 717/169/52849/8/1, Law and Order, Military Situation, FARELF Sitreps, hlm. 160. Rujuk juga Inward Telegram, 23 April 1949, dalam C.O. 717/173/52849/11/1, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation, hlm. 181.

²² Ahli jawatankuasa MCA pernah mengatakan bahawa "The incident makes us more determined to proceed with the aims of the Association. It is only a challenge to us to go ahead with our policy, and that we will." Emergency Laeflets No. 83, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PR/1049/48(2), Emergency Regulations-Publicity Material; Emergency Leaflets No. 183, dalam Fail Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh, D.O.P.P. 2/1949, Emergency Leaflets. Lihat juga *Nanyang Siang Pau*, 13 April 1949, hlm. 7.

²³ Majlis, 20 April 1949, hlm. 2.

²⁴ *The Straits Times*, 7 July 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 7 July 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 6 July 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 7 July 1949, hlm. 2; *Straits Echo & Times of Malaya*, 22 November 1950, hlm. 5; *Modern Daily News*, 7 July 1949, hlm. 4; *The China Press*, 7 July 1949, hlm. 6; *Kin Kwok Daily News*, 7 July 1949, hlm. 4, 8 July 1949, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 7 July 1949, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 7 July 1949, hlm. 4, 9 July 1949, hlm. 4; *Indian Daily Mail*, 7 July 1949, hlm. 1; *The Malay Mail*, 7 July 1949, hlm. 5; 21 November 1950, hlm. 1; *The Singapore Free Press*, 6 July 1949, hlm. 1; Majlis, 8 Julai 1949, hlm. 2; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period July To December 1949, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period July To December 1949, hlm. 1, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Lihat juga Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For July, 1949, dalam C.O. 717/175/52849/22/Part I, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime, hlm. 140; Colonial Office Malaya, 1st-7th July, dalam C.O. 717/178/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared In Eastern Department (Colonial Office), hlm. 164. Rujuk juga *Background Information and Material For Speakers The Emergency and Anti-Bandit Month*, hlm. 8; Address By Mr. S.W.P. Foster Sutton, The Officer Administering The Government at The Legislative Council, Kuala Lumpur, on 21st November 1950, Leaflet No. 464, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/18/50(2), Emergency Regulations-Publicity Material, 1950; Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 10; Wam Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, hlm. 127; Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya*, hlm. 206.

²⁵ Inward Telegram, 20 August 1949, dalam C.O. 717/173/52849/11/1, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation, hlm. 103; Colonial Office Malaya, 12th-18th August 1949, dalam C.O. 717/178/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared In Eastern Department (Colonial Office), hlm. 120; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period July To December, 1949, hlm. 5, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period July To December, 1949, hlm. 5, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. Summary of Security Activities During Emergency. Lihat juga Cipher Telegram, 22 August 1949, dalam C.O. 717/169/52849/8/1, Law and Order, Military Situation, FARELF Sitreps, hlm. 83; *Modern Daily News*, 19 August 1949, hlm. 4; *Kin Kwok Daily News*, 20 August 1949,

hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 18 August 1949, hlm. 3; 19 August 1949, hlm. 3; *Indian Daily Mail*, 19 August 1949, hlm. 4; *The Malay Mail*, 18 August 1949, hlm. 5; 20 August 1949, hlm. 5.

²⁶ Inward Telegram, 10 September 1949, dalam C.O. 717/173/52849/11/1, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation, hlm. 89, Colonial Office Malaya, 2nd-8th September 1949, dalam C.O. 717/178/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared In Eastern Department (Colonial Office), hlm. 102; *The China Press*, 5 September 1949, hlm. 5; 7 September 1949, hlm. 6; *Kin Kwok Daily News*, 5 September 1949, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 5 September 1949, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 6 September 1949, hlm. 3; *Indian Daily Mail*, 5 September 1949, hlm. 4; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 5 September 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 5 September 1949, hlm. 3.

²⁷ *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 24 September 1949, hlm. 4; *Indian Daily Mail*, 24 September 1949, hlm. 6.

²⁸ Colonial Office Malaya, 21st-27th October 1949, dalam C.O. 717/178/52849/162, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared in Eastern Department (Colonial Office), hlm. 58. Lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 27 October 1949, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 27 October 1949, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 27 October 1949, hlm. 4; *The Malay Mail*, 27 October 1949, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 27 October 1949, hlm. 1.

²⁹ *The China Press*, 18 November 1949, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 18 November 1949, hlm. 5; 19 November 1949, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 19 November 1949, hlm. 6.

³⁰ *Kin Kwok Daily News*, 8 December 1949, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 9 December 1949, hlm. 6.

³¹ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period July To December, 1949, hlm. 18, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period July To December, 1949, hlm. 18, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency; *Kwong Wah Jit Poh*, 28.12.49, Chinese Press Precis No. 266/49, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/CHIN/32/49, Penang Chinese Press Precis, 1949; *Panduan Raayat*, 19 June 1950, hlm. 4, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/18/50, Emergency Regulations-Publicity Material, 1950; *Modern Daily News*, 28 February 1949, hlm. 4; *Majlis*, 29 Disember 1949, hlm. 8; *Indian Daily Mail*, 28 December 1949, hlm. 1; *Kin Kwok Daily News*, 28 December 1949, hlm. 4; 29 December 1949, hlm. 4; 30 December 1949, hlm. 4; *Sing Pih Jih Pao*, 28 December 1949, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 28 December 1949, hlm. 6; 29 December 1949, hlm. 5; *The Malay Mail*, 28 December 1949, hlm. 5; 29 December 1949, hlm. 4; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 28 December 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 28 December 1949, hlm. 1; 29 December 1949, hlm. 1. Lihat juga Anthony Short, *The Communist Insurrection In Malaya 1948-1960*, hlm. 206; Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 12. Rujuk juga Federation of Malaya Political Report No. 1 For January, 1950, hlm. 8, dalam C.O. 825/82/1/55404/3, Political Intelligence Reports, Federation of Malaya.

³² Tun Leong Yew Koh dilahirkan di Salak Utara berdekatan dengan Sungai Siput, Perak pada 22 Ogos 1888. Bapanya, Leong Yew Teen adalah peneroka pekan Salak Utara dan membawa seramai 5,000 orang untuk melombong bijih di situ. Ketika berumur enam bulan, beliau dihantar pulang ke Negara China bersama dengan ibunya. Semasa di sana, beliau belajar di sebuah sekolah rendah di Canton. Beliau kembali ke Tanah Melayu ketika berusia 15 tahun. Beliau melanjutkan pelajaran di *Anglo Chinese School* di Ipoh, Perak dan Sekolah St. Xavier's, Pulau Pinang. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di *London School of Economics* dalam bidang sains politik dan ekonomi. Selepas itu, beliau meneruskan pengajian dalam bidang perundangan selama empat tahun di *University College* dan *Inner Temple*, London, sehingga memperolehi ijazah perundangan pada tahun 1914. Beliau membuka pejabat guaman bernama *Yew Loh Advocates & Solicitors*. Pada tahun 1932, beliau menamatkan pejabat guaman dan pergi ke Negara China bersama keluarganya. Antara tahun 1932 hingga 1942, beliau memegang beberapa jawatan dalam pentadbiran pusat Negara China. Beliau mengambil keputusan untuk kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1945. Sekembalinya ke Tanah Melayu, Leong Yew Koh membuka sebuah pejabat guaman bersama kawannya. Beliau juga menubuhkan syarikat perlombongan *Yow Lee Tin Mining Kongsi*; juga terlibat dalam *The Chinese Mines Industrial Corporation Ltd.* dan *Choong Sum Tin Mining Company*. Beliau turut melibatkan diri dalam kegiatan berpersatuan, khususnya dalam memelihara kebajikan ahli-ahli persatuan. Beliau aktif dalam *Perak Kwang Tung Wai Kwan* dan menubuhkan *Perak Nam Hoi Wai Kwan*. Beliau juga menjadi Ahli Kehormat serta Penasihat Undang-Undang *The Perak Chinese Mining Association* dan Perunding Undang-Undang untuk *Perak Chinese Chamber of Commerce*. Semasa pihak British hendak memperkenalkan *Malayan Union* di Tanah Melayu, Leong Yew Koh berganding bahu dengan pemimpin

Cina yang lain seperti Tan Cheng Lock dan Kolonel H.S. Lee untuk menyedarkan masyarakat Cina tentang kepentingan menuntut hak kewarganegaraan di Tanah Melayu dan memberi kesetiaan yang sepenuhnya kepada Tanah Melayu. Beliau bersama Kolonel H.S. Lee dilantik mewakili masyarakat Cina dalam Jawatankuasa Penasihat *Malayan Union* bagi membincangkan hal-hal berkaitan hak kewarganegaraan Leong Yew Koh dilantik oleh kerajaan British sebagai ahli Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1948. Semasa zaman darurat, beliau memainkan peranan dalam menentang komunis melalui penyertaannya dalam Majlis Perang Persekutuan (*Federal War Council*) dan Jawatankuasa Kerja Perang Negeri Perak (*Perak State War Executive Committee*) pada awal tahun 1950-an. Bersama dengan Lau Pak Khuan, beliau menubuhkan Persatuan Kebajikan orang Cina Perak pada tahun 1948 yang berperanan penting dalam menjaga kebajikan masyarakat Cina. Pada zaman darurat, beliau juga mengambil bahagian dalam penubuhan Pasukan Pengawal Kampung Kinta untuk mempertahankan daerah perlombongan Cina di Kinta. Beliau juga merupakan salah seorang pengasas MCA dan menjadi setiausaha agung pertama MCA. Pada tahun 1955, beliau dilantik sebagai Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat dalam kabinet pertama yang dibentuk oleh Tunku Abdul Rahman. Setelah kemerdekaan Tanah Melayu dicapai pada 31 Ogos 1957, Leong Yew Koh dilantik sebagai Gabenor pertama di Melaka. Beliau kemudiannya dilantik untuk menjawat jawatan Menteri Kehakiman pada tahun 1959. Beliau meninggal dunia pada 12 Januari 1963 ketika berumur 75 tahun. Inventori Surat Persendirian Leong Yew Koh (SP. 3), hlm. i-iv. Lihat juga *Federation of Malaya Year Book 1956*, hlm. 141 dan 143; *Federation of Malaya Year Book 1957/58*, hlm. 127; *Federation of Malaya Year Book 1962*, hlm. 39; SP. 18/9C/219, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 2, Bil. 12, 1957, hlm. 6-8. Rujuk juga *The Malay Mail*, 9 November 1955, hlm. 4, *The Straits Times*, 13 January 1963, hlm. 1 dan 5; *Straits Echo & Times of Malaya*, 27 August 1959, hlm. 1; Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical Dictionary of The Chinese In Malaysia*, hlm. 98; Yap Chee Choy, 'Tun Leong Yew Koh: Satu Tinjauan Terhadap Sumbangan Beliau Kepada Masyarakat Tanah Melayu', Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988/89, hlm. 1-110; Biographical Note on Leong Yew Koh, dalam C.O. 1030/443/FED36/1/019, Governorship of The Settlements In Malaya After Independence, hlm. 20; Amarjit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia*, hlm. 85.

³³ Review of Chinese Affairs, December 1949, dalam C.O. 717/182/52928/4, Political Developments, Review of Chinese Affairs, hlm. 36; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period July To December, 1949, hlm. 18, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period July To December, 1949, hlm. 18, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Lihat juga *Modern Daily News*, 28 December 1949, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 28 December 1949, hlm. 6; 29 December 1949, hlm. 5; *Kin Kwok Daily News*, 28 December 1949, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 28 December 1949, hlm. 3; *The Malay Mail*, 28 December 1949, hlm. 5; Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 12; Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Penjahat-Penjahat Hapus Semuanya, Kehidupan Kita Tidak Terganggu: Kempen Membanteras Komunis Di Kalangan Orang Melayu", hlm. 5.

³⁴ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June, 1950, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June, 1950, hlm. 1, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Rujuk juga Federation of Malaya Police Operational Intelligence Summary No. 79 For Week Ending 12 January 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 433; *The China Press*, 12 January 1950, hlm. 6; *Kin Kwok Daily News*, 12 January 1950, hlm. 3; *Sing Pin Jih Pao*, 12 January 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 12 January 1950, hlm. 6; *Indian Daily Mail*, 12 January 1950, hlm. 4; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 12 January 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 12 January 1950, hlm. 1.

³⁵ *The China Press*, 3 February 1950, hlm. 5.

³⁶ Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June, 1950, hlm. 6, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June, 1950, hlm. 6, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120. 1949, Summary of Security Activities During Emergency; Federation of Malaya Police Operational Summary No. 88 For Week Ending 16 March 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 352. Lihat juga *The China Press*, 14 March

1950, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 14 March 1950, hlm. 3; *Sing Pin Jih Pao*, 13 March 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 12 March 1950; *Indian Daily Mail*, 13 March 1950, hlm. 1.

³⁷ Federation of Malaya Police Operational Intelligence Summary No. 94 For Week Ending 27 April 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 277. Lihat juga *Sin Chew Jit Poh*, 28 April 1950, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 28 April 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 27 April 1950, hlm. 5; *The Malay Mail*, 27 April 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 27 April 1950, hlm. 1 dan 2.

³⁸ Dalam kejadian itu, penganas komunis yang melemparkan bom tangan turut terbunuh dalam letusan berkenaan. Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June, 1950, hlm. 14, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June, 1950, hlm. 14, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Lihat juga *The China Press*, 10 June 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 10 June 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 10 June 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 10 June 1950, hlm. 1; *The Malay Mail*, 9 June 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 10 June 1950, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 9 June 1950, hlm. 1.

³⁹ *The China Press*, 10 July 1950, hlm. 3; *Indian Daily Mail*, 10 July 1950, hlm. 1.

⁴⁰ *Modern Daily News*, 31 August 1950, hlm. 4; *The China Press*, 31 August 1950, hlm. 4; *Kin Kwok Daily News*, 31 August 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 31 August 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 31 August 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 31 August 1950, hlm. 4; *Majlis*, 31 Ogos 1950, hlm. 8; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 31 August 1950, hlm. 2; *Straits Echo & Times of Malaya*, 31 August 1950, hlm. 7.

⁴¹ SP. 13/A/6, The Malayan Constitutional Proposals, hlm. 3. Lihat juga Colonial Office Malaya, 22nd-28th September 1950, dalam C.O. 717/201/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports, hlm. 69. Rujuk juga *Kin Kwok Daily News*, 27 September 1950, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 27 September 1950, hlm. 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 27 September 1950, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 27 September 1950, hlm. 4; *The Malay Mail*, 26 September 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 27 September 1950, hlm. 2; *Straits Echo & Times of Malaya*, 27 August 1950, hlm. 7.

⁴² Asiatic Affairs-Malayan Chinese Condemns Communist Bandits, dalam C.O. 717/197/52849/Part II, Law and Order, hlm. 75.

⁴³ *The Malay Mail*, 6 February 1951, hlm. 7; *Straits Echo & Times of Malaya*, 6 February 1951, hlm. 1.

⁴⁴ Penganas komunis yang terlibat bernama Tan Fung. Beliau pertama kali berhubung dengan komunis ketika menoreh getah selepas waktu sekolah. Seterusnya, beliau menjadi pembekal makanan dan ejen maklumat komunis. Beliau kemudian menyertai pihak penganas selepas peristiwa di Panggung Wayang Wah Lok, Sungai Siput, Perak. Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 12-13 dan 129-130; *Nanyang Siang Pau*, 28 February 1951, hlm. 5; 1 March 1951, hlm. 7; *Sin Chew Jit Poh*, 1 March 1951, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 1 March 1951, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 28 February 1951, hlm. 5; 1 March 1951, hlm. 5; *The Malay Mail*, 28 February 1951, hlm. 7; *The Singapore Free Press*, 28 February 1951, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 28 February 1951, hlm. 1; 2 May 1956, hlm. 1.

⁴⁵ *The China Press*, 4 May 1951, hlm. 3; *Straits Echo & Times of Malaya*, 4 May 1951, hlm. 7.

⁴⁶ *The China Press*, 12 May 1951, hlm. 4; *Kin Kwok Daily News*, 12 May 1951, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 12 May 1951, hlm. 5; *Straits Echo & Times of Malaya*, 12 May 1951, hlm. 7.

⁴⁷ *Majlis*, 26 Jun 1951, hlm. 5; *Kin Kwok Daily News*, 25 June 1951, hlm. 4.

⁴⁸ *Indian Daily Mail*, 17 July 1951, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 17 July 1951, hlm. 5.

⁴⁹ *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 3 November 1951, hlm. 5; *The Singapore Free Press*, 3 November 1951, hlm. 1.

⁵⁰ Kejadian itu berlaku kerana tuan punya kedai enggan menurut kehendak penganas komunis. Sebelum kejadian itu, tuan kedai pernah menerima sepucuk surat ugutan penganas meminta \$50 tetapi ia tidak dipedulikan oleh tuan kedai berkenaan. *Kin Kwok Daily News*, 13 August 1952, hlm. 4. Lihat juga *Sing Pin Jih Pao*, 13 August 1952, hlm. 6; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 13 August 1952, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 13 August 1952, hlm. 1.

⁵¹ *The China Press*, 29 May 1953, hlm. 3; *Sin Chew Jit Poh*, 29 May 1953, hlm. 7; 30 May 1953, hlm. 7; 1 June 1953, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 29 May 1953, hlm. 4; 30 May 1953, hlm. 4; 1 June 1953, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 29 May 1953, hlm. 6; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 29 May

1953, hlm. 5; 30 May 1953, hlm. 6; *Chung Shing Jit Pao*, 29 May 1953, hlm. 7; 30 May 1953, hlm. 7; *The Malay Mail*, 29 May 1953, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 29 May 1953, hlm. 1.

⁵² *Sin Chew Jit Poh*, 1 May 1956, hlm. 9; *Kin Kwok Daily News*, 3 May 1956, hlm. 4; *Sing Pm Jit Pao*, 3 May 1956, hlm. 7; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 3 May 1956, hlm. 6; *Chung Shing Jit Pao*, 3 May 1956, hlm. 7; *Straits Echo & Times of Malaya*, 2 May 1956, hlm. 1.

⁵³ *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 28 June 1948, hlm. 3.

